

**PEMAKAIAN PERATURAN-PERATURAN
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
(KWSP) 2001 DALAM TUNTUTAN DAN
AGIHAN HARTA TANPA PENAMAAN:
PELAKSANAANNYA DI KWSP
KUALA LUMPUR**

SITI FATIMAH AZZURA BINTI MOHD YUSOF

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

**PEMAKAIAN PERATURAN-PERATURAN
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
(KWSP) 2001 DALAM TUNTUTAN DAN
AGIHAN HARTA TANPA PENAMAAN:
PELAKSANAANNYA DI KWSP
KUALA LUMPUR**

SITI FATIMAH AZZURA BINTI MOHD YUSOF

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

**PEMAKAIAN PERATURAN-PERATURAN
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
(KWSP) 2001 DALAM TUNTUTAN DAN
AGIHAN HARTA TANPA PENAMAAN:
PELAKSANAANNYA DI KWSP
KUALA LUMPUR**

SITI FATIMAH AZZURA BINTI MOHD YUSOF

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

ABSTRAK

Kajian ini secara umum meneliti konsep harta tanpa penamaan dan pentadbirannya di Malaysia. Dalam melihat pentadbiran harta ini kajian ditumpukan kepada satu institusi yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran harta jenis ini iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Kajian memfokuskan aspek tuntutan harta, caruman atau simpanan tanpa penamaan yang diaplikasikan di KWSP dan agihannya di mana kedua-dua aspek tersebut diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan KWSP 2001. Kajian juga meneliti isu-isu berbangkit daripada pentadbiran tuntutan dan agihan caruman KWSP yang tiada penamaan. Kajian kualitatif ini menggunakan metode kepustakaan, metode dokumentasi, metode persampelan bertujuan (*Purposive Sampling*) dan metode temubual semi berstruktur sebagai metode pengumpulan data. Manakala metode induktif, deduktif dan komparatif digunakan sebagai metode analisis data. Kajian mendapati bahawa caruman KWSP yang tiada penama menjadi harta pusaka si mati. Namun begitu, pentadbirannya di KWSP tidak tertakluk sepenuhnya kepada undang-undang pentadbiran pusaka kerana ia ditadbir oleh undang-undangnya sendiri. Kajian juga mendapati, KWSP dalam kes tertentu menggunakan budi bicaranya dalam usaha menjalankan tanggungjawabnya sebagai pemegang amanah kepada caruman tersebut. Terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh KWSP dalam menguruskan caruman tersebut. Ini meliputi ketidakcukupan dokumen yang dikemukakan oleh pemohon yang diperlukan untuk proses pengurusan, ketiadaan mekanisme untuk memproses kes-kes di mana terdapat lebih dari satu permohonan pengeluaran daripada pemohon yang layak dan kekangan perundangan dalam menangani kes penerima caruman tidak menjalankan tanggungjawabnya sebagai wasi. Akhirnya cadangan dikemukakan bagi penambahbaikan prosedur pengeluaran dan agihan caruman tanpa penamaan di KWSP.

ABSTRACT

This research generally examines the concept of property without nomination and its administration in Malaysia. In order to examine the administration of the property, the Employees Provident Fund (EPF) institution was selected. The main discussion of this research focuses on the EPF claim application and its distribution aspects. Both of the aspects are stated in the EPF Regulations 2001. Furthermore this research is concentrated on the administrative issues of the claim and distribution of the property. This qualitative research had used methods of library research, documentation, sampling (Purposive Sampling) and interviewing in the collection of the data. In analyzing the data, methods of inductive, deductive and comparative had been used. The research found that the property without nomination at the EPF is considered as the estate of a deceased (the nominator). However, the administration of the property is not fully subjected to the administration of inheritance law because it is governed by its own EPF law. The research has also found that the EPF in certain cases has used its discretion to fulfill its responsibility as the trustee for the contributions. There are some problems encountered by the EPF in managing the contributions. These include inadequacy of documents supplied by the applicant needed for the process, absence of mechanism to process cases involving more than one qualified applicants and also problem of legal constraints in dealing with cases of executor not carrying out his responsibility in administering such contributions. At the end of the research, suggestions had been forwarded to improve the EPF withdrawal and distribution procedures for contribution of property without nomination.

PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah S.W.T yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kerana memberi ilham dan kekuatan sehingga menghasilkan disertasi ini. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga baginda dan para sahabat.

Kerjasama, bantuan material dan sokongan daripada semua pihak menjadi penyumbang utama dalam menyiapkan disertasi ini. Justeru itu jutaan penghargaan diucapkan kepada pihak-pihak tersebut iaitu:

1. Penyelia disertasi ini iaitu **Prof. Madya Dr Siti Mashitoh Mahamood** di atas segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan tanpa jemu sehingga disertasi ini disiapkan dengan jayanya.
2. Unit Penyelidikan Ditaja, Institut Pengurusan Penyelidikan dan Perundingan Universiti Malaya yang meluluskan Peruntukan Penyelidikan Pascasiswazah (PPP) untuk perbelanjaan semasa menjalankan kajian lapangan.
3. Pegawai-pegawai di Bahagian Pengeluaran Kematian dan Penamaan, KWSP iaitu En. Mohd Apipi Yaakop, Pengurus Kanan, En. Mohd Taib Ismail, Pengurus, En. Illias Hassan, Timbalan Pengurus, En. Mohd Nisham Othman, Penolong Pengurus yang memberikan kerjasama yang padu dalam membekalkan maklumat kepada penulis. Tanpa bantuan daripada pihak-pihak tersebut, amat sukar untuk penulis mendapatkan sumber penulisan ini.

4. Ayahanda Mohd Yusof Md. Zain, suami tercinta Mohd Rosnizan bin Baba yang tanpa jemu memberi sokongan moral dan doa untuk kejayaan ini..
5. Keluarga tersayang Robiaah, Rodiyah, Ummu Sarah, Fadzilah, Habibullah dan Syukriyah.
6. Semua rakan-rakan seperjuangan khususnya Al-Azifah bt Sapei dan Norhayati bt Dahlal, Fadilah bt Yusof dan Rozilawati bt Yacoob.

Semoga jasa sumbangan yang diberikan akan dikurniakan keberkatan dan ganjaran daripada Allah S.W.T.

**Siti Fatimah Azzura Mohd Yusof
No. 14, Taman Serindit,
Alor Malai, Jalan Langgar,
05460 Alor Setar, Kedah Darulaman.**

ISI KANDUNGAN

Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vii
Senarai Statut	xiii
Senarai Kes	xiv
Senarai Kependekan	xv
Panduan Tranliterasi	xvi
Senarai Lampiran	xvii

BAB 1 : PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Masalah Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah Kajian	8
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Kepentingan Kajian	14
1.6	Skop Kajian	15
1.7	Metodologi Kajian	15
1.7.1	Metode Pengumpulan Data	16
1.7.1.1	Metode Kepustakaan	16
1.7.1.2	Metode Dokumentasi	16
1.7.1.3	Metode Persampelan	17
1.7.1.4	Metode Temubual	18
1.7.2	Metode Analisis Data	19
1.7.2.1	Metode Induktif	19
1.7.2.2	Metode Deduktif	20
1.7.2.3	Metode Komparatif	21
1.8	Ulasan Literatur	21

**BAB 2: KONSEP HARTA TANPA PENAMAAN DAN SOROTAN
APLIKASINYA DI MALAYSIA**

2.1	Pendahuluan	28
2.2	Definisi Harta	31
2.2.1	Harta Dari Segi Bahasa	31
2.2.2	Harta Dari Segi Istilah	32
2.2.3	Harta Dari Segi Undang-Undang	36
2.3	Caruman dan Simpanan KWSP sebagai Harta	39
2.4	Harta Tanpa Penamaan dan Sorotan Aplikasinya di Malaysia	42
2.4.1	Pendahuluan	42
2.4.2	Harta Penama	43
2.4.2.1	Definisi dan Konsep Harta Penama	43
2.4.2.2	Sorotan Aplikasi Pentadbiran Harta Penama di Malaysia	46
2.4.3	Harta Tanpa Penama	49
2.4.3.1	Definisi Dan Konsep Harta Tanpa Penama	49
2.4.3.2	Sorotan Aplikasi Pentadbiran Harta Tanpa Penama di Malaysia	51

BAB 3 : BIDANGKUASA DAN ORGANISASI KUMPULAN

WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

3.1	Pengenalan Kepada KWSP	56
3.2	Sejarah Penubuhan KWSP dan Perkembangannya	58
3.2.1	Sejarah Penubuhan KWSP	58
3.2.2	Perkembangan KWSP	62
3.3	Bidang Kuasa KWSP di dalam Akta KWSP 1991 (Akta 452)	66
3.4	Organisasi KWSP	71
3.5	Misi dan Visi KWSP	72
3.6	Piagam Pelanggan KWSP	72
3.7	Penamaan di KWSP	74

**BAB 4 : PEMAKAIAN PERATURAN-PERATURAN KWSP 2001 DALAM
TUNTUTAN DAN AGIHAN HARTA TANPA PENAMAAN
DI KWSP KUALA LUMPUR**

4.1	Pendahuluan	77
4.2	4.2 Prosedur Tuntutan Caruman dan Simpanan Tanpa Penamaan	77
4.2.1	Orang yang Layak Membuat Tuntutan Pengeluaran	77
4.2.1.1	Si Mati Telah Berkahwin	79
4.2.1.2	Si Mati Belum Berkahwin	87
4.2.2	Dokumen yang Perlu Dikemukakan	89
4.2.2.1	Dokumen Pembuktian Kematian	90
4.2.2.2	Dokumen Pembuktian Hubungan	92
4.3	Prosedur Agihan Harta tanpa Penamaan	94
4.3.1	Agihan Caruman dan Simpanan Kepada Pentadbir Pusaka Si Mati	94
4.3.2	Pembayaran bagi amaun tidak melebihi RM2,500.00	96
4.3.3	Pembayaran bagi amaun melebihi RM2,500.00 dan kurang daripada RM20,000.00	97
4.3.4	Pembayaran bagi amaun melebihi RM20,000.00	99

BAB 5: ISU – ISU DALAM TUNTUTAN DAN AGIHAN

HARTA TANPA PENAMAAN DI KWSP KUALA LUMPUR

5.1	Isu-isu dalam Tuntutan Harta tanpa Penamaan	101
5.1.1	Kesilapan Teknikal dan Perbezaan Data dalam Dokumen-dokumen	101
5.1.2	Kelemahan Dokumentasi atau Prosedur Pengeluaran	106
5.2	Isu-isu Agihan Harta Tanpa Penamaan	109
5.2.1	Mekanisma Penentuan Orang Yang Layak Menerima Caruman dan Simpanan Si mati	109
5.2.2	Pelantikan Beberapa Pentadbir Pusaka	118
5.2.3	Perbezaan Agama Si Mati Dengan Pemohon	120
5.2.4	Penerima Caruman dan Simpanan Tidak Mengagihkan Wang Caruman dan Simpanan Kepada Ahli Waris Yang Berhak	123

BAB 6 : RUMUSAN DAN CADANGAN 126

BIBLIOGRAFI 135

SENARAI STATUT

Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98).

Akta Insurans 1996 (Akta 553).

Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

Akta Koperasi 1993 (Akta 502).

Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 405).

Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208).

Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993, (Akta no. 505 1993).

Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97).

Akta Undang-undang Sivil 1956 (Akta 67).

Enakmen Mahkamah Syariah Johor 1993 (No.12/1993).

Enakmen Mahkamah Syariah Kedah 1994 (No. 4/1994).

Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 (No. 7/1999).

Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (No. 5/2005)

Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 (No. 5/2005)

Enakmen Wasiat (Negeri Selangor) 1999(No. 4 / 1999).

[Enakmen Wasiat Orang Islam \(Negeri Sembilan\) 2004 \(No. 5/2004\).](#)

Kaedah-kaedah KWSP 1999 (P.U. (A) 493 / 91).

Peraturan-peraturan KWSP 2001 (P.U. (A) 409/2001).

SENARAI KES

HSBC (M) Trustee Bhd v Kong Kim Hoh & Ors (1999) 3 MLJ 383.

In The Estate of Ngau Ken Lock (Deceased) (Ngau Voon Kiat, Petitioner) (2002) 4MLJ 74.

Perkara Harta Pusaka Shaikh Mohamed bin Abdul Rahman bin Hazim (Dialihbahasa dari (1974) 1 MLJ 184, (1982) 1B MLJ 18.

Razalli bin Zakaria lwn Rafeah dan Maimunah (1998) 12 JH 113.

Re Bahadun bin Hj. Hassan, Decd (1974) 1 MLJ 14.

Re Ismail bin Rentah (1940) MLJ 98.

Re Man bin Minhat, Decd (1965) 2 MLJ.

Saniah bt. Ali dan lain-lain lawan Abdullah bin Ali (1990) 3 MLJ 135.

Wan Puziah lawan Wan Abdullah (2001) 14:2 Jurnal Hukum 235.

Yapp Kee Par v Molly Yap & Ors (1996) 4 MLJ 219.

SENARAI KEPENDEKAN

ARB	Amanah Raya Berhad
Bil.	Bilangan
c.	Cetakan
<i>dec</i>	Deceased
ed.	Editor
<i>et al.</i>	Terdapat editor-editor lain selain editor yang tercatat
h.	Halaman
Hj.	Haji
<i>Ibid</i>	Ibidem; Rujukan yang berturutan dengan sebelumnya
Infra	Di bawah seterusnya (below)
j.	Jilid/juzuk
JH	Jurnal Hukum
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
MLJ	Malayan Law Journal
No.	Nombor
<i>op.cit</i>	Opera Citato; Rujukan yang berselang dengan sebelumnya
S.A.W	Şallallah ‘Alaih Wasalam
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
Sek.	Seksyen
SKM	Surat Kuasa Mentadbir
Supra	Di atas sebelumnya (above)
S.W.T	Subĥanahu wa Ta‘ala
T.P	Tiada Penerbit
T.T.P	Tiada Tempat Penerbitan
t.t	Tiada tahun
terj.	Terjemahan

PANDUAN TRANSLITERASI

Panduan Transliterasi yang digunakan dalam disertasi ini adalah merujuk kepada Buku Panduan Penulisan/Disertasi Ijazah Tinggi yang dikeluarkan oleh Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur tahun 2001.

Konsonan			
Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ء	'(Hamzah), a	ط	t
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	'
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	ه	h
س	s	و	w
س	sy	ي	y
ش	ṣ	ة	h
ڤ	ḍ		

Vokal Panjang

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
آ	ā
و	ū
ى	ī

Vokal Pendek

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
◌َ (fathah)	a
◌ِ (kasrah)	i
◌ُ (ḍammah)	u

Diftong

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
أو	aw
أى	ay
يى	iy/ī
وى	uww

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2001 P.U. (A) 409/2001
- Lampiran B Risalah Pengeluaran Kematian 2008
- Lampiran C Borang Permohonan Pengeluaran Kematian KWSP 9KM (AHL)
- Lampiran D Statistik Kes Pengeluaran Kematian Setakat Disember 2005
- Lampiran E Statistik Kes Pengeluaran Kematian Setakat Disember 2006
- Lampiran F Contoh Surat Persetujuan Membenarkan Caruman Dibayar Kepada Pihak Pemohon
- Lampiran G Keratan Akhbar berhubung Penamaan dan Proses Pentadbiran Caruman Tanpa Penama
- Lampiran H Keratan Akhbar Kes Penipuan Identiti Norizam Ahmad



BAB PERTAMA

BAB PERTAMA

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Harta merupakan suatu keperluan dalam kehidupan manusia. Secara fitrahnya manusia cenderung untuk memiliki harta. Mengikut prinsip kehartaan Islam, harta merupakan amanah Allah S. W. T. kepada manusia. Ini bermakna manusia boleh memiliki dan menguruskan hartanya termasuk mengembangkan harta tersebut buat sementara waktu sahaja dengan berlandaskan hukum yang ditetapkan oleh Allah S. W. T. Antara kaedah pengembangan harta dalam konteks masa kini ialah seperti melabur, menyimpan atau mencarum di institusi-institusi kewangan. Dapat dilihat, situasi ekonomi Malaysia hari ini dan kesedaran rakyatnya tentang kepentingan membuat simpanan dan pelaburan demi masa hadapan mereka mendorong pertumbuhan pesat institusi-institusi kewangan di Malaysia kini. Skim-skim Simpanan, Caruman atau Pelaburan yang ditawarkan oleh institusi-institusi tersebut sama ada secara sukarela seperti simpanan di bank-bank atau Pelaburan Amanah Saham atau yang diwajibkan oleh kerajaan seperti caruman KWSP mendapat sambutan yang amat menggalakkan.¹

Dengan situasi tersebut, adalah penting untuk pihak-pihak yang terlibat dalam menguruskan harta, menguruskannya dengan baik atau dalam erti kata lain menguruskannya dengan berlandaskan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemiliknya yang asalnya. Oleh itu, Islam telah menyediakan beberapa sistem pentadbiran

¹ Dalam konteks KWSP, misalnya dapat dilihat kepada peningkatan ahli KWSP yang aktif yang meningkat sejak tahun 2004 hingga tahun 2008 di mana pada tahun 2008 ahli yang aktif mencarum di KWSP mencecah 5.7 juta berbanding pada tahun 2004 sebanyak 5.07 juta. Lihat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, <http://www.kwsp.gov.my>, 28 Oktober 2009.

harta yang boleh diaplikasikan oleh umatnya. Kepentingan pengurusan harta dengan baik dapat dilihat dalam beberapa firmanNya yang menjelaskan tentang keperluan-keperluan dan larangan-larangan yang perlu diambil kira dalam proses menguruskan sesuatu harta.² Ini kerana pengurusan harta mengikut undang-undang Islam mempunyai beberapa objektif yang perlu diambil kira iaitu yang pertama, untuk menjamin pergerakan dan pengedaran harta dalam kehidupan agar ia boleh berkembang dan digunakan secara menyeluruh dengan sewajarnya. Yang kedua untuk melindungi harta dari perkara yang membangkitkan pertikaian yang boleh membinasakan harta serta pemiliknya. Yang ketiga menjamin keadilan dalam menggunakan atau menguruskan harta dan objektif yang terakhir ialah melindungi harta daripada kemudaratan seperti penyelewengan, kecurian dan sebagainya.³

Sehubungan dengan itu, mengikut amalan kini terdapat undang-undang yang mengawal selia pentadbiran harta dan pentadbiran institusi kewangan yang menguruskan harta. Undang-undang ini sama ada dalam bentuk peruntukan Akta, Enakmen atau melalui Peraturan dan Kaedah yang digubal bagi mengawal perkara-perkara berkaitan pengurusan harta ini.⁴ Secara umumnya selain Akta KWSP 1991 (Akta No. 452, 1993) dan Kaedah-Kaedah KWSP 1991⁵, Peraturan-Peraturan KWSP 2001⁶ merupakan peraturan yang mengawal prosedur khasnya prosedur pentadbiran pengeluaran caruman KWSP bagi kes kematian ahli. Sekalipun Peraturan-Peraturan KWSP 2001 tersebut membabitkan undang-undang prosedur, khususnya prosedur tuntutan dan agihan caruman KWSP bagi kes

² Misalnya firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarah 2:198, 43, dan 117; surah al-Furqān 25:67; dan al-Isrā' 17:29 mengenai beberapa keperluan dalam pengurusan harta. Manakala mengenai larangan-larangan dalam pengurusan harta, lihat misalnya dalam surah al-Nisā' 4:29, surah al-Taubah 9: 34-35, al-Baqarah 2:275-276 dan 282.

³ Shukeri Mohamad, "Maqāsīd al-Syarīah dalam Pengurusan Harta", *Monograf Syariah*, Mei 1996, h. 6-21.

⁴ Misalnya Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97); Akta Harta Pusaka Kecil (pembahagian) 1955 (Akta 98); Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 (No. 7/1999); Enakmen Wasiat (Negeri Selangor) 1999 (No. 4/1999), Akta Koperasi 1993 Akta (Akta 502), Akta Insurans 1996 (Akta 553).

⁵ Kaedah-Kaedah KWSP 1991, P.U. (A) 493/91.

⁶ Peraturan-Peraturan KWSP 2001, PU (A) 409/01.

kematian ahli, tetapi untuk mempraktikkan peraturan-peraturan tersebut dalam realiti pengurusan caruman terutamanya caruman KWSP yang tiada penamaan, ia turut melibatkan pentadbiran undang-undang Islam substantif iaitu undang-undang pusaka Islam.

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Situasi ekonomi dan perkembangan kewangan semasa di Malaysia kini mendorong dan membenarkan individu untuk melabur, menyimpan atau mencarum wang mereka melalui institusi-institusi kewangan seperti Bank, Koperasi, Syarikat Insuran dan termasuk juga KWSP bagi faedah masa depan mereka. Menurut undang-undang dan peraturan-peraturan institusi-institusi tersebut, penyimpan atau pencarum dibolehkan malah digalakkan untuk meletakkan penama atau penama-penama yang akan menerima simpanan atau caruman tersebut apabila mereka meninggal dunia kelak. Penama atau penama-penama adalah bertindak sebagai pentadbir bagi yang beragama Islam atau benefisiari bagi bukan Islam kepada wang yang diterimanya.

Walau bagaimanapun meletakkan penama atau penama-penama bagi suatu simpanan atau caruman bukanlah suatu kewajipan di sisi undang-undang, tetapi ia hanya sekadar suatu pilihan di mana penyimpan atau pencarum boleh sama ada meletakkan penama atau tidak. Namun begitu, kedudukan sesuatu harta sama ada ia dinamakan kepada seseorang atau tidak memainkan peranan penting untuk menentukan prosedur yang akan digunakan bagi urusan tuntutan dan pengeluaran apabila penyimpan meninggal dunia. Ini kerana, kedua-dua jenis harta ini mempunyai prosedur yang berbeza sepertimana

diperuntukkan dalam statut setiap institusi.⁷ Secara umumnya dilihat, proses pentadbiran simpanan atau caruman yang tidak di namakan ini lebih rumit berbanding simpanan yang ada penamaan. Ini kerana proses tuntutan dan agihan simpanan tanpa penamaan ini perlu melalui beberapa peringkat yang kompleks di samping terdapat beberapa masalah perundangan berbangkit. Masalah tersebut membabitkan kedua-dua perundangan iaitu perundangan di Malaysia dan perundangan Islam sendiri sama ada permasalahan prosedur atau undang-undang substantif.

Dalam konteks kajian, Peraturan-Peraturan KWSP 2001⁸ merupakan peraturan yang dibuat di bawah bahagian 11, seksyen 71 Akta KWSP 1991⁹ yang mengawal selia pentadbiran KWSP selain peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Kaedah-kaedah KWSP 1991.¹⁰ Berdasarkan peruntukan seksyen 71 tersebut, Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan mana-mana peruntukan di bawah Akta 452 tersebut atau dengan erti kata lain peraturan-peraturan yang digubal merupakan peruntukan tambahan kepada peruntukan akta. Di antara perkara yang boleh digubal dalam peraturan KWSP ialah membuat peraturan mengenai pembayaran pengeluaran dan pungutan, penamaan, pembayaran amaun tambahan, mengadakan peruntukan bagi kesalahan-kesalahan dan beberapa perkara lagi.¹¹

⁷ Misalnya Akta KWSP 1991 (Akta 452); Akta Insurans, *op.cit.*; Akta Koperasi, *op.cit.*

⁸ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*

⁹ Akta KWSP, *op.cit.*

¹⁰ Kaedah-kaedah KWSP, *op.cit.*

¹¹ Lihat Akta KWSP, *op.cit.*, Seksyen 71 (a) (b) (c) (d) (e) (f) (g) (h) (i) (j) (ja) (k) (l); Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*, Peraturan 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, dan 11.

Peraturan-Peraturan KWSP 2001 yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2002 adalah menggantikan atau memansuhkan Peraturan-Peraturan KWSP 1991.¹² Peruntukan yang terkandung di bawah Peraturan-Peraturan 1991 tersebut mengenai pengeluaran caruman KWSP yang tidak membuat penamaan didapati agak longgar berbanding peruntukan mengenainya yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan 2001 tersebut. Ini misalnya dapat dilihat kepada peruntukan mengenai amaun caruman yang tidak perlu dikemukakan mana-mana satu daripada Surat Kuasa Mentadbir atau Surat Probet atau Perintah Pembahagian di mana berdasarkan peraturan 15(1)(c) Peraturan-Peraturan KWSP 1991, pihak KWSP boleh membenarkan pengeluaran caruman tanpa perlu dikemukakan mana-mana satu daripada dokumen-dokumen tersebut bagi amaun lebih daripada RM 20,000.00 dan tidak boleh lebih daripada RM 30,000.00. Ini bergantung kepada budi bicara KWSP untuk meluluskan permohonan pengeluaran tersebut. Walau bagaimanapun, dalam peraturan 8, Peraturan-Peraturan KWSP 2001, amaun bagi pengeluaran caruman yang tidak perlu dikemukakan dokumen-dokumen tersebut telah diturunkan setakat RM 20,000.00 sahaja. Selain memperuntukkan mengenai pengeluaran caruman sama ada caruman tanpa penamaan atau yang ada penama, Peraturan-Peraturan KWSP 2001 juga memperuntukkan beberapa peraturan lain iaitu pembayaran caruman bagi upah yang mempunyai bonus, kuasa membuat penamaan, bilangan penama dan penghentian penama, keperluan mengemukakan keterangan pembayaran duti harta pusaka dan pembayaran amaun tambahan.¹³

¹² PU (A) 492/91; Lihat Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*, Peraturan 12.

¹³ *Ibid.*

KWSP, seperti institusi kewangan yang lain juga menggalakkan ahlinya meletakkan penama atau penama-penama yang akan menerima simpanan jika ahli meninggal dunia.¹⁴ Tujuan penamaan dibuat adalah untuk memudahkan dan mempercepatkan urusan pengeluaran simpanan kepada orang yang dinamakan.¹⁵ Namun begitu, sehingga Oktober 2003, hanya 3.32 juta ahli daripada 10.4 juta ahli KWSP yang membuat penamaan. Jumlah tersebut hanya 32 peratus daripada keseluruhan pencarum. Ini bermakna 68 peratus ahli KWSP belum membuat penamaan. Tambahan pula, jumlah ini hanya diperolehi setelah KWSP mengadakan kempen penamaan secara-secara besar-besaran melalui iklan televisyen, radio dan akhbar. Ini juga dapat dilihat dalam statistik bilangan kes yang telah diluluskan oleh KWSP pada tahun 2005 dan 2006 bagi kes pengeluaran kematian. Pada tahun 2005 setakat bulan Disember didapati kes caruman yang tiada penamaan mencecah 31,547 kes. Manakala kes yang ada penama pula hanya 7489 sahaja pada tahun yang sama. Pada tahun 2006 sehingga bulan Oktober pula, statistik pengeluaran kes kematian menunjukkan kes yang tiada penama sebanyak 26,107 kes dan kes yang ada penama sebanyak 5,948 kes.¹⁶ Di antara punca pencarum beragama Islam tidak membuat penamaan ialah keraguan terhadap penyelewengan oleh penama yang tidak membahagikan wang yang diterimanya kepada ahli waris yang lain.

Sebenarnya, mereka tidak menyedari bahawa caruman atau simpanan yang tidak dinamakan juga mempunyai risiko dan masalah-masalahnya tersendiri. Ini kerana waris

¹⁴ Risalah KWSP, "Penamaan", cetakan Jun 2009. Galakan membuat penamaan bagi caruman ini juga dapat dilihat daripada isu-isu yang sering dibangkitkan di dada-dada akhbar mengenai pencarum KWSP belum membuat penamaan misalnya dalam laporan Harian Metro, April 11, 2007:19 yang melaporkan komen Perdana Menteri pada waktu itu, Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah bin Ahmad Badawi mengenai pencarum KWSP yang belum membuat penamaan.

¹⁵ Apabila ahli meninggal dunia dengan membuat penamaan, carumannya akan dibayar terus kepada penama atau penama-penama. Lihat peraturan 9 (1), Peraturan-peraturan KWSP, *op.cit.*

¹⁶ Sumber bertulis yang diperolehi daripada KWSP. Lihat lampiran E.

terdekat terpaksa melalui beberapa peringkat proses pengeluaran yang kompleks. Di mana dalam keadaan tertentu, waris perlu mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian atau Probet mengikut amaun simpanan ahli.¹⁷ Manakala urusan untuk mendapatkan dokumen tersebut selalunya mengambil masa yang lama dan dikenakan bayaran. Seterusnya urusan pelaksanaan agihan harta si mati juga mengambil masa yang panjang. Di samping itu, risiko penama membolot semua wang yang diterimanya yang dianggap boleh berlaku dalam kes caruman yang dinamakan, juga boleh berlaku dalam kes caruman yang tidak dinamakan. Ini kerana, ada beberapa kategori amaun caruman yang tanpa penamaan boleh diagihkan tanpa memerlukan mana-mana yang berkenaan daripada Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian atau Surat Probet.¹⁸

Ini misalnya dapat dilihat dalam kes penipuan identiti Allahyarham Norizam Ahmad yang menggunakan identiti Mohd Syarizal Wahab yang membawa kepada pengeluaran wang caruman milik orang lain oleh balu si mati. Balu si mati, Norizah Hamzah telah mengeluarkan caruman KWSP suaminya Allahyarham Norizam Ahmad yang sebenarnya menggunakan identiti Mohd Syarizal Wahab sebanyak RM 12,000.00 milik Mohd Syarizal Wahab.¹⁹ Caruman Mohd Syarizal Wahab ini merupakan caruman tanpa penamaan.²⁰ Ini terjadi sekalipun pihak KWSP telah mematuhi segala prosedur pengeluaran yang ditetapkan.²¹

¹⁷Lihat Peraturan-peraturan KWSP, *op.cit.*, Peraturan 8.

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Berita Harian, Oktober 3, 2006:4 “Pernikahan Norizah sah: Mufti”; Oktober 4, 2006:4 “Saya maafkan tetapi mahu penjelasan”; Oktober 4, 2006:4 “Lelaki guna identiti Syarizal dikenal pasti”; Oktober 5, 2006:4 “Norizah kesal mentua sorok identiti suami”.

²⁰ Encik Mohd Taib Ismail, Pengurus Bahagian Pengeluaran Kematian & Penamaan, KWSP. Temubual pada 6 Disember 2007.

²¹Berita Harian, Oktober 3, 2006:4 “Wang KWSP perlu dipulang”.

Berdasarkan penjelasan di atas, menunjukkan bahawa caruman tanpa penamaan juga mempunyai masalah dan risiko-risiko yang perlu diteliti dan diatasi semaksimum yang mungkin. Dengan ini, adalah amat perlu dikaji mengenai pentadbiran caruman tanpa penamaan ini dengan merujuk undang-undang yang digunakan dalam mentadbirnya.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Peruntukan mengenai penamaan ini diperuntukkan di dalam Peraturan-peraturan KWSP 1991 yang kemudiannya peraturan tersebut dipinda pada tahun 2001 dan digunapakai hingga kini.²² Peraturan mengenai pembayaran caruman yang tidak dinamakan dalam kes kematian ahli diperuntukkan di bawah Peraturan 8.²³ Berdasarkan kepada peraturan 8 tersebut, secara umumnya pihak KWSP akan membayar caruman si mati yang tidak membuat penamaan kepada sesiapa yang mengemukakan mana-mana daripada Surat Kuasa Mentadbir Pusaka atau Surat Probet atau Perintah Pembahagian.

Walau bagaimanapun jika dokumen tersebut tidak dikemukakan dalam tempoh dua bulan dari tarikh kematian ahli, maka agihan akan dibuat dalam tiga bentuk. Di mana bentuk agihan tersebut adalah berdasarkan kepada amaun simpanan ahli iaitu yang pertama bagi amaun simpanan yang kurang daripada RM2,500.00. Manakala yang kedua amaun simpanan lebih daripada RM2,500.00 dan kurang daripada RM20,000.00. Seterusnya amaun simpanan yang melebihi RM20,000.00. Bagi amaun kurang daripada RM20,000.00 KWSP boleh membuat bayaran tanpa perlu dikemukakan mana-mana daripada Surat Kuasa Mentadbir Pusaka atau Probet atau Perintah Pembahagian kepada orang yang pada pandangannya berhak mendapat mana-mana dari dokumen berkenaan atau orang yang

²² Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*

²³ *Ibid.*

berhak secara benefisial kepada harta pusaka si mati.²⁴ Manakala bagi amaun simpanan lebih daripada RM20,000.00, KWSP boleh membayar tidak lebih daripada RM20,000.00 kepada orang yang disebutkan di atas tanpa perlu dikemukakan mana-mana daripada Surat Kuasa Mentadbir Pusaka atau Probet atau Perintah Pembahagian. Manakala baki yang selebihnya akan diagihkan kepada pemohon yang mengemukakan mana-mana satu daripada dokumen tersebut. Namun begitu, KWSP juga boleh membuat bayaran pendahuluan sebanyak RM2,500.00 apabila menerima permohonan pengeluaran dan permohonan tersebut diterima dalam tempoh dua bulan dari tarikh kematian si mati²⁵

Seterusnya mengenai orang yang layak membuat tuntutan terhadap caruman yang tidak dinamakan atau dalam erti kata lain orang yang akan menerima bayaran caruman si mati yang tidak ada penamaan adalah mengikut status perkahwinan ahli sama ada ahli sudah berkahwin atau belum berkahwin. Jika si mati belum berkahwin pihak yang layak membuat tuntutan adalah mengikut keutamaan iaitu Pentadbir Pusaka si mati, ibu atau bapa si mati, adik-beradik si mati dan sesiapa yang layak mendapat wang tersebut mengikut pandangan pihak KWSP. Manakala jika si mati telah berkahwin pula, selepas Pentadbir Pusaka sebagai pihak pertama yang layak membuat tuntutan, orang yang boleh membuat tuntutan ialah balu atau duda si mati, anak-anak si mati atau penjaga mereka, bapa atau ibu si mati, adik-beradik si mati dan sesiapa yang layak mendapat wang tersebut mengikut pandangan pihak KWSP.²⁶

²⁴Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*, Peraturan 8 (a) (i) (ii).

²⁵ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*, Peraturan 8 (b) (i) (ii) (iii).

²⁶ Risalah KWSP "Pengeluaran Kematian", cetakan April 2008.

Dalam meneliti prosedur agihan dan tuntutan yang digariskan di dalam Peraturan-peraturan KWSP 2001 dan amalan pengurusan yang dilaksanakan di KWSP, timbul beberapa persoalan dan permasalahan yang cuba difahami sebelum alternatif penyelesaian dibina. Pengkaji telah membahagikan persoalan kajian atau pernyataan masalah kajian ini kepada dua kategori iaitu kategori tuntutan caruman dan kategori agihan caruman. persoalan dan permasalahan tersebut ialah:

1) Tuntutan

Berdasarkan peruntukan akta dan prosedur amalan di KWSP, pihak yang membuat permohonan pengeluaran caruman si mati, perlu mengemukakan beberapa dokumen bagi membuktikan hubungan pemohon dengan si mati. Misalnya Surat Nikah pemohon dan si mati jika permohonan di buat oleh balu, Sijil Kelahiran pemohon jika pemohon ialah anak si mati dan beberapa dokumen lain. Berdasarkan fakta-fakta tersebut, wujud beberapa persoalan:

- 1) Sejauhmanakah pihak KWSP merealisasikan kehendak akta dan peraturan-peraturan yang digubal dalam pentadbiran dan pengurusan tuntutan bagi caruman si mati yang tidak membuat penamaan.
- 2) Apakah tindakan KWSP jika pihak yang membuat permohonan tersebut tidak dapat mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan atau dokumen yang dikemukakan tidak lengkap. Adakah pihak KWSP akan memberi alternatif lain kepada pemohon untuk membuktikan hubungannya dengan si mati atau KWSP tidak meluluskan permohonannya. Misalnya pemohon tidak dapat mengemukakan sijil nikah, atau sijil cerai bagi pemohon yang mendakwa si mati telah bercerai,

atau pemohon mengemukakan sijil nikah luar negara tanpa membuat pengesahan di Malaysia dan beberapa dokumen lain yang diperlukan.

- 3) Sejauhmanakah pihak KWSP menjalankan siasatan terhadap kesahihan dokumen yang dikemukakan oleh pemohon untuk membuat pengeluaran caruman si mati.
- 4) Dalam kes terdapat kesilapan teknikal dalam dokumen yang dikemukakan oleh pemohon, misalnya no. kad pengenalan dalam sijil nikah dan no. kad pengenalan balu atau penuntut berbeza, apakah tindakan KWSP sama ada KWSP akan abaikan dengan menganggap ia sebagai kesilapan teknikal semata-mata atau KWSP akan mengambil tindakan susulan seperti menjalankan siasatan.
- 5) Adakah dan bagaimanakah pihak KWSP menjalankan siasatan dalam kes-kes pengeluaran yang dibuat oleh bukan ahli waris atau waris yang jauh, misalnya permohonan di buat oleh penjaga anak si mati atau kakak ipar si mati.

2) Agihan

Memandangkan terdapat kategori jumlah simpanan yang tidak perlu dikemukakan mana-mana satu daripada Surat Kuasa Mentadbir Pusaka atau Probet atau Perintah Pembahagian apabila permohonan pengeluaran dibuat, sebaliknya pertimbangan bagi meluluskan pengeluaran tersebut hanya bergantung kepada budi bicara dan prosedur yang ditetapkan oleh pihak KWSP,²⁷ maka timbul beberapa persoalan:

- 1) Sejauhmanakah pihak KWSP merealisasikan kehendak akta dan peraturan-peraturan yang digubal dalam pentadbiran dan pengurusan bagi agihan caruman si mati yang tidak membuat penamaan.

²⁷ Pengeluaran bagi kes amaun simpanan si mati kurang daripada RM 20,000.00.

- 1) Bagaimanakah dan apakah mekanisme yang digunakan oleh KWSP dalam menentukan orang yang berhak dan tepat yang akan menerima simpanan tersebut. Pemilihan ini penting kerana orang yang menerima wang tersebut hanyalah bertindak sebagai pentadbir yang sekaligus merupakan pemegang amanah kepada ahli waris si mati. Ini termasuk apabila si mati meninggalkan lebih daripada seorang anak dan mengamalkan poligami.
- 2) Adakah KWSP mengambil kira persetujuan adik beradik yang lain, jika KWSP membuat bayaran kepada salah seorang daripada mereka. Ini memandangkan orang yang menerima wang caruman tersebut akan bertindak sebagai pentadbir kepada wang tersebut dan adik beradik yang lain juga berhak kepada wang tersebut.
- 3) Dalam kes pertukaran agama, adakah pihak KWSP akan membuat bayaran kepada waris yang bukan muslim dalam kes ahli bukan Islam masuk Islam di mana permohonan pengeluaran caruman dibuat oleh waris si mati yang bukan Islam.
- 4) Bagaimanakah pihak KWSP mengagihkan bayaran caruman dalam kes KWSP menerima permohonan daripada dua orang yang layak. Misalnya permohonan dibuat oleh balu-balunya si mati dalam kes si mati berpoligami dan permohonan dibuat oleh kedua-dua ibu dan bapa si mati.
- 5) Sejauhmanakah dapat dipastikan pihak yang menerima bayaran caruman bagi amanah yang tidak perlu dikemukakan dokumen-dokumen pentadbiran pusaka tersebut melaksanakan tanggungjawabnya untuk mengagihkan wang yang diterimanya kepada ahli waris lain yang berhak dan apakah tindakan yang diambil oleh KWSP jika terdapat aduan tentang penerima bayaran yang

bertanggungjawab mentadbir wang caruman tersebut tidak mengagihkannya kepada waris lain.

1.4 Objektif Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, penulis telah menetapkan beberapa objektif untuk dicapai daripada hasil kajian iaitu:

- 1) Membincangkan konsep sebenar harta tanpa penamaan dan pentadbirannya di institusi-institusi kewangan di Malaysia dengan rujukan kepada statut bagi institusi-institusi terpilih.
- 2) Mengkaji pemakaian Peraturan-Peraturan KWSP 2001 dalam konteks tuntutan caruman ahli yang tidak membuat penamaan di KWSP, Kuala Lumpur.
- 3) Mengkaji pemakaian Peraturan-Peraturan KWSP 2001 dalam konteks agihan caruman ahli yang tidak membuat penamaan di KWSP, Kuala Lumpur.
- 4) Mengenalpasti dan menganalisis masalah-masalah yang berbangkit dalam tuntutan dan agihan harta tanpa penamaan di samping mengenalpasti implikasi terhadap caruman yang tidak membuat penamaan dan mencadangkan alternatif penyelesaian.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan dengan mengambil kira beberapa kepentingan iaitu:

- 1) Memberi penjelasan mengenai konsep sebenar harta tanpa penamaan dan pentadbirannya di institusi-institusi kewangan di Malaysia dengan rujukan kepada statut bagi institusi-institusi terpilih. Dengan ini, kajian ini dapat memberi

maklumat awalan kepada masyarakat tentang konsep sebenar harta tanpa penamaan dan pentadbiran simpanan atau caruman yang tiada penamaan.

- 2) Hasil kajian ini dapat memberi maklumat kepada pihak institusi terbabit iaitu KWSP tentang isu berbangkit daripada beberapa prosedur yang diamalkan olehnya dalam menguruskan caruman tanpa penamaan. Seterusnya cadangan yang dikemukakan dapat dimanfaatkan oleh KWSP.
- 3) Merupakan kajian yang membincangkan secara khusus mengenai pentadbiran dan pengurusan caruman tanpa penamaan dengan penumpuan kepada suatu institusi yang khusus dalam proses tuntutan dan agihan mengikut Peraturan-Peraturan KWSP 2001 dan aplikasinya di KWSP. Oleh itu, kajian ini boleh dikira sebagai penyumbang kepada pengembangan ilmu dalam bidang kehartaan ini.
- 4) Hasil kajian ini dapat memberi maklumat kepada masyarakat mengenai prosedur pentadbiran caruman mereka yang tidak dinamakan, serta implikasi dan masalah-masalah berbangkit dalam pentadbiran tuntutan atau agihan caruman hasil daripada tidak membuat penamaan.
- 5) Kajian ini dapat mencadangkan beberapa bentuk penyelesaian kepada masalah-masalah berbangkit daripada caruman ahli yang meninggal dunia tanpa membuat penamaan.

1.6 Skop Kajian

Bagi menjadikan kajian ini lebih khusus dan fokus, penulis telah menetapkan beberapa skop bagi kajian yang dijalankan ini iaitu:

1. Melibatkan perlaksanaan prosedur dan pentadbiran harta tanpa penaman di KWSP, Kuala Lumpur. Ini memandangkan Bahagian Kematian dan Penamaan KWSP yang

terletak di Jalan Raja Laut ini merupakan ibu pejabat bagi seluruh cawangannya dan bertanggungjawab meluluskan semua permohonan pengeluaran kematian bagi semua ahli KWSP di Malaysia.

2. Menumpukan kepada peruntukan-peruntukan statutori KWSP iaitu Akta KWSP 1991 (Akta 452), Peraturan-Peraturan KWSP 2001(PU (A) 409/01) dan Kaedah-Kaedah KWSP 1991 (Akta 452). Bagi Kaedah-kaedah KWSP 1991, ia dimasukkan dalam skop kajian ini memandangkan terdapat beberapa kaedah yang perlu dirujuk dalam menjalankan kajian ini.
3. Kajian ini hanya memfokuskan kepada harta tanpa penamaan pencarum yang beragama Islam yang telah meninggal dunia sahaja.
4. Kajian ini hanya membabitkan fail kes kematian yang telah selesai atau ditutup sahaja.

1.7 Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif.²⁸ Ini kerana kajian ini adalah kajian yang menghasilkan dapatan mengenai pemahaman kepada satu fenomena. Dalam konteks kajian, ia menghasilkan pemahaman mengenai pentadbiran caruman KWSP yang tiada penamaan. Kajian ini menumpukan kepada proses pengumpulan data dalam bentuk kata-kata, bahan-bahan dokumen dan amalan sebagai data yang diproses untuk mencapai objektif kajian dan masalah kajian. Kajian ini melibatkan metode-metode seperti berikut:

1.7.1 Metode Pengumpulan Data

1.7.1.1 Metode Kepustakaan

²⁸ Lihat perbincangan lanjut tentang bentuk kajian jenis kualitatif dalam Michael Quinn Patton (1990), *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Sage Publication; Othman Lebar (2006), *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalalan kepada Teori dan Metod*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Metode ini digunakan bagi mendapatkan data-data dan maklumat awalan mengenai subjek kajian dengan merujuk buku penulisan kontemporari, kitab-kitab fiqh, statut, penyelidikan terdahulu, artikel, kertas kerja dan kertas seminar. Semua sumber-sumber tersebut diperolehi di perpustakaan. Metode ini diaplikasikan untuk mendapatkan data dan maklumat bagi bab satu dan dua. Pengkaji mendapatkan maklumat tentang konsep sebenar harta tanpa penama dan pentadbirannya secara umum dengan merujuk kitab-kitab fiqh dan statut yang berkenaan. Perpustakaan yang dikunjungi oleh pengkaji ialah:

- a) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- b) Perpustakaan Undang-undang, Universiti Malaya.
- c) Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.
- d) Perpustakaan Peringatan Za'aba, Universiti Malaya.
- e) Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- f) Perpustakaan Utama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Selangor.
- g) Perpustakaan KWSP, Bangunan Ibu Pejabat KWSP, Kuala Lumpur.

1.7.1.2 Metode Dokumentasi

Metode ini digunakan untuk mendapatkan data-data yang berbentuk dokumen iaitu borang, surat, manual, fail bagi kes si mati yang beragama Islam yang telah meninggal dunia tanpa membuat penamaan, laporan jabatan, buku tahunan dan seumpamanya. Dokumen-dokumen tersebut diperolehi di pejabat KWSP. Metode Dokumentasi ini digunakan untuk mendapatkan data kajian yang

tidak boleh diperolehi melalui metode perpustakaan. Dalam kajian ini, metode ini digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat bagi bab tiga, empat dan lima.

1.7.1.3 Metode Persampelan

Bagi mendapatkan data dan maklumat mengenai kajian, pengkaji juga menggunakan metode persampelan. Jenis metode yang digunakan ialah persampelan bertujuan (*Purposive Sampling*). Persampelan bertujuan termasuk di dalam kategori Persampelan Bukan Kebarangkalian (*Non-Probability Sampling*).²⁹ Metode ini diaplikasikan dalam menentukan fail kes kematian tanpa penamaan ahli KWSP yang beragama Islam yang telah selesai untuk dipilih dan dirujuk oleh pengkaji. Dengan menggunakan metode ini, pengkaji hanya memilih fail-fail kes mengikut tujuan kajian. Oleh itu, pengkaji hanya meneliti fail yang mempunyai maklumat tentang fokus kajian dan fail yang dipilih berupaya meningkatkan maklumat bagi kajian serta mempunyai maklumat untuk menjawab persoalan-persoalan kajian. Melalui metode ini, pengkaji telah meneliti sebanyak 63 fail kes bagi tahun 2004, 76 fail kes tahun 2005, dan 332 fail kes bagi tahun 2006.

1.7.1.4 Metode Temubual

Metode Temubual ini merupakan salah satu metode utama yang digunakan oleh pengkaji. Rasionalnya penggunaan metode ini, ia digunakan bagi membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang khusus dan terkini di mana maklumat dan data tersebut tidak boleh didapati melalui metode perpustakaan dan metod dokumentasi. Pengkaji menggunakan metod ini untuk menemubual pihak-

²⁹ Untuk keterangan lanjut mengenai persampelan bertujuan (*Purposive Sampling*), lihat Earl Babbie (1998), *The Practice of Social Research*. Wadsworth Publishing Company, h. 195; Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Prentice Hall, hh. 105-106; Therese L. Baker (1999), *Doing Social Research*. McGraw-Hill, hh. 138-139.

pihak yang terlibat secara langsung mengenai perkara kajian iaitu En. Mohd Taib bin Ismail, Pengurus Bahagian Kematian dan Penamaan, Encik Ilyas bin Hj. Hassan, Timbalan Pengurus Bahagian Kematian dan Penamaan KWSP, Kuala Lumpur.

Dalam mengaplikasikan metode ini, pengkaji telah menggunakan jenis temubual Semi Berstruktur. Dengan menggunakan jenis temubual ini, pengkaji telah menentukan soalan-soalan temubual terlebih dahulu. Soalan-soalan tersebut dibentuk dengan berasaskan data yang diperolehi daripada penggunaan metode perpustakaan dan metode dokumentasi dan data tersebut tidak dapat memberi maklumat yang mencukupi dalam menjawab persoalan kajian. Sekalipun soalan-soalan temubual telah ditentukan oleh pengkaji, tetapi pengkaji tidak terikat dengan soalan-soalan tersebut sahaja malah ia boleh dikembangkan oleh pengkaji semasa sesi temubual. Begitu juga bagi jawapan yang diberi oleh responden, terbuka dan boleh dikembangkan mengikut budi bicara responden tersebut.

Temubual dibuat dengan dua peringkat iaitu pada peringkat pertama, pengkaji menjalankan temubual awalan bagi mengenalpasti masalah kajian secara umum. Manakala pada peringkat kedua, temubual dijalankan selepas pengkaji selesai memproses data dan maklumat yang diperolehi daripada dokumen atau fail-fail kes kematian caruman tanpa penamaan yang dibekalkan oleh KWSP. Ini bertujuan untuk mendapatkan penjelasan dan maklumat tambahan kepada data yang telah dikumpulkan melalui kaedah perpustakaan dan kaedah dokumentasi.

1.7.2 Metode Analisis Data

1.7.2.1 Metode Induktif

Cara menganalisa data melalui berfikir bagi mencari pembuktian dari perkara yang bersifat khusus untuk membentuk teori umum. Dalam erti kata lain, metode induktif ini merupakan teknik untuk membentuk teori umum berdasarkan fakta yang khusus.³⁰ Melalui kaedah ini, maklumat dan data daripada fail-fail kes kematian bagi ahli yang beragama Islam dan tidak membuat penamaan dikaji terlebih dahulu, kemudian data-data yang diperolehi tersebut dianalisis untuk membentuk teori umum mengenai pentadbiran caruman KWSP yang tiada penamaan. Contohnya, melalui data dan maklumat yang menunjukkan bahawa KWSP boleh menerima dokumen-dokumen lain selain daripada Sijil Nikah atau Sijil Kelahiran bagi membuktikan hubungan pemohon dengan si mati seperti Sijil Lahir anak bagi membuktikan hubungan perkahwinan atau surat akuan dari penghulu atau Pesuruh Jaya Sumpah untuk membuktikan hubungan saudara. Maka, terbentuk satu teori umum bahawa KWSP bukan semata-mata merujuk peraturan yang digubal tetapi juga menggunakan budi bicaranya dalam meluluskan permohonan pengeluaran caruman tanpa penamaan.

1.7.2.2 Metode Deduktif

Metode analisis data secara deduktif ialah dengan menggunakan data tentang sesuatu perkara, kemudian teori umum digunakan untuk menghuraikan data tersebut secara khusus. Dalam erti kata lain, metode induktif adalah teknik untuk

³⁰ Lihat Othman Lebar (2006), *op.cit.*, h. 37.

membentuk teori umum berdasarkan data yang khusus dan metode deduktif pula merupakan teknik untuk menggunakan teori tersebut kepada data di mana teori yang dibentuk tersebut tertakluk kepada kemungkinan yang teori itu akan dipertikaikan oleh data-data dan penemuan baru.³¹ Dengan menggunakan metode ini, berdasarkan teori umum yang dibentuk daripada metode induktif tersebut, maka didapati terdapat justifikasi yang spesifik yang menyebabkan pihak KWSP menggunakan budibicaranya dalam situasi-situasi tertentu.

Ini misalnya berlaku apabila balu memohon pengeluaran caruman tetapi tidak dapat mengemukakan Sijil Nikah sebagai bukti hubungan, pihak KWSP boleh menggunakan budi bicaranya dengan menerima Sijil Lahir anak sebagai bukti hubungan di antara si mati dengan pemohon. Alasan KWSP dalam menggunakan budibicaranya dengan memberi alternatif tersebut ialah mengambil kira keadaan isteri yang memerlukan wang apabila suaminya meninggal dunia. Contoh lain ialah pihak KWSP akan meminta pemohon untuk mengemukakan mana-mana satu daripada surat mentadbir pusaka dalam kes-kes tertentu sekalipun amaun caruman si mati kurang daripada RM 20,000.00, sedangkan mengikut peruntukan peraturan 8 (1) (a) Peraturan-Peraturan KWSP 2001, jika amaun si mati kurang daripada RM20,000.00, pengeluarannya tidak memerlukan pemohon mengemukakan mana-mana daripada dokumen tersebut. Ini dapat dilihat misalnya dalam kes di mana KWSP menerima aduan tentang pemohon misalnya pemohon kaki judi, arak dan seumpamanya, jika berlaku perebutan atau pergaduhan di antara waris-waris si mati dalam pengeluaran caruman atau waris bukan Islam memohon pengeluaran

³¹ *Ibid.*

caruman si mati yang beragama Islam. KWSP menggunakan budibicaranya dengan menghendaki pemohon mengemukakan mana-mana daripada surat kuasa mentadbir dalam kes-kes tersebut berlandaskan justifikasi bahawa pihak KWSP sebagai pemegang amanah caruman si mati, perlu membayar caruman kepada orang yang tepat. Oleh itu, KWSP akan memberi kes tersebut kepada forum yang layak untuk memutuskan orang yang layak mentadbir caruman si mati tersebut.

1.7.2.3 Metode Komparatif

Pemakaian metod ini di buat dengan membandingkan aplikasi pentadbiran yang dijalankan di KWSP dengan peruntukan peraturan dan kaedah bagi melihat sejauhmanakah pihak KWSP telah merealisasikan peruntukan dan kehendak peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah tersebut.

1.8 Ulasan Literatur

Secara umumnya, penulisan berkaitan harta tanpa penamaan agak sukar didapati. Sehingga kajian ini dibuat, belum terdapat sebarang penulisan atau perbincangan khusus yang membincangkan mengenai harta tanpa penamaan. Walau pun didapati beberapa penulisan mengenai harta penama telah muncul sejak pertengahan 1970-an lagi³², tetapi penulisan-penulisan tersebut tidak langsung menyentuh mengenai pentadbiran harta tanpa penamaan. Ini berlanjutan sehinggalah pada akhir 80-an apabila ditemui beberapa penulisan yang membincangkan mengenai harta jenis ini sekalipun perbincangan tersebut

³² Ahmad Ibrahim (Prof.) (1976), *The Distribution of Estates According to Shafii Law*. Singapore: Malayan Law Journal Pte. Ltd, h. 19; Othman Hj. Ishak (1981), *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, hh. 89-99; Ahmad Ibrahim (Prof.) (1988), "Harta Penama", dalam Mohd Ridzuan Awang (ed.), *Undang-undang dan Pentadbiran Harta Pusaka Orang-orang Islam di Malaysia*. Selangor: al-Rahmaniah, hh. 105- 115. Artikel ini pada asalnya adalah kertas kerja Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan pada tahun 1983.

dibuat secara tidak langsung. Aspek yang dibincangkan ialah mengenai konsep atau kedudukan harta tanpa penamaan mengikut undang-undang Islam dan undang-undang yang terpakai dalam pentadbirannya. Penulisan *Dato' Haji Wan Mohammad bin Haji Wan Mustapha* boleh dianggap penulisan terawal yang membincangkan mengenai harta jenis ini. Penulis menyentuh mengenai pentadbiran wang insuran nyawa yang ditinggalkan oleh si mati. Selain itu turut dibincangkan mengenai kedudukan dan kaedah yang akan digunakan dalam mentadbir insuran nyawa yang tiada penamaan. Penulis merumuskan bahawa insuran nyawa yang tiada penamaan kekal sebagai harta pusaka dan agihannya adalah mengikut undang-undang pentadbiran harta pusaka iaitu dibahagikan kepada ahli waris yang berhak.³³ Perbincangan dan prinsip yang sama juga iaitu mengenai ansuran nyawa yang ditinggalkan oleh si mati juga dibincangkan dalam penulisan terbaru berkaitan harta pusaka yang dibuat oleh *Mohd Zamro Muda dan Mohd. Ridzuan Awang*.³⁴

Perbincangan mengenai konsep harta tanpa penamaan dan amalan pentadbirannya juga dibuat oleh *Siti Zalikah Md. Nor*³⁵ dan *Narizan Abdul Rahman*.³⁶ Perbincangan *Siti Zalikah Md. Nor* yang membincangkan mengenai proses pengeluaran dan pentadbiran wang simpanan atau caruman KWSP ahli yang meninggal dunia tanpa membuat penamaan mendapati pengeluaran caruman KWSP yang tidak dibuat penamaan akan menggunakan prosedur pentadbiran harta pusaka.³⁷ Manakala penulisan *Narizan Abdul Rahman* pula mendapati bahawa sesuatu harta tidak dinamakan kepada seseorang untuk menerimanya

³³ Dato' Haji Wan Mohammad bin Haji Wan Mustapha (1988), "Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam", dalam Mohd Ridzuan Awang (ed.), *Ibid*, hh. 163-164.

³⁴ Mohd Zamro Muda *et al.* (2006), *Undang-undang Pusaka Islam: Perlaksanaannya Di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 239.

³⁵ Siti Zalikah Md. Nor (1996), *Pemilikan Harta dalam Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

³⁶ Narizan Abdul Rahman, "Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam: Tinjauan Kepada Harta Penama" dalam Siti Mashitoh Mahmood (ed.) (2006), *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia: Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran*. Penerbit Universiti Malaya.

³⁷ Siti Zalikah Md. Nor (1996), *op.cit.*, h. 53.

selepas kematian pemilik harta tersebut maka ia dikira sebagai harta peninggalan si mati yang biasa atau harta pusaka.³⁸ Perbincangan mengenai prinsip harta yang terpakai kepada caruman KWSP yang tidak ada penama juga dibincangkan oleh *Mohd Zamro Muda dan Mohd. Ridzuan Awang* iaitu harta tersebut adalah menjadi harta pusaka si mati.³⁹

Seterusnya diikuti oleh *Zuraida Saad* dalam disertasi sarjananya pada tahun 2002⁴⁰. Beliau yang mengambil contoh beberapa jenis institusi kewangan di Malaysia dalam kajiannya telah memilih KWSP, Lembaga Tabung Haji, Koperasai Tentera, MCIS Insurans, dan Bank Simpanan Nasional untuk mengkaji kedudukan penama muslim di institusi tersebut telah secara tidak langsung turut membincangkan mengenai caruman tanpa penamaan di institusi yang dipilih. Kajian tersebut membincangkan pembahagian caruman tanpa penamaan di KWSP dengan merujuk kepada Peraturan-Peraturan KWSP 1991⁴¹, MCIS Insurans dengan merujuk Akta Insurans 1996 (Akta 553)⁴² dan Koperasi Tentera dengan merujuk Akta Koperasi 1993 (Akta 502)⁴³. Kesimpulan yang boleh dibuat dari penulisan beliau bahawa hampir semua institusi tersebut mempunyai prosedur pentadbiran harta tanpa penamaan yang sama iaitu memerlukan penuntut mengemukakan mana-mana yang berkenaan daripada surat Kuasa Mentadbir Pusaka (SKM) atau Surat Probet atau Perintah Pembahagian. Selain itu, pihak waris juga boleh mendapatkan khidmat Amanah Raya Berhad (ARB) dimana ini menjadikan pihak ARB sebagai pentadbir dan pihak ARB akan mengagihkan caruman si mati mengikut undang-undang Islam atau

³⁸ Narizan Abdul Rahman (2006), *op.cit.*, h. 209.

³⁹ Mohd Zamro Muda dan Mohd. Ridzuan Awang, (2006), *op.cit.*, h. 242.

⁴⁰ Zuraida Saad (2002), *Pentadbiran dan Pengurusan Harta penama di Institusi-institus Kewangan di Malaysia : Satu Kajian Dari Perspektif Islam*. Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

⁴¹ Akta KWSP, *op.cit.*

⁴² Akta Insurans, *op.cit.*

⁴³ Akta Koperasi, *op.cit.*

mengikut persetujuan ahli waris. Walau bagaimanapun terdapat dua institusi yang menetapkan satu kadar wang simpanan yang tidak perlu mengemukakan mana-mana dari dokumen tersebut iaitu KWSP dan MCIS Insurans. Di mana jika amaun caruman si mati kurang daripada RM 20,000.00 bagi KWSP dan amaun wang polisi insuran kurang daripada RM 100,000.00 bagi MCIS insurans.⁴⁴

Penulisan terbaru yang membincangkan mengenai harta tanpa penamaan ini telah dibuat oleh *Pawancheek Marican* pada tahun 2004 dalam bukunya yang bertajuk *Islamic Inheritance Laws*. Penulisan berkaitan harta jenis ini hanya dibuat dalam dua jenis harta iaitu polisi insurans dan simpanan dalam koperasi. Beliau menyentuh tentang pihak-pihak yang disebutkan dalam Akta Insurans 1996⁴⁵ yang akan menerima polisi insurans pencarum yang meninggal dunia termasuk yang tidak membuat penamaan.⁴⁶ Kemudian, pada tahun 2008 edisi kedua buku tersebut telah diterbitkan. Manakala melalui cetakan kedua, penulis menyebut tentang pembayaran polisi ansurans kepada pemohon yang mengemukakan SKM atau Surat Probet atau Perintah Pembahagian.⁴⁷ Penulisan tersebut juga membincangkan tentang kaedah pembahagian simpanan mengikut Akta Koperasi 1993.⁴⁸ Penulis buku ini menghuraikan peruntukan mengenai pembahagian simpanan dalam koperasi yang diperuntukkan di bawah Akta Koperasi 1993.⁴⁹ Di antara kesimpulan penting yang dibuat oleh beliau ialah penamaan yang diperuntukkan dalam Akta Koperasi

⁴⁴ Zuraida Saad (2002), *op.cit.*, hh.75-76, 96-97, dan 90.

⁴⁵ Akta Insurans, *op.cit.*

⁴⁶ Pawancheek Marican (2004), *Islamic Inheritance Laws in Malaysia*. Malayan Law Journal, hh.151-152.

⁴⁷ Pawancheek Marican (2008), *Islamic Inheritance Laws in Malaysia*, c. 2. Lexis Nexis, h. 168.

⁴⁸ Akta Koperasi, *op.cit.*

⁴⁹ *Ibid.*; Pawancheek Marican (2008), *op.cit.*, h. 174.

1993 tidak terpakai kepada ahli yang beragama Islam. Oleh itu, pembahagian simpanan ahli yang beragama Islam adalah tertakluk kepada undang-undang pusaka Islam.⁵⁰

Rumusan yang boleh dibuat mengenai penulisan-penulisan yang membincangkan tentang harta tanpa penamaan ini ialah semua penulisan yang dibuat adalah bersifat diskriptif iaitu hanya merujuk kepada peruntukan statutori. Di samping itu, penulisan-penulisan tersebut juga hanya membincangkan secara umum mengenai harta jenis ini dan perbincangan yang dibuat juga merupakan perbincangan secara tidak langsung oleh penulis-penulis tersebut yang membincangkan mengenai harta penama atau yang membincangkan mengenai harta pusaka.

Berbanding dengan harta tanpa penamaan, penulisan berkaitan harta penama agak banyak diterbitkan. Didapati perbincangan mengenai harta penama ini mempunyai beberapa kecenderungan iaitu penulisan berkaitan konsep harta penama, kes-kes yang melibatkan harta penama, fatwa berkaitan harta penama, serta undang-undang harta penama dan pelaksanaannya di institusi kewangan di Malaysia. Penulis *Abdul Kadir Hj. Muhammad*⁵¹ dan *Narizan Abdul Rahman*⁵² antara yang membincangkan isu konsep harta penama. Kedua-dua penulisan tersebut mendapati harta penama kekal sebagai harta pusaka si mati kecuali jika penama tersebut bukan ahli waris yang layak menerima harta pusaka, maka hukum wasiat boleh digunakan dengan kadar yang tidak melebihi satu pertiga.

⁵⁰ Pawancheek Marican (2008), *op.cit.*, h. 175.

⁵¹ Abdul Kadir Hj. Muhammad (1997), "Harta Penama Bukan Harta Pemberian dan Wasiat", *Jurnal Syariah*, Jilid 5, Bil. 2, 1997, hh. 161-166.

⁵² Narizan Abdul Rahman (2006), *op.cit.*, hh. 211-213.

Manakala mengenai kes harta penama pula, *Ahmad Ibrahim*⁵³ merupakan penulis terawal yang membincangkan mengenai kes-kes harta penama di Malaysia. Kemudian diikuti beberapa penulis lain *Mohd Ridzuan Awang*⁵⁴, *Abdul Kadir Hj. Muhammad*⁵⁵, *Pawancheek bin Marican*⁵⁶, *Ahmad Hidayat Buang*⁵⁷, dan *Haji Salleh Buang*⁵⁸. Penulisan-penulisan mereka membincangkan percanggahan keputusan mahkamah di Malaysia dalam memutuskan kes-kes harta penama dan keputusan mahkamah yang bertentangan dengan fatwa.⁵⁹ Manakala perbincangan mengenai fatwa berkaitan harta penama pula, penulisan *Othman Ishak*⁶⁰ mengenai perbezaan fatwa-fatwa negeri berkaitan perkara ini merupakan perbincangan komprehensif mengenai fatwa-fatwa harta penama yang dikeluarkan di Malaysia. Di mana didapati, majoriti fatwa berpendapat harta penama tergolong dalam harta pusaka.⁶¹

Penulisan mengenai undang-undang harta penama dan pelaksanaannya di beberapa institusi kewangan di Malaysia dibuat oleh *Siti Zalikah Md. Nor*⁶², *Zuraida Saad*,⁶³

⁵³ Ahmad Ibrahim (Prof.) (1988), *op.cit.*

⁵⁴ Mohd Ridzuan Awang (1988), “Undang-undang Mengenai Pentadbiran dan Pengurusan Harta Orang Islam di Malaysia: Satu Pengenalan” dalam Mohd Ridzuan Awang (ed.), *op.cit.*, hh. 3-28. Lihat juga Mohd Ridzuan Awang (1994), *Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh.371-379.

⁵⁵ Abdul Kadir Hj. Muhammad (1997), *op.cit.*

⁵⁶ Pawancheek Marican (2008), *op.cit.*, hh. 168-180.

⁵⁷ Ahmad Hidayat Buang (2005), “Perkembangan dan Isu-isu Undang-undang Pusaka dan Wasiat di Malaysia”, dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran*. Penerbit Universiti Malaya, hh. 139-163.

⁵⁸ Salleh Buang (2006), “Pembentukan Harta Amanah Mengikut Undang-undang di Malaysia: Sejauh Manakah Undang-undang Islam Terpakai?” dalam Siti Mashitoh Mahmood (ed.), *op.cit.*, hh. 62-63.

⁵⁹ Lihat juga Zuraida Saad (2002), *op.cit.*, hh. 28-42; Mary George (1999), *Malaysian Trust Law*. Pelanduk Publications, hh. 53-55; Ahmad Ibrahim (1999), *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*. Malayan Law Journal Sdn. Bhd, hh. 292-294; Mohd Zamro Muda dan Mohd. Ridzuan Awang, 2006, *op.cit.*, hh. 239-241.

⁶⁰ Othman Hj. Ishak (1981), *op.cit.*

⁶¹ Lihat juga Abdul Rashid Haji Abdul Latiff, (1986), *Wasiat dalam Islam : Pengertian dan Kedudukannya di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia, hh. 63-67; Ahmad Hidayat Buang (2005), *op.cit.*; Pawancheek Marican (2008), *op.cit.*, hh. 182-184; Zuraida Saad (2002), *op.cit.*, hh. 43-60; Abdul Monir Yaacob (1998), “Perkembangan Institusi Mufti di Malaysia” dalam Abdul Monir Yaacob et al. (eds.), *Mufti dan Fatwa di Negara-negara Asean c. 1*. Percetakan Yayasan Islam Terengganu, hh. 134-135.

⁶² Siti Zalikah Md. Nor (1996), *op.cit.*

⁶³ Zuraida Saad (2004), *op.cit.*

*Kamarul Zaman Haji Habib*⁶⁴ *Pawanceek Marican*⁶⁵ dan *Narizan Abdul Rahman*⁶⁶.

Kesimpulan penting yang diperolehi dari penulisan-penulisan tersebut ialah tiada undang-undang khusus dan sama yang menyelaraskan pentadbiran berkaitan penamaan ini. Sebaliknya undang-undang mengenai harta penama terdapat dalam undang-undang yang pelbagai. Walaubagaimanapun, peruntukan undang-undang harta penama dan pentadbirannya selaras dengan undang-undang Islam. Ini di mana penama hanya bertindak sebagai wasi bagi menguruskan wang yang dinamakan kepadanya.

Berdasarkan kepada huraian dan perbincangan tersebut, dapat disimpulkan bahawa perbincangan mengenai harta penama mengalami proses perkembangan seiring dengan perkembangan harta ini di beberapa institusi kewangan di Malaysia hari ini. Ini misalnya dapat dilihat, penulisan mengenai harta jenis ini terdapat sama ada dari segi perbincangan mengenai konsepnya dan juga pentadbirannya masa kini. Namun perkara ini tidak berlaku kepada harta tanpa penamaan. Ini kerana penulisan mengenai harta tanpa penamaan yang dibuat hanya secara tidak langsung dan secara diskriptif sahaja daripada penulis yang membincangkan mengenai harta penama atau penulisan berkaitan harta pusaka. Oleh itu dirasakan amat perlu untuk dibuat kajian dan penulisan lanjut mengenai harta tanpa penamaan ini khususnya dalam skop yang dinyatakan dalam penyelidikan ini.

⁶⁴ Kamarul Zaman Haji Habib (1988), "Sistem Pengurusan dan Pembahagian Pusaka, Khususnya Pembahagian Harta Pusaka Kecil", dalam Mohd Ridzuan Awang (ed.), *Undang-undang dan Pentadbiran harta Pusaka Orang-orang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: al-Rahmaniah, h. 130.

⁶⁵ Pawancheek Marican (2008), *op.cit.*, hh. 168-180; Lihat juga Pawanceek Marican (1997), *The Legal Effect of Nominations by Muslims*. Malayan Law Jurnal, hh. cxxxviii-cxlvii.

⁶⁶ Narizan Abdul Rahman (2006), *op.cit.* h. 216-217. Lihat juga Ahmad Ibrahim, (1999), *op.cit.*, h. 294; Mohd Zamro Muda dan Mohd. Ridzuan Awang (2006), *op.cit.*, hh. 192-194.



BAB KEDUA

BAB KEDUA

KONSEP HARTA TANPA PENAMAAN DAN SOROTAN

APLIKASINYA DI MALAYSIA

2.1 Pendahuluan

Prinsip utama kehartaan dalam Islam ialah semua harta di alam semesta ini adalah kepunyaan Allah. Ini berdasarkan firman Allah :

أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا لَكُمْ مِنْ دُونِ

اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٧﴾

Maksudnya: “Tidakkah engkau mengetahui bahawa sesungguhnya Allah yang menguasai segala alam langit dan bumi? Dan tiadalah bagi kamu selain Allah sesiapaupun yang dapat melindungi dan dapat memberi pertolongan”.⁶⁷

Surah al-Baqarah (2):107

وَاللَّهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا تَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَىٰ

كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٧﴾

Maksudnya: “dan (ingatlah), bagi Allah jualah kuasa pemerintahan langit dan bumi dan barang yang ada di antara keduanya, Ia menjadikan apa jua yang dikehendaki-Nya, dan (ingatlah) Allah amat berkuasa atas tiap-tiap sesuatu”⁶⁸

Surah al-Maidah (5) :17

⁶⁷ Sheikh Abdulah bin Muhammad Basmeih (1996), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, c. 13. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana menteri, h. 34.

⁶⁸ *Ibid.*, h. 202.

Manakala manusia hanya pemegang amanah dan khalifah yang dilantik oleh Allah S.W.T yang diberi tanggungjawab untuk mentadbir harta Allah S.W.T dan mengatur kehidupan manusia di bumi Allah S.W.T ini dengan berlandaskan hukum-hukum yang ditetapkan oleh pemiliknya iaitu Allah S.W.T. Ini sepertimana yang diwahyukan dalam firmanNya:

ءَامِنُوا بِاللّٰهِ وَرَسُوْلِهِۦ ۚ وَاَنْفِقُوْا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُّسْتَحْلِفِيْنَ فِيْهِ ۗ فَالَّذِيْنَ
ءَامِنُوا مِنْكُمْ وَاَنْفَقُوْا لَهُمْ اَجْرٌ كَبِيْرٌ ﴿٧﴾

Maksudnya: “Berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan belanjakanlah (pada jalan kebaikan) sebahagian dari hartabenda (pemberian Allah) yang dijadikanNya kamu menguasainya sebagai wakil, maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan(sebahagian harta itu pada jalan Allah), mereka tetap beroleh pahala yang besar”⁶⁹

Surah al-Hadid (57): 7

ثُمَّ جَعَلْنَاكُمْ خَلَائِفَ فِي الْاَرْضِ مِنْۢ بَعْدِهِمْ لِنَنْظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُوْنَ ﴿١٤﴾

Maksudnya: “Kemudian kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) khalifah-khalifah di bumi menggantikan mereka yang dibinasakan itu, supaya kami melihat apakah pula corak dan bentuk kelakuan yang kamu akan lakukan”⁷⁰

Surah Yunus (10): 14

⁶⁹ *Ibid.*, h. 1208.

⁷⁰ *Ibid.*, h.380.

Oleh itu manusia sebagai pemegang amanah dan khalifah yang boleh menggunakan dan memanfaatkan harta itu mestilah mematuhi perintah dan larangan Allah S.W.T dalam menguruskan harta-harta pemberian Allah agar mereka tidak menganiayai sesiapa dan tidak memperoleh harta dengan cara yang bercanggah dengan syariat Islam. Ini berdasarkan firman Allah:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebajikan, serta memberikan bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji, dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangannya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi”⁷¹

Surah al-Nahl (16): 90

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا
فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

Maksudnya: “ Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa apadahal kamu mengetahui (salahnya)”⁷²

Surah al-Baqarah (2): 188

⁷¹ *Ibid.*, h. 533.

⁷² *Ibid.*, h. 58.

Kesimpulannya, jelaslah bahawa mengikut konsep kehartaan dalam Islam semua harta di alam semesta ini adalah milik Allah S.W. T. Walau bagaimanapun, manusia boleh memiliki dan memanfaatkan harta tersebut buat sementara waktu. Manusia yang dijadikan oleh Allah S.W.T sebagai khalifah di bumi ini hanyalah bertindak sebagai pemegang amanah bagi harta itu. Oleh itu, manusia tidak mempunyai kuasa mutlak dan bebas terhadap hartanya, tetapi penggunaan dan cara memperolehnya tertakluk kepada hukum-hukum Islam.

2.2 Definisi Harta

Memandangkan konsep harta tanpa penamaan dalam konteks kajian ini iaitu caruman KWSP termasuk sebagai salah satu bentuk harta maka adalah amat perlu dihuraikan terlebih dahulu konsep harta mengikut undang-undang kehartaan Islam sebelum dilanjutkan ulasan mengenai harta tanpa penamaan. Ini bertujuan supaya kedudukan caruman KWSP ini dapat difahami dan dihuraikan dengan lebih jelas. Oleh itu, definisi harta dari segi bahasa dan istilah akan dibincangkan dengan merujuk pendapat-pendapat fuqaha.

2.2.1 Harta Dari Segi Bahasa

Harta dari segi bahasa mengikut Kamus Dewan ialah barang-barang berharga seperti rumah, tanah, barang-barang kemas dan sebagainya yang dipunyai oleh seseorang, syarikat, pertubuhan dan lain-lain.⁷³ Manakala harta dalam bahasa Arab disebut sebagai “*mal*” yang bermaksud sesuatu yang dimiliki oleh seseorang atau kumpulan orang yang berbentuk barangan berharga, barangan perniagaan, aset tetap, wang atau haiwan.⁷⁴ Ulama bahasa

⁷³ Kamus Dewan (2000), edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 442.

⁷⁴ Al-Mu‘jam al-Wasīṭ, (1972), j. 2, c. 2. T.T.P ; T.P, h. 892.

pula mendefinisikan harta dari segi bahasa ialah apa sahaja yang dimiliki.⁷⁵ Manakala Ibnu Athir pula berpendapat bahawa harta pada asalnya dikhususkan kepada emas dan perak sahaja. Kemudian ia diluaskan merangkumi apa saja benda (*'ayn*) yang boleh disimpan dan dimiliki. Oleh itu, apa yang tidak boleh dimiliki tidak kira sebagai harta oleh ulama bahasa.⁷⁶

Manakala Badran pula mentakrifkan harta dari segi bahasa ialah apa sahaja yang boleh disimpan, dimiliki dan manusia cenderung kepadanya sama ada benda atau manfaat.⁷⁷ Seterusnya harta dari segi bahasa bagi Wahbah al-Zuhayli ialah setiap sesuatu yang boleh disimpan dan dikawal oleh manusia secara fizikal sama ada sesuatu itu berbentuk fizikal seperti emas, perak, binatang dan tumbuhan atau sesuatu itu berbentuk manfaat daripada sesuatu seperti manfaat daripada menunggang kenderaan, memakai pakaian, dan tempat tinggal. Oleh itu, apa yang tidak boleh dikawal seperti burung di udara, ikan di air, dan pokok di dalam hutan tidak dikira sebagai harta dari segi bahasa bagi Wahbah al-Zuhayli.⁷⁸

2.2.2 Harta Dari Segi Istilah

Para fuqaha mentafsirkan harta dengan pelbagai tafsiran. Ini bergantung kepada pendekatan yang mereka gunakan dalam membuat pentafsiran tersebut. Ini kerana, syarak tidak menjelaskan maksud harta secara spesifik, sebaliknya ia bergantung kepada manusia untuk menentukan konsep dan ruang lingkup harta itu sendiri mengikut perubahan kehidupan manusia. Ibnu 'Abidin dari kalangan ulama mazhab Hanafi mentakrifkan harta

⁷⁵ Muhammad Salām Madkūr (1955), *al-Fiqh al-Islāmī al-Madkhal wa al-Amwāl wa al-Huqūq wa al-Milkīyah wa al-'Uqūd*, cet. 2. Kaherah: Maktabah 'Abdullah Wahbah, h. 157.

⁷⁶ *Ibid.*

⁷⁷ Badrān Abū al-'Aynī Badrān (t.t), *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī wa Nazariyah al-Milkīyah wa al-'Uqūd*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-'Arabīyah, h. 283.

⁷⁸ Wahbah al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*, j. 4, c. 3. Damsiyq: Dār al-Fikr, h. 40.

sebagai sesuatu yang secara semulajadi manusia cenderung kepadanya dan ia sesuatu yang boleh disimpan untuk digunakan semasa diperlukan.⁷⁹ Manakala terdapat juga ulama yang mentakrifkan harta sebagai nama bagi sesuatu yang selain daripada manusia yang dijadikan untuk kepentingan manusia dan boleh disimpan dan digunakan secara sukarela.⁸⁰

Walaupun bagaimanapun takrif Ibnu ‘Abidin telah dianalisis dan diulas oleh Mustafa Ahmad al-Zarqa’ yang tidak bersetuju dengan takrif tersebut dari beberapa aspek iaitu yang pertama, tentang tindakan pendapat tersebut yang menjadikan aspek “kecenderungan” sebagai asas dalam definisi harta adalah kurang tepat. Ini kerana sifat kecenderungan manusia kepada sesuatu adalah berbeza-beza antara satu sama lain. Di samping itu, al-Zarqa’ juga menghujahkan bahawa terdapat juga sesuatu yang termasuk dalam kategori harta tetapi secara semulajadinya manusia tidak cenderung kepadanya seperti ubat-ubatan. Aspek yang kedua pula ialah mengenai aspek “boleh disimpan” dalam takrif Ibnu ‘Abidin juga merupakan suatu yang kurang tepat mengikut al-Zarqa’. Ini memandangkan terdapat juga sesuatu yang dianggap harta tetapi ia tidak boleh disimpan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan yang sudah masak ranum, sedangkan semua itu adalah harta dan mempunyai nilai komersial.

Di samping itu, al-Zarqa’ juga telah menambah dalam analisisnya terhadap definisi Ibnu ‘Abidin tersebut bahawa definisi tersebut tidak lengkap kerana tidak merangkumi sesuatu yang belum dimiliki. Ini kerana definisi tersebut menjadikan faktor pemilikan sebagai kayu ukur dalam menentukan sama ada sesuatu itu harta atau tidak. Sebaliknya Al-

⁷⁹ Ibnu ‘Abidīn (1966), *Ḥāshiyah Rad al-Mukhtār*, j. 4, c. 2. Mesir: Muṣṭafa al-Bābi al-Ḥalabī wa Awlādihī, h. 501.

⁸⁰ Muhammad Salām Madkūr (1955), *op.cit.*, h. 157.

Zarqā' berpendapat fakta sesuatu itu belum lagi dimiliki tidak menjadikan ia tidak mempunyai nilai kehartaan. Sedangkan sesuatu yang belum dimiliki juga kadangkala merupakan harta yang bernilai seperti ikan di dalam air dan burung di udara.⁸¹ Manakala Md. Nurdin memberi contoh bahan-bahan galian yang belum dicari gali dan ia merupakan harta yang bernilai dan menjadi rebutan walaupun ia belum dimiliki.⁸²

Seterusnya 'Abdul Karim Zaydan pula mentakrifkan harta sebagai sesuatu yang boleh dikuasai dan dimanfaatkan pada kebiasaannya. Berdasarkan kepada takrif tersebut, dapat dilihat bahawa takrif tersebut memfokuskan kepada dua asas bagi harta iaitu "boleh dikuasai" dan "dimanfaatkan". Oleh itu apa sahaja yang boleh dikuasai dan dimanfaatkan dikira sebagai harta mengikut maksud takrif tersebut. Ini merangkumi apa-apa yang diisytiharkan oleh Negara sebagai harta misalnya wang dan nilainya. Asas "boleh dikuasai" dalam definisi tersebut bukan hanya terhad kepada sesuatu yang boleh dikuasai secara langsung sahaja tetapi termasuk juga sesuatu yang mampu dikuasai pada masa hadapan tetapi masih belum dikuasai ketika ini dan ia boleh dimanfaatkan. Contohnya ikan di laut, burung di udara, binatang liar dalam hutan, galian di dalam perut bumi dan seumpamanya.

Semua ini dikira sebagai harta kerana ia boleh dikuasai sama ada secara langsung atau pada masa akan datang dan juga boleh dimanfaatkan. Takrif tersebut mengeluarkan sesuatu yang boleh dimanfaatkan tetapi tidak boleh dikuasai daripada tergolong dalam kategori harta seperti cahaya matahari dan bulan yang boleh dimanfaatkan tetapi tidak

⁸¹Muṣṭafa Aḥmad Al-Zarqā' (1965) *al-Madkhal ilā Nazariyyah al-Itizām al-'Āmmah fi al-Fiqh al-Islāmī*, j. 3, c. 6. Damsyiq: Maṭba'ah Ṭorbin, h. 114-115.

⁸² Md. Nurdin Hj. Ngadimon (1995), "Konsep Harta (Mal) Menurut Teori Fiqh Islam: Satu Ulasan", *Monograf Syariah*, Bil. 3, Mei 1995, h.58.

boleh dikuasai dan juga mengeluarkan sesuatu yang tidak boleh dimanfaatkan tetapi boleh dikuasai seperti sebutir gandum dan beras yang tidak boleh dimanfaatkan walaupun kita memilikinya.⁸³

Takrif ‘Abdul Karim Zaydan juga mengeluarkan sesuatu yang ditegah oleh syarak dari memanfaatkannya sekalipun sesuatu itu boleh dikuasai seperti bangkai binatang yang ditegah oleh syarak dari memakannya sekalipun ia boleh dikuasai. Namun begitu, sesuatu yang dibenarkan kepada sesetengah orang dan dilarang bagi sesetengah orang lain tetap dikira sebagai harta. Ini contohnya arak dan khinzir yang dibenarkan oleh syarak kepada orang bukan Islam dan dikira harta bagi mereka dan dilarang kepada orang Islam. Oleh itu, jika seorang yang beragama Islam merosakkan harta orang bukan Islam sekalipun harta-harta tersebut diharamkan orang Islam memilikinya, orang yang merosakkan barang tersebut harus membayar gantirugi kepada tuan barang tersebut.⁸⁴

Seterusnya mengenai kedudukan hak dan manfaat dalam kategori harta, sama ada hak dan manfaat termasuk dalam kategori harta atau sebaliknya. Para ulama bersepakat mengenai hak yang tidak berkaitan dengan kehartaan seperti hak *hadhanah*, hak *wilayah* tidak dikira sebagai harta. Walau bagaimanapun, mereka berselisih pendapat mengenai hak yang berkaitan dengan harta seperti hak *syuf‘ah* sama ada ia tergolong dalam kategori harta atau sebaliknya. Fuqaha mazhab Hanafi berpendapat hak dan manfaat tidak dikira sebagai harta kerana hak dan manfaat tidak boleh dikuasai dan jika ia boleh dikuasai sekalipun ia akan habis sedikit demi sedikit atau dalam erti kata lain kerana hak dan manfaat tidak boleh

⁸³ ‘Abdul Karīm Zaydān (1976), *al-Madkhal li Dirāsah al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Baghdad: Maktab al-Quds, h. 217-218.

⁸⁴ *Ibid.*

dikuasai dan disimpan dalam tempoh tertentu untuk digunakan semasa diperlukan. Sebaliknya para fuqaha mazhab Hanafi berpendapat bahawa manfaat ialah milik bukan harta.⁸⁵

Manakala fuqaha selain dari mazhab Hanafi berpendapat bahawa hak dan manfaat adalah harta kerana hak dan manfaat boleh dikuasai dengan dikuasai fizikal atau asal harta yang diambil manfaat darinya. Badran berpendapat bahawa pendapat kedua iaitu hak dan manfaat dikira sebagai harta merupakan pendapat yang sesuai dan praktikal dengan muamalat kehartaan masa kini.⁸⁶ Kesimpulannya, para cendekiawan perundangan Islam mentafsirkan maksud harta dengan pelbagai tafsiran. Walau bagaimanapun, tafsiran-tafsiran mereka masih dalam ruang lingkup isu yang sama, cuma berbeza dari segi asas-asas yang ditentukan dalam mengukur sesuatu bagi mengkategorikannya sebagai harta. Mereka juga berselisih pendapat mengenai hak dan manfaat sama ada hak dan manfaat termasuk dalam kategori harta atau tidak. Namun, pendapat yang lebih praktikal pada hari ini adalah merupakan pendapat jumhur ulama yang berpendapat hak dan manfaat berkaitan harta seperti hak syuf'ah dikira sebagai harta.

2.2.3 Harta Dari Segi Undang-undang

Bagi perbincangan mengenai konsep harta, selain meneliti konsep harta menurut bahasa dan istilah seperti mana yang telah dibincangkan dalam perbincangan di atas, maka perlu juga diteliti dan dikupas konsep harta mengikut perspektif undang-undang. Ini memandangkan undang-undang berkaitan kehartaan di Malaysia kini berkembang seiring dengan keperluan semasa. Oleh itu, dalam menghuraikan topik berkaitan harta mengikut

⁸⁵ Badrān Abū al-A'ynī Badrān (t.t), *op.cit.*, h. 302.

⁸⁶*Ibid.*

perspektif undang-undang ini, maka kupasan akan dibuat dengan merujuk tafsiran harta mengikut kamus undang-undang dan beberapa undang-undang yang berkaitan.

Daniel Greenberg mentakrifkan harta ialah suatu istilah umum yang digunakan kepada sesuatu yang seseorang mempunyai keinginan terhadapnya dan ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu harta tetap (real) dan harta persendirian.⁸⁷ Manakala L.B Curzon pula mentakrifkan harta sebagai sesuatu yang boleh dimiliki dan hak untuk memiliki dan menggunakan sesuatu barang, tanah dan sebagainya.⁸⁸ Rentetan daripada perkembangan kehartaan kini, maka timbul satu jenis harta yang termasuk dalam kategori takrif harta iaitu harta intelek. Oleh itu, undang-undang harta intelek telah digubal untuk memberikan jaminan bagi harta jenis ini. J E Penner mentakrifkan harta intelek ialah apa-apa paten, cap dagangan, hak cipta, reka cipta, hak berdaftar, informasi komersial dan teknikal serta lain-lain harta intelek.⁸⁹

Seterusnya tafsiran harta dilihat dalam peruntukan beberapa undang-undang di Malaysia. Seksyen 2, Akta Insurans mentafsirkan harta ialah:⁹⁰

”harta” ertinya harta alih atau tak alih dan termasuklah –

(a) apa-apa hak, kepentingan, hakmilik, tuntutan, hak dalam tindakan, kuasa atau keistimewaan, sama ada pada masa ini atau masa hadapan, atau sama ada terletak atau kontingen, berhubungan dengan apa-apa harta; dan

⁸⁷ Daniel Greenberg (2000), *Stroud’s Judicial Dictionary of Words and Phrases*, j. 2, c. 6. London: Sweet & Maxwell, h. 2089.

⁸⁸ (2003), *Dictionary of Law*, c. 6. Kuala Lumpur: International Law Book Services, h. 337.

⁸⁹ J E Penner (2001), *Mozley & Whiteley’s Law Dictionary*, c. 12. Butterworths, h. 184.

⁹⁰ Akta Insurans, *op.cit.*

(b) Pemindahhakkan yang disempurnakan bagi memindahhakkan, menyerahhakkan, melantik, menyerahkan, atau selainnya memindahkan atau melupuskan harta tak alih jika orang yang menyempurnakan pemindahhakan itu adalah tuan punya atau pemilik, atau ialah berhak kepada suatu hak kontingen, sama ada bagi keseluruhan atau sebahagian daripada kepentingan itu;

Seterusnya tafsiran harta yang diperuntukkan di bawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959.⁹¹ Seksyen 2 mentafsirkan harta ialah meliputi sesuatu benda dalam tindakan dan apa-apa kepentingan dalam harta alih atau tak alih.

Pentafsiran istilah harta ini turut diperuntukkan di bawah Enakmen Wakaf beberapa negeri di Malaysia. Seksyen 2, Enakmen Wakaf Melaka dan Enakmen Wakaf Selangor memperuntukkan:⁹²

“harta” termasuklah harta alih atau harta tak alih dan apa-apa faedah dalam apa-apa harta alih atau harta tak alih, apa-apa hak, kepentingan, hak milik, tuntutan, hak dalam tindakan, sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan atau selainnya yang mempunyai nilai menurut Hukum Syarak.

Manakala Enakmen Wakaf Negeri Sembilan⁹³ mempunyai tafsiran yang hampir sama dengan enakmen Wakaf Melaka dan Selangor. Namun begitu tafsiran Enakmen Wakaf Negeri Sembilan lebih komprehensif kerana telah memasukkan item kepakaran dan harta intelek dalam tafsiran hartanya. Ini dapat dilihat dalam seksyen 2 yang menyebut:

“harta” termasuklah—

(a) apa-apa harta alih atau harta tidak alih dan hak dalam harta intelek;

⁹¹ Akta Probet dan Pentadbiran, *op.cit.*

⁹² Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (No. 5/2005), Enakmen Wakaf (Negeri Selangor), *op.cit.*

⁹³ Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 (No. 5/2005)

(b) apa-apa manfaat, faedah atau keuntungan dalam apa-apa harta alih atau harta tidak alih dan harta intelek;

(c) apa-apa hak, kepentingan, hakmilik, tuntutan dan hak dalam tindakan, sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan atau sama ada terletak hak atau kontinjen atau selainnya;

(d)kepakaran;dan

(e) perkhidmatan,
yang mempunyai nilai menurut prinsip Syariah

Selain itu, Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor⁹⁴ dan Negeri Sembilan⁹⁵ juga memperuntukkan tafsiran mengenai harta. Kedua-dua enakmen tersebut mempunyai tafsiran yang sama iaitu mentafsirkan harta ialah termasuklah harta alih dan tak alih, apa-apa manfaat atau kepentingan dalam apa-apa harta alih atau tak alih, hak, hakmilik, tuntutan, hak dalam tindakan sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan, atau yang selainnya mempunyai nilai menurut Hukum Syarak.

Berdasarkan kepada tafsiran-tafsiran tersebut, maka dapat dirumuskan bahawa harta menurut undang-undang ialah sesuatu yang boleh dimiliki serta hak dan manfaat juga dikira sebagai harta. Selain itu, undang-undang juga mengiktiraf sesuatu penemuan baru yang terhasil daripada daya kreativiti dan idea seseorang juga termasuk dalam kategori harta iaitu dikenali sebagai harta intelek.

2.3 Caruman dan Simpanan KWSP sebagai Harta

Caruman dan simpanan KWSP adalah caruman daripada pekerja dan juga majikan yang mendaftar sebagai ahli KWSP mengikut kadar berkanun yang ditetapkan berdasarkan

⁹⁴ Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor), *op.cit.*

⁹⁵ Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 (No. 5/2004).

pendapatan bulanan pekerja. Kadar caruman semasa adalah 23 peratus daripada gaji pekerja di mana 11 peratus adalah caruman pekerja yang dipotong daripada gaji bulanan pekerja manakala 12 peratus adalah caruman oleh majikan. Namun begitu rentetan daripada keadaan ekonomi semasa, kerajaan telah mengumumkan langkah pengurangan kadar caruman pekerja dari 11 peratus kepada 8 peratus. Pengurangan ini berkuatkuasa mulai gaji Januari 2009 untuk tempoh dua tahun. Walau bagaimanapun, langkah pengurangan kadar caruman ini bukanlah mandatori sebaliknya ahli yang yang ingin mengekalkan kadar caruman pekerja sebanyak 11 peratus dikehendaki mengisi Borang KWSP 17A (AHL) Khas dan diserahkan kepada KWSP. Caruman dan simpanan tersebut akan bertambah jika pencarum berterusan membuat caruman. Seterusnya caruman bulanan tersebut akan dilaburkan melalui beberapa instrumen kewangan yang diluluskan untuk menghasilkan pendapatan. Caruman dan simpanan tersebut akan menerima dividen tahunan di mana kadar dividen adalah tertakluk kepada pulangan pelaburan.

Berdasarkan kepada ulasan tersebut dan perbincangan mengenai konsep harta yang dibuat sebelum ini, dapat dilihat bahawa ciri-ciri yang terdapat dalam caruman dan simpanan KWSP adalah seiring dengan ciri-ciri harta yang digariskan oleh para ulama dalam menentukan sama ada sesuatu itu harta atau sebaliknya. Ciri-ciri tersebut adalah sesuatu yang dimiliki seterusnya caruman dan simpanan KWSP yang dicarumkan adalah berbentuk wang dan ia dimiliki oleh pencarum sekalipun ia disimpan di KWSP. Jika dilihat kepada takrif harta yang dibuat oleh ‘Abdul Karim Zaydan iaitu sesuatu itu dikira sebagai harta jika ia boleh dikuasai dan dimanfaatkan. Oleh itu, jelaslah bahawa kedua-dua ciri iaitu boleh dikuasai dan dimanfaatkan terdapat pada caruman dan simpanan KWSP. Wang caruman yang dicarumkan tersebut telah pun dikuasai sebelum ia dicarumkan kerana ia

merupakan hak milik pencarum dan ia sudah tentu dapat dimanfaatkan kerana ia merupakan wang yang boleh digunakan sama ada sebelum persaraan atau selepas persaraan melalui beberapa skim pengeluaran yang diperkenalkan oleh KWSP. Misalnya skim Pengeluaran Hilang Upaya, Pengeluaran Pendidikan, Pengeluaran Membeli atau Membina Rumah bagi pengeluaran sebelum persaraan. Manakala skim Pengeluaran Mencapai Umur 55 Tahun bagi pengeluaran selepas persaraan.

Di samping itu, wang caruman dan simpanan KWSP juga menepati beberapa unsur kategori kehartaan sepertimana yang digariskan dalam undang-undang kehartaan Islam. Kategori harta yang digariskan tersebut adalah Harta Bernilai dan Tidak Bernilai, Harta Yang Mempunyai Persamaan dan Yang Dinilai, Harta Alih dan Harta Tak Alih, serta Harta *Istihlaki* dan Harta *Isti'imali*. Berdasarkan kepada ciri-ciri wang caruman KWSP, ia termasuk dalam kategori harta yang bernilai (تقوم) dan harta alih (*manqul*). Mengikut syarak, harta yang bernilai ialah harta yang dilindungi oleh syarak dan boleh dimanfaatkan dalam keadaan biasa iaitu bukan dalam keadaan darurat. Oleh itu harta yang bernilai jika dirosakkan perlu dibayar ganti rugi.⁹⁶

Justeru, wang caruman dan simpanan KWSP termasuk dalam kategori ini kerana ia mempunyai nilai dan boleh digunakan dalam keadaan biasa. Tambahan pula jika ia dirosakkan atau dalam konteks wang caruman ia diselewengkan atau apa-apa tindakan yang boleh memudaratkan caruman dan simpanan tersebut, maka harus dikenakan ganti rugi terhadap tindakan tersebut. Misalnya dalam kes penipuan identiti Allahyarham Norizam Ahmad yang menggunakan identiti Mohd Syarizal Wahab yang telah

⁹⁶ Muhammad Salām Madkūr (1955), *op.cit.*, h. 159.

dibincangkan di dalam bab pertama. Balu si mati, Norizah Hamzah yang telah mengeluarkan caruman KWSP Mohd Syarizal Wahab diminta membayar balik wang yang diterimanya kepada pihak KWSP.

Seterusnya wang caruman dan simpanan KWSP juga merupakan harta alih iaitu harta yang boleh dialih dari satu tempat ke tempat yang lain dan boleh pula dipindahkan untuk beberapa tujuan yang dibenarkan oleh Aktanya seperti pembelian computer dan rumah, bantuan perubatan dan pendidikan. Muhammad Salam Madkur menyatakan harta alih ialah harta yang boleh dialih atau dipindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain seperti wang dan haiwan sama ada harta tersebut harta yang mempunyai persamaan (*mithlī*) atau harta yang dinilai (*qāmī*).⁹⁷ Berdasarkan ulasan tersebut, jelaslah bahawa caruman dan simpanan KWSP yang berbentuk wang tunai sama ada ia dinamakan atas nama seseorang oleh pencarum atau tidak dinamakan, ia termasuk dalam kategori harta. Oleh itu, pengurusan dan pentadbirannya adalah tertakluk kepada undang-undang kehartaan yang digariskan oleh undang-undang harta Islam.

2.4 Harta Tanpa Penamaan dan Sorotan Aplikasinya di Malaysia

2.4.1 Pendahuluan

Persoalan harta penama dan tanpa penama merupakan perkara yang sering dibahaskan terutamanya dalam era pertumbuhan pesat institusi-institusi kewangan dan situasi di Malaysia hari ini. Namun, ramai di kalangan masyarakat kurang memahami maksud dan konsep sebenar harta-harta ini. Oleh itu, ketidakfahaman mereka terhadap jenis harta-harta ini menyebabkan mereka tidak merasa sensitif terhadap apa jua isu yang berlaku

⁹⁷ *Ibid.*, h. 162.

membabitkan harta-harta jenis ini. Ini kemungkinan disebabkan harta penama dan tanpa penama ini merupakan isu yang baru dalam bidang kehartaan ini berbanding harta-harta lain seperti harta pusaka, harta wasiat, hibah dan sebagainya. Di mana secara umumnya, konsep dan prinsip kedua-dua jenis harta ini tidak dibincangkan oleh ulama klasik berbanding jenis harta lain yang boleh dikatakan hampir semua perbincangan mengenai muamalat kehartaan membincangkan konsep dan prinsip harta-harta tersebut.

Isu harta penama ini hanya mula ditimbulkan pada tahun 1939 dalam kes pertama berkaitan harta penama iaitu kes *Re Ismail bin Rentah*.⁹⁸ Seterusnya diikuti oleh fatwa-fatwa⁹⁹ yang dikeluarkan dan beberapa kes¹⁰⁰ lain berkaitan penamaan orang Islam. Oleh itu, adalah perlu untuk dijelaskan kedudukan dan konsep sebenar mengenainya. Namun begitu, sebelum mengulas mengenai harta tanpa penamaan yang menjadi fokus kajian ini, perbincangan secara ringkas mengenai harta penama akan dibuat terlebih dahulu supaya kupasan mengenai isu fokus kajian ini menjadi lebih mudah. Bagi menjelaskan lagi perbincangan mengenai aplikasi pentadbiran harta penama dan tanpa penamaan di bahagian ini, pengkaji menetapkan skop rujukan bagi perbincangan mengenai perkara dalam bab ini iaitu pengkaji hanya merujuk kepada peruntukan undang-undang yang berkaitan sahaja.

2.4.2 Harta Penama

2.4.2.1 Definisi dan Konsep Harta Penama

⁹⁸ (1940) MLJ 98.

⁹⁹ Fatwa Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam 20 September 1973, Jawatankuasa fatwa kali ke 117 pada 21 Februari 1980, dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh negeri-negeri. Lihat Othman Hj. Ishak (1981), *op.cit.*, h. 89-99.

¹⁰⁰ *Re Man bin Minhat, Decd* (1965) 2 MLJ, *Re Bahadun bin Hj. Hassan, Decd* (1974) 1 MLJ 14, *Wan Puziah lawan Wan Abdullah* (2001) 2 JH 235, dan *Saniah bt. Ali dan lain-lain lawan Abdullah bin Ali* (1990) 3 MLJ 135.

Penamaan ialah satu proses di mana seseorang yang telah mengambil polisi insurans atau membuat simpanan dalam suatu badan seperti KWSP, Koperasi, dan Insurans telah menamakan orang tertentu untuk mendapat faedah daripada polisi insurans atau simpanan tersebut apabila berlaku kematian kepada pemegang polisi atau penyimpan.¹⁰¹ Berdasarkan beberapa kes berkaitan yang diputuskan terdapat dua jenis penamaan yang membabitkan harta ini. Yang pertama ialah penamaan yang dianggap sebagai amanah (trust) kepada penama seperti penamaan yang membabitkan polisi insurans yang diperuntukkan di bawah seksyen 23 Akta Undang-undang Sivil 1956¹⁰² dan yang kedua ialah penamaan mengikut arahan undang-undang (statutory nomination) seperti penamaan yang diperuntukkan di bawah Akta KWSP 1991 atau Akta Koperasi 1993.¹⁰³

Mengikut amalan undang-undang, pemegang polisi atau pencarum boleh menamakan sesiapa sahaja sama ada pihak yang ingin dijadikan penama itu belum mencapai umur dewasa, atau tidak berkeupayaan dari segi fizikal atau mental. Selain itu, penama juga boleh sama ada dari kalangan ahli waris atau tidak. Ini adalah berdasarkan peruntukan umum undang-undang penamaan yang diperuntukkan di bawah akta induk di beberapa institusi kewangan.¹⁰⁴ Manakala mengenai bilangan penama yang ingin dilantik boleh melebihi dari seorang penama. Ini bermakna pemegang polisi atau pencarum boleh menamakan seorang atau lebih penama dan beliau dibolehkan untuk menentukan bahagian yang akan diberi kepada penama-penama tersebut.¹⁰⁵ Seterusnya mengenai harta yang terbabit dengan urusan penamaan ini lazimnya melibatkan tiga kategori harta alih. Kategori

¹⁰¹ Pawanceek Marican (1997), *op.cit.*, h. cxxxviii.

¹⁰² Penamaan jenis ini hanya terpakai kepada orang bukan Islam, lihat Akta Insurans, *op.cit.*, seksyen 166.

¹⁰³ Pawanceek Marican (2004), *op.cit.*, h. 146.

¹⁰⁴ Lihat Akta Insurans, *op.cit.*, seksyen 163 (1); Peraturan-peraturan KWSP, *op.cit.*, Peraturan 6.

¹⁰⁵ Akta Insurans, *op.cit.*, Seksyen 163 (5).

pertama ialah melibatkan caruman bulanan seperti caruman dalam KWSP, SOCSO, PERKESO, caruman dalam koperasi dan syarikat-syarikat kerjasama. Kategori kedua pula ialah wang simpanan di institusi kewangan seperti simpanan di bank, Tabung Haji dan simpanan di pejabat pos. Manakala kategori yang terakhir ialah melibatkan sijil-sijil saham, amanah saham dan polisi insurans.¹⁰⁶

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa harta penama ialah wang simpanan atau caruman atau polisi insurans yang diambil oleh individu di institusi kewangan seperti Perbankan, Syarikat Insurans, Koperasi, Kumpulan Wang, dan Saham Amanah di mana pencarum atau penyimpan telah menamakan individu atau individu-individu yang akan menerima simpanan atau caruman tersebut apabila penyimpan atau pencarum meninggal dunia sama ada individu yang dinamakan tersebut waris atau bukan waris.

Di awal timbulnya isu harta penama ini, ahli perundangan berselisih pendapat dalam menentukan konsep sebenar harta ini mengikut perspektif undang-undang mal Islam. Ini di mana ada yang berpendapat harta penama termasuk dalam kategori harta wasiat¹⁰⁷ dan ada juga yang mengkategorikannya dalam konsep harta pusaka¹⁰⁸, dan ada juga yang berpendapat ia sebagai harta hibah¹⁰⁹. Perselisihan ini bukan sahaja berlaku dikalangan para hakim yang membicarakan kes berkaitan harta jenis ini, malah turut berlaku di antara

¹⁰⁶ Narizan Abdul Rahman (2006), *op.cit.*, h. 209.

¹⁰⁷ Fatwa negeri Kelantan dan negeri Perak.

¹⁰⁸ Lihat hujah hakim dalam kes *In Re Ismail bin Rentah, Decd.*, *op.cit.*, dan fatwa daripada Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Agama Islam yang dikeluarkan pada 20 September 1973, fatwa Negeri Sembilan, Selangor, Pahang, dan Kedah.

¹⁰⁹ Lihat hujah hakim dalam kes *In Re Man bin Minhat, Decd.*, *op.cit.*

fatwa-fatwa yang dikeluarkan berkaitan harta penama ini. Namun begitu, selepas dibuat analisis perbandingan di antara kesemua harta ini dengan harta penama, didapati harta penama kekal menjadi harta pusaka mengikut undang-undang harta Islam. Ini kerana unsur yang terdapat dalam harta hibah iaitu pindah milik serta merta dan unsur yang terdapat dalam harta wasiat iaitu tidak boleh berwasiat kepada ahli waris tidak terdapat pada harta penama ini. Ini kerana pindah milik dalam konteks harta penama hanya berlaku setelah kematian pencarum atau penyimpan dan penama yang dinamakan kebiasaannya adalah terdiri daripada ahli waris. Oleh itu hukum harta penama adalah memakai hukum harta pusaka.

2.4.2.2 Sorotan Aplikasi Pentadbiran Harta Penama di Malaysia

Bagi tujuan melihat pentadbiran harta penama mengikut undang-undang di Malaysia, perbincangan harus di buat dengan merujuk kepada undang-undang, peraturan dan kaedah yang dipakai oleh institusi yang terlibat dalam proses penamaan ini. Misalnya, pentadbiran caruman KWSP yang ada penama tertakluk di bawah Akta,¹¹⁰ Peraturan-Peraturan¹¹¹ dan Kaedah-Kaedah KWSP.¹¹² Manakala pentadbiran penamaan wang polisi insurans pula terikat di bawah peruntukan Akta Insurans 1996 dan Peraturan-peraturannya. Ini kerana, sehingga kini tidak terdapat satu undang-undang khusus yang mengawal selia pentadbiran harta penama di Malaysia.

Secara pentadbirannya, jika pencarum, penyimpan atau pemegang polisi harta penama masih hidup semasa tempoh caruman atau simpanan layak atau boleh dikeluarkan,

¹¹⁰ Akta KWSP, *op.cit.*

¹¹¹ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*

¹¹² Kaedah-Kaedah KWSP, *op.cit.*

harta tersebut akan dikeluarkan atau diberi kepada mereka sendiri. Sistem penamaan hanya akan terpakai jika penyimpan atau pencarum meninggal dunia sebelum sempat mengeluarkan harta tersebut. Secara umumnya harta atau simpanan atau caruman yang ada penama akan dibayar kepada penama atau penama-penama apabila tuntutan dibuat dengan dikemukakan bukti kematian atau dengan kata lain, pembayaran akan dibuat mengikut arahan penamaan yang dibuat oleh penyimpan atau pemegang polisi. Ini misalnya dapat dilihat dalam seksyen 165 (1) Akta Insurans 1996 (Pembayaran wang polisi jika terdapat penamaan) yang menyebut:¹¹³

“(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika seseorang pemunya polisi mati setelah membuat sesuatu penamaan, penanggung insurans berlesen hendaklah membayar wang polisi pemunya polisi yang mati itu mengikut arahan penamaan itu apabila menerima suatu tuntutan daripada penama dan tuntutan itu disertai dengan bukti kematian pemunya polisi itu”.

Mengikut amalan undang-undang, pencarum, penyimpan atau pemegang polisi boleh menamakan lebih dari seorang penama dan boleh juga menetapkan bahagian-bahagian yang akan diterima oleh penama-penama tersebut. Namun begitu, jika bahagian-bahagian tersebut tidak ditetapkan oleh si mati, maka pihak institusi akan membuat bayaran sama rata di antara penama-penama tersebut. Ini diperuntukkan di bawah seksyen 163 (5) Akta 553 seperti berikut:¹¹⁴

(5) Sesuatu penamaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh dibuat bagi faedah seseorang atau lebih dan jika orang yang dinamakan itu lebih dari seorang, pemunya polisi itu boleh mengarahkan supaya bahagian yang ditentukan itu dibayar kepada orang yang dinamakan dan jika pemunya polisi tidak membuat membuat apa-apa arahan, penanggung insurans berlesen hendaklah membayar bahagian yang sama banyak kepada orang itu”.

¹¹³ Akta Insurans, *op.cit.*, seksyen 165(1); Peraturan-Peraturan KWSP *op.cit.*, Peraturan 9.

¹¹⁴ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*, Peraturan 6 (2).

Namun begitu, jika berlaku keadaan di mana si mati telah menetapkan bahagian-bahagian yang akan diterima oleh penama-penama dan salah seorang daripada penama-penama yang dinamakan meninggal dunia terlebih dahulu dari si mati (nominator) dan beliau tidak membuat apa-apa penamaan terkemudian bagi melupuskan bahagian penama yang mati itu, maka mengikut peruntukan Akta Insurans 1996 bahagian tersebut akan diagihkan kepada penama yang masih hidup dalam nisbah bahagian masing-masing.¹¹⁵ Manakala mengikut peruntukan Peraturan KWSP pula bahagian tersebut akan kembali menjadi harta pusaka si mati.¹¹⁶

Manakala mengenai tanggungjawab penama pula, kini sudah terdapat perkembangan positif dalam undang-undang di Malaysia mengenai isu ini. Ini di mana pindaan telah dibuat kepada undang-undang berkaitan isu ini agar peruntukan undang-undang mengenai tanggungjawab penama ini selaras dengan fatwa yang dikeluarkan dan undang-undang Islam. Misalnya peruntukan seksyen 167 (1) (2) Akta Insurans menyebut:¹¹⁷

“(1) Seseorang penama, selain daripada penama di bawah subseksyen 166(1), hendaklah menerima wang polisi yang kena dibayar atas kematian pemunya polisi itu sebagai wasi dan bukan semata-mata sebagai benefisiari dan apa-apa pembayaran kepada penama itu hendaklah menjadi sebahagian daripada harta pusaka pemunya polisi yang mati dan tertakluk kepada hutangnya...”

(2) Subseksyen (1) terpakai bagi seseorang penama pemunya polisi yang beragama Islam yang, apabila wang polisi itu diterima, hendaklah membahagikan wang polisi itu mengikut undang-undang Islam”

Oleh itu tanggungjawab penama atau penama-penama yang menerima wang tersebut ialah mengagihkan wang yang diterimanya kepada ahli waris yang lain dan

¹¹⁵ Akta Insurans, *op.cit.*, Seksyen 164 (3).

¹¹⁶ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*, Peraturan 7 (3).

¹¹⁷ Akta Insurans, *op.cit.*, Seksyen 167 (1) (2).

bukan semata-mata menerima wang tersebut kepada dirinya. Ini kerana harta penama termasuk di dalam harta pusaka si mati dan tertakluk kepada hutang si mati. Oleh itu penama tersebut bukan semata-mata sebagai benefisiari, tetapi juga sebagai wasi atau pentadbir kepada wang itu dan harus menjalankan tanggungjawabnya mengikut undang-undang Islam.¹¹⁸

2.4.3 Harta Tanpa Penama

2.4.3.1 Definisi Dan Konsep Harta Tanpa Penama

Mengikut undang-undang dan amalan institusi kewangan di Malaysia hari ini, penyimpan atau pemegang polisi dikehendaki meletakkan penama atau penama-penama yang akan menerima wang atau faedah dari harta itu setelah penyimpan atau pemegang polisi tersebut meninggal dunia. Namun begitu, meletakkan penama atau penama-penama bukanlah satu kewajipan. Oleh itu penyimpan atau pemegang polisi boleh jika tidak ingin meletakkan penama atau penama-penama bagi simpanan mereka. Ini berdasarkan peruntukan undang-undang penamaan yang tidak mewajibkan membuat penamaan, sebaliknya ia hanya satu pilihan. Sebagai contoh dapat dilihat dalam peruntukan seksyen 163 (1) Akta Insurans yang menyebut:¹¹⁹

“ (1) Seseorang pemunya polisi yang telah mencapai umur lapan belas tahun boleh menamakan seseorang sebenar untuk menerima wang polisi yang kena dibayar atas kematiannya di bawah polisi itu...”

Oleh itu jelaslah bahawa peruntukan tersebut membenarkan membuat penamaan tetapi ia bukanlah suatu peruntukan mandatori yang mewajibkan semua pemegang polisi membuat

¹¹⁸ Lihat juga Fatwa Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam 20 September 1973.

¹¹⁹ Akta Insurans, *op.cit.*, Seksyen 163 (1); Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*, Peraturan 6,

penamaan. Sebaliknya ia hanya memberi pilihan atau kebenaran untuk ahli membuat penamaan.

Berdasarkan kepada perbincangan tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa harta tanpa penamaan ialah simpanan atau wang yang boleh diletakkan penama atau penama-penama seperti caruman KWSP, SOCSO, PERKESO, caruman dalam koperasi, wang simpanan di institusi kewangan seperti simpanan di bank, Tabung Haji dan simpanan di pejabat pos, sijil-sijil saham, amanah saham dan polisi insurans, tetapi penyimpan atau pemunya polisi itu tidak menamakan sesiapa yang akan menerima wang tersebut setelah kematiannya jika beliau tidak sempat mengeluarkan wang tersebut. Maka harta atau wang tersebut dikatakan sebagai harta tanpa penama. Walau bagaimanapun dalam konteks praktikal di KWSP, caruman KWSP yang pada mulanya diletakkan penama oleh pencarum tetapi penama tersebut meninggal dunia sebelum si mati dan si mati tidak membuat penamaan baru¹²⁰ atau penamaan yang dibuat oleh si mati tidak dapat dikesan daripada rekod KWSP atau ia tidak boleh didaftarkan atas beberapa faktor¹²¹, maka caruman si mati tersebut juga dikira sebagai caruman tanpa penamaan.

Seterusnya mengenai konsep sebenar harta tanpa penamaan mengikut perspektif undang-undang kehartaan Islam. Harta tanpa penamaan tidak seperti harta penama yang mencetuskan kontroversi mengenai konsepnya yang sebenar. Oleh itu harta penama agak banyak dibincangkan oleh para cendekiawan undang-undang Islam semasa berbanding

¹²⁰ Peraturan-peraturan KWSP, *op.cit.*, Peraturan 7. Ia dapat dilihat misalnya dalam kes fail P-02071488 (A) 06 di mana permohonan pengeluaran dibuat oleh duda ahli dan beliau mengemukakan sijil kematian penama yang telah dinamakan oleh ahli. Oleh itu KWSP membuat pembayaran di bawah pengeluaran tanpa penamaan.

¹²¹ Misalnya lihat dalam kes P-01045013-A-06 dimana penamaan yang dibuat tidak lengkap dan ia dikira terbatal.

harta tanpa penamaan. Jika harta penama menjadi harta pusaka yang harus diagihkan kepada ahli waris yang berhak, maka apabila harta tersebut tidak dinamakan kepada sesiapa, harta itu kekal sebagai harta pusaka peninggalan si mati.¹²² Oleh itu ia memakai hukum harta pusaka.

Ini adalah berdasarkan takrif harta pusaka ialah harta atau hak-hak yang ditinggalkan oleh si mati termasuk hak berkaitan kehartaan atau hak yang tidak berkaitan kehartaan.¹²³ Dengan melihat kepada takrif tersebut, jelaslah bahawa harta tanpa penama ini termasuk di dalam skop takrif harta pusaka tersebut. Ini kerana harta tanpa penama kekal tergolong dalam harta peninggalan si mati kerana ia tidak berkaitan lagi dengan harta-harta lain seperti harta hibah, wasiat dan wakaf.

2.4.3.2 Sorotan Aplikasi Pentadbiran Harta Tanpa Penama di Malaysia

Seperti yang dijelaskan bahawa harta tanpa penamaan ini adalah memakai hukum harta pusaka, begitu juga dengan prosedur pentadbirannya mengikut undang-undang pusaka di Malaysia. Mengikut undang-undang yang terpakai dalam proses pentadbiran harta tanpa penamaan ini, secara umumnya jika penyimpan atau pemegang polisi meninggal dunia tanpa membuat penamaan dan masih terdapat sejumlah wang dalam akaun atau simpanannya di institusi yang terbabit, maka pihak institusi akan membuat bayaran kepada sesiapa yang mengemukakan mana-mana satu daripada SKM, Perintah Probet atau Perintah Pembahagian. Ini misalnya dapat dilihat dalam peruntukan Akta

¹²² Narizan Abdul Rahman (2006), *op.cit.*, h. 209.

¹²³ Ahmad Muhammad 'Alī Dawūd (1977), *al-Ḥuqūq al-Muta'alliqah bit Tarīkah bayna al-Fiqh wa al-Qānun: al-Tajhīz wa al-Duyūn wa al-Waṣāyā wa al-Mawārīth wa Taqṣīmatihī*. Maktabah al-Thaqāfah li al-Nashri wa al-Taudh'ī, hh. 27-28.

Insurans 1996, seksyen 169 (1) (Pembayaran wang polisi jika tidak ada penamaan) menyebut:¹²⁴

“ (1) Jika seorang pemunya polisi bagi suatu polisi mati tanpa membuat suatu penamaan , tertakluk kepada seksyen 168, penanggung insurans berlesen hendaklah membayar wang polisi pemunya polisi yang mati itu kepada pemohon yang mengemukakan Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian”.

Prosedur yang hampir sama juga dapat dilihat dalam undang-undang yang mentadbir caruman di koperasi iaitu Akta Koperasi 1993. Seksyen 24 (1) (a) memperuntukkan:¹²⁵

“ (1) Apabila seseorang anggotanya mati, sesuatu koperasi berdaftar boleh memindahkan syer atau kepentingan anggota yang mati itu-

(a) Dalam hal anggota yang mati yang muslim, kepada wakil di sisi undang-undang bagi anggota yang mati itu atau kepada orang yang didapati oleh Lembaga ialah orang yang berhak mendapat syer atau kepentingan itu menurut apa-apa pembahagian yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan pembahagian harta pusaka; atau..”

dan boleh membayar kepada wakil di sisi undang-undang, penama, waris atau orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, sesuatu jumlah wang yang merupakan nilai syer atau kepentingan anggota yang mati itu....”.

Seterusnya diperuntukkan juga, jika selepas enam bulan dari tarikh kematian anggotanya yang muslim pihak koperasi berdaftar tidak dapat menentukan wakil di sisi undang-undang bagi anggota itu atau tiada wakil di sisi undang-undang telah dilantik atau harta pusaka anggota itu telah dibahagikan tetapi koperasi berdaftar tidak dapat menentukan orang yang berhak mendapat syer atau kepentingan itu menurut pembahagian itu, maka koperasi tersebut boleh membayar kepada Pegawai Pentadbir Pusaka sejumlah wang yang merupakan nilai syer atau kepentingan anggota itu.¹²⁶ Peruntukan prosedur ini

¹²⁴ Akta Insurans, *op.cit.*, Seksyen 169 (1).

¹²⁵ Akta Koperasi, *op.cit.*, Seksyen 24 (1) (a).

¹²⁶ *Ibid*, seksyen 24 (3).

adalah terpakai kepada semua anggota koperasi yang beragama Islam. Ini kerana konsep penamaan tidak terpakai kepada anggota koperasi yang beragama Islam.¹²⁷

Namun begitu, pihak institusi boleh dalam jumlah amaun tertentu membuat bayaran tanpa perlu mengemukakan mana-mana satu daripada dokumen-dokumen tersebut kepada pihak yang ditetapkan oleh undang-undang. Sebagai contoh, jika wang polisi insurans si mati tidak melebihi RM100,000.00, pihak syarikat insurans boleh membayar semua wang polisi sama ada kepada isteri, suami, anak, atau ibu bapa si mati mengikut keutamaan tanpa perlu dikemukakan mana-mana satu dokumen-dokumen yang dinyatakan.¹²⁸ Jika pihak-pihak tersebut tidak ada, maka pihak syarikat boleh membuat bayaran kepada sesiapa yang berkemungkinan mendapat mana-mana dari dokumen tersebut atau sesiapa yang berhak secara benefisial.¹²⁹ Ini seperti mana diperuntukkan di bawah seksyen 169 (2) (a) Akta Insurans:

- “(a) jika wang polisi tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau amaun yang lebih banyak sebagaimana yang boleh ditetapkan, penanggung insurans berlesen itu boleh membayar kesemua wang polisi itu tanpa menghendaki Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian-
- (i) kepada seseorang yang memuaskan hati penanggung insurans berlesen itu sebagai berhak dan berkemungkinan diberikan Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian; atau
 - (ii) kepada seseorang yang memuaskan hati penanggung insurans berlesen itu sebagai berhak secara benefisial kepada harta pusaka pemunya polisi yang mati; atau...”

Manakala dalam kes wang polisi insurans melebihi RM100,000.00, pihak syarikat insurans boleh membuat bayaran awal satu jumlah yang tidak melebihi RM100,000.00

¹²⁷ Pawancheek Marican (2008), *op.cit.*, h. 175.

¹²⁸ Akta Insurans, *op.cit.*, Seksyen 169 (2) (a).

¹²⁹ *Ibid.*, seksyen 169 (2) (a) (i) (ii).

kepada pihak yang dinyatakan dalam peruntukan seksyen 169 (a) (i) (ii), atau dengan erti kata lain, prosedur pembayaran wang polisi yang tidak melebihi RM100,000.00 terpakai setakat jumlah yang ditetapkan itu. Seterusnya baki dari wang tersebut akan di bayar setelah dikemukakan mana-mana satu daripada SKM atau Perintah Probet atau Perintah Pembahagian. Walau bagaimanapun, tempoh bagi mengemukakan mana-mana dari dokumen tersebut hanya sah selama satu tahun sahaja dari tarikh pembayaran awal yang berjumlah RM100,000.00. Jika selepas berlalu tempoh tersebut dan salah satu dari dokumen tersebut tidak dikemukakan, pihak insurans boleh membayar baki wang tersebut kepada orang yang menerima bayaran awal wang polisi tersebut.¹³⁰

Seterusnya mengenai pentadbiran polisi takaful iaitu apabila peserta takaful meninggal dunia. Syarikat takaful akan membuat bayaran faedah takaful kepada wasi kepada si mati atau penuntut yang berhak menerima faedah atau jumlah wang tersebut mengikut undang-undang yang berkaitan. Pengeluaran wang polisi tersebut tidak memerlukan penuntut mengemukakan apa-apa probet atau surat mentadbir pusaka. Ini sepertimana diperuntukkan dibawah seksyen 65 (1) Akta Takaful 1984 (Akta 312):

“65. Bayaran tuntutan perpaduan keluarga tanpa probet, dsb.

(1) Apabila seseorang peserta, berhubungan dengan sijil perpaduan, mati dan dengan kematiannya faedah takaful adalah kea dibayar di bawah sijil-sijil itu, pengendali boleh membayar kepada pihak penuntut yang wajar sejumlah wang perpaduan sebagaimana yang ditetapkan tanpa pengeluaran apa-apa perobet atau surat mentadir pusaka.....”

¹³⁰ *Ibid.*, seksyen 169 (6).

Manakala seksyen 65 (4) Akta yang sama pula mentafsirkan pihak penuntut dan sekaligus menyatakan kedudukan penerima wang polisi iaitu sebagai wasi. Seksyen tersebut memperuntukkan:

“(4) Dalam seksyen ini, “pihak menuntut wajar” ertinya seseorang yang mendakwa berhak mendapat jumlah wang yang berkenaan sebagai wasi kepada si mati, atau yang mendakwa berhak mendapat jumlah wang itu di bawah undang-undang yang berkaitan”

Berdasarkan perbincangan tersebut, dapat disimpulkan bahawa prosedur pentadbiran kedua-dua harta, harta penama dan tanpa penamaan adalah berbeza-beza mengikut institusi kewangan. Perbezaan ini berlaku disebabkan tiada undang-undang khusus yang mengawal selia pentadbiran kedua-dua harta tersebut. Sebaliknya pentadbirannya diperuntukkan di bawah akta induk bagi setiap institusi kewangan yang terlibat dengan harta-harta ini. Walau bagaimanapun, kaedah yang digunakan dalam mentadbir dan menguruskan kedua-dua harta lebih kurang sama sekalipun prosedurnya berbeza-beza. Manakala mengenai pentadbiran harta tanpa penamaan di Malaysia kini, secara ringkasnya dapat dirumuskan bahawa pentadbiran harta tanpa penamaan adalah menggunakan prosedur pentadbiran harta pusaka. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa institusi yang melonggarkan sedikit prosedurnya bagi amaun wang yang tertentu.



BAB KETIGA

BAB KETIGA

BIDANGKUASA DAN ORGANISASI KUMPULAN

WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

3.1 Pengenalan Kepada KWSP

KWSP merupakan sebuah organisasi keselamatan sosial yang memberi manfaat persaraan. Di samping merupakan institusi kewangan yang terpenting di Malaysia dan merupakan sebuah institusi kumpulan wang yang pertama ditubuhkan di rantau ini, KWSP juga merupakan institusi kumpulan wang yang tertua di dunia dan institusi perintis kumpulan wang di kalangan Negara Membangun.¹³¹ KWSP merupakan institusi yang menawarkan skim simpanan wajib yang mewajibkan majikan dan pekerja mencarum bagi setiap bulan pada kadar yang berasaskan peratusan gaji pekerja.¹³²

Seterusnya KWSP akan melaburkan wang yang dicarumkan melalui beberapa instrumen kewangan yang diluluskan untuk menghasilkan pendapatan. Ini termasuklah Sekuriti Kerajaan Malaysia, Instrumen Pasaran Wang, Bon dan Pinjaman, Ekuiti serta Hartanah.¹³³ Caruman tersebut akan disimpan di KWSP dan akan menerima dividen tahunan. Berdasarkan kadar berkanun yang ditetapkan, dividen mestilah tidak kurang daripada 2.5 peratus setahun.¹³⁴

¹³¹ KWSP: Dahulu Kini Esok (2001), terbitan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sempena sambutan ulangtahun ke-50 KWSP pada 1 Oktober 2001, h. 3.

¹³² *Ibid.*, h. 29.

¹³³ Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, *op.cit.*, 13 Oktober 2009.

¹³⁴ Akta KWSP, *op.cit.*, Seksyen 27 .

Di samping itu, KWSP bukan sahaja institusi yang menawarkan skim simpanan wajib bagi faedah persaraan, malah ia juga merupakan satu alternatif bagi rakyat Malaysia untuk menabung secara sukarela. Ini kerana KWSP menggalakkan orang yang layak mencarum melebihi kadar berkanun yang ditetapkan untuk menambah simpanan bagi tujuan persaraan. Tambahan pula KWSP juga memainkan peranan penting dalam menjana peruntukan keselamatan sosial kepada sebilangan besar rakyat Malaysia atau waris mereka menerusi perlindungan kewangan untuk persaraan, kematian dan hilang keupayaan, menggalakkan pemilikan rumah dan menggerakkan simpanan jangka panjang untuk pembangunan ekonomi negara.¹³⁵

Selain daripada fungsi utamanya sebagai penyedia faedah persaraan, KWSP juga merupakan penggerak tabungan negara dan pembiaya kepada pembangunan negara. Ini di mana KWSP merupakan sumber pinjaman dalam negeri dan KWSP juga menjadi pembiaya kepada projek pembangunan dan prasarana misalnya projek pembinaan lapangan terbang, pelabuhan, lebuh raya dan beberapa projek lagi.¹³⁶ Di samping itu, KWSP juga berperanan sebagai pelabur bagi institusi dan pembiaya industri. Ini dapat dilihat dalam peruntukan Akta KWSP 1991 yang membenarkan KWSP melabur di institusi yang aktif melabur dalam pasaran modal dan skunder, sektor perbankan dan kewangan melalui pelaburannya dalam instrumen pasaran wang, ekuiti, dan memberi pinjaman kepada syarikat yang diluluskan.¹³⁷

¹³⁵ KWSP: Dahulu Kini Esok, (2001), *op.cit.*, h. 33.

¹³⁶ *Ibid.*, h. 41.

¹³⁷ Akta KWSP, *op.cit.*, Seksyen 26, 26A, 26B.

Manakala sebagai pembiaya industri pula, KWSP dibenarkan untuk membuat pelaburan dalam syarikat yang diluluskan yang terlibat dalam sektor industri dan kerajaan mempunyai kepentingan kepada industri tersebut.¹³⁸ Selain itu, KWSP yang menjadi penyumbang sosio ekonomi kepada Negara juga memainkan peranan sebagai penggalak pemilikan rumah, penyedia insurans sosial terhad, dan sebagai penggalak tabungan.¹³⁹ Oleh itu, dapat dilihat bahawa KWSP bukan sahaja memainkan peranan penting sebagai penggerak utama dalam bidang keselamatan sosial tetapi juga dalam penjana pertumbuhan ekonomi Negara.

3.2 Sejarah Penubuhan KWSP dan Perkembangannya

3.2.1 Sejarah Penubuhan KWSP

Sejarah penubuhan KWSP harus dilihat dalam konteks pembangunan Negara. Seperti yang diketahui, antara faktor yang menarik perhatian penjajah British kepada Tanah Melayu ialah kekayaan ladang getah dan bijih timah yang terdapat di Tanah Melayu. Oleh itu, di sekitar tahun 1951 Tanah Melayu mula menunjukkan tanda akan mewarisi sistem moden penjajah seperti pembinaan jalan raya, jalan kereta api, sekolah dan mahkamah. Rentetan daripada situasi ini, satu skim tabungan telah diwujudkan oleh Pemilik Ladang Getah Persendirian sebagai inisiatif perlindungan dan jaminan hari tua kepada para pekerja mereka. Sekalipun caruman pada masa itu tidak seragam, tetapi sambutan yang diperoleh daripada sektor perladangan dan perlombongan amat memberangsangkan.¹⁴⁰

¹³⁸ KWSP: Dahulu Kini Esok (2001), *op.cit.*, h. 42.

¹³⁹ *Ibid.*, hh. 42-43.

¹⁴⁰ *Ibid.*, h. 7.

Seterusnya, hasil cadangan yang dikemukakan oleh Jabatan Buruh pada tahun 1949, Majlis Bersama Gaji yang mewakili kepentingan pekerja dan majikan telah memperkenalkan satu skim tabungan nasional untuk melindungi kepentingan pekerja. Pada permulaannya, caruman dalam skim tersebut hanya diperingkat majikan dan pekerja yang berpendapatan rendah dan diuruskan oleh sebuah tabung. Namun begitu, akhirnya situasi ini telah membawa kepada penggubalan Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada 1 Oktober 1951 yang seterusnya membawa kepada penubuhan KWSP.¹⁴¹ Berdasarkan kepada catatan sejarah, KWSP ditubuhkan ketika Tanah Melayu dalam keadaan darurat yang berpunca daripada ancaman komunis. Oleh itu, kerajaan berpendapat penubuhan tabung simpanan pekerja ini sebagai satu langkah penting ke arah memberi perlindungan kepada kaum pekerja.¹⁴²

Pada permulaannya, Lembaga KWSP memberi kuasa kepada Pengarah Besar Pos untuk mentadbir KWSP. Ini berlanjutan sehinggalah negara mencapai kemerdekaan pada 1957. Kemudian barulah Lembaga KWSP bertanggungjawab sepenuhnya mentadbir Kumpulan Wang tersebut.¹⁴³ Berikutan dari itu, operasi KWSP berpindah ke bangunan Ibu Pejabat KWSP yang baru di Petaling Jaya dan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada masa itu, Encik Tan Tiew Sin Pada November 1960. Kemudian pada tahun 1985, sekali lagi Ibu Pejabat KWSP berpindah kepada bangunan baru KWSP yang terletak di Jalan Raja Laut. Bangunan baru ini dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia waktu itu, Tun Dr. Mahathir Muhammad.

¹⁴¹ *Ibid.*, h.9.

¹⁴² *Ibid.*, h.10.

¹⁴³ *Ibid.*, h. 13.

KWSP ketika mula beroperasi pada Julai 1952, hanya mempunyai 46 orang kakitangan yang terdiri daripada pegawai buruh dan 20 kerani serta jurutaip. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut bertambah dari masa ke semasa sehingga tahun 2000, KWSP mempunyai anggota seramai 4165 orang untuk memberi perkhidmatan kepada ahli yang terus meningkat.¹⁴⁴ Manakala jumlah keahlian KWSP ketika ia mula mendaftarkan ahlinya ialah 518,948 orang. Kebanyakan mereka terdiri daripada pekerja di sektor pertanian, perlombongan, dan perikanan.

Namun begitu, apabila Majlis Perundangan Persekutuan meluluskan rang undang-undang yang membolehkan pertambahan ahli antara 700,000 hingga 100,000 pada 1955, maka jumlah ahli KWSP mula bertambah sehingga mencapai 800,000 orang pada tahun berkenaan.¹⁴⁵ Seterusnya, Pada 50 tahun pertama penubuhan KWSP iaitu pada tahun 2000, KWSP merupakan pemegang amanah kepada simpanan lebih 10 juta ahli yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.¹⁴⁶

Begitu juga mengenai kadar caruman di awal penubuhan KWSP. Kadar tersebut hanya sebanyak 5 peratus bagi majikan dan pekerja.¹⁴⁷ Namun begitu, kadar caruman ini tidaklah terhenti pada kadar itu sahaja, malah ia akan berubah dari semasa ke semasa sama ada kadar caruman tersebut dinaikkan atau diturunkan jumlahnya. Dari pertengahan tahun 70-an sehingga pertengahan tahun 90-an kadar caruman ini menyaksikan peningkatan yang memberangsangkan. Misalnya Pada tahun 1975, kadar caruman telah dinaikkan kepada 6 peratus bagi pekerja dan 7 peratus bagi majikan. Seterusnya, kadar ini dinaikkan lagi pada

¹⁴⁴ *Ibid.*, h. 25.

¹⁴⁵ *Ibid.*, h. 13.

¹⁴⁶ *Ibi.d*, h. 23.

¹⁴⁷ *Ibid.*, h. 11.

tahun 1981 kepada 9 peratus bagi pekerja dan 11 peratus bagi majikan.¹⁴⁸ Manakala pada Januari 1993 hingga Disember 1995 jumlah caruman pekerja dinaikkan lagi kepada 10 peratus dan 12 peratus bagi caruman majikan. Walau bagaimanapun, pada April 2001 hingga Mac 2002, kadar caruman pekerja diturunkan kepada 9 peratus dan kadar caruman majikan kekal dengan 12 peratus.¹⁴⁹

Begitu juga mengenai skim pengeluaran caruman KWSP di awal penubuhannya. Skim pengeluaran yang ditawarkan oleh KWSP adalah amat terhad. KWSP hanya menawarkan skim pengeluaran 55 tahun, skim pengeluaran hilang upaya sama ada fizikal atau mental, dan skim pengeluaran meninggalkan Negara tanpa ada niat untuk kembali. Manakala jika ahli meninggal dunia tanpa sempat mengeluarkan simpanannya, maka pihak KWSP akan membayar semua simpanannya kepada penama atau waris terdekatnya.¹⁵⁰ Seterusnya pada tahun 70-an, KWSP memperkenalkan satu lagi skim pengeluaran iaitu ahli boleh mengeluarkan simpanan berjumlah 10 peratus dari harga rumah untuk membeli rumah kos rendah yang berharga tidak melebihi RM 25,000.00.¹⁵¹

Disekitar tahun 60-an, KWSP telah meluaskan skimnya atau perkhidmatannya kepada pelbagai sektor. Pada tahun 1963, skim KWSP turut meliputi pekerja yang menerima gaji sehingga RM500.00 sebulan daripada majikan yang mempunyai tiga orang atau lebih pekerja. Pada tahun berikutnya, liputan skim tersebut diluaskan lagi merangkumi semua majikan sehingga kepada majikan yang mempunyai seorang pekerja. Seterusnya liputan skim ini diluaskan ke Sabah dan Sarawak pada tahun 1969. Pada tahun 70-an, sekali

¹⁴⁸ *Ibid.*, h. 15.

¹⁴⁹ Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, *op.cit.*, 13 Oktober 2009.

¹⁵⁰ KWSP: Dahulu Kini Esok (2001), *op.cit.*, h. 14.

¹⁵¹ *Ibid.*, h. 15.

lagi KWSP meluaskan liputan skimnya di mana merangkumi semua pekerja termasuk warga asing dan pembantu rumah. Walaubagaimanapun, bagi warga asing dan pembantu rumah skim KWSP ini hanya sebagai pilihan sahaja. Di mana mereka boleh memilih untuk mencarum dalam KWSP atau tidak mencarum.¹⁵²

3.2.2 Perkembangan KWSP

KWSP kini mempunyai rangkaian pejabatnya di semua negeri di Malaysia. Ibu Pejabat KWSP terletak di bangunan KWSP bertempat di Jalan Raja Laut. Ini termasuk 14 buah pejabat KWSP negeri dan 36 buah pejabat cawangan serta 64 kiosk KWSP di semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak bagi memudahkan ahli memperolehi maklumat dan mengalakkan ahli berurusan di KWSP.¹⁵³ Ini bertepatan memandangkan kepada kadar pertambahan ahli KWSP dari semasa ke semasa. Sehingga tahun 2008, KWSP mempunyai 5.7 juta ahli yang aktif mencarum.¹⁵⁴

Begitu juga mengenai caruman tahunan dan caruman terkumpul KWSP yang semakin meningkat dari semasa ke semasa. Ini misalnya, caruman tahunan pada tahun 2004 adalah RM21,860 juta, manakala caruman tahunan pada 2006 meningkat kepada RM26,191 juta. Seterusnya pada tahun 2008, caruman tahunan meningkat kepada RM34,543 juta. Begitu juga bagi caruman terkumpul KWSP yang juga mengalami peningkatan dari semasa ke semasa. Ini dapat dilihat pada tahun 2004, caruman terkumpul berjumlah RM238,860 juta. Manakala pada tahun 2006 jumlah ini meningkat sehingga

¹⁵² *Ibid.*

¹⁵³ Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, *op.cit.*, 10 November 2009.

¹⁵⁴ *Ibid.*

RM289,060 juta. Seterusnya kadar caruman terkumpul tersebut meningkat sehingga RM34,640 juta pada tahun 2008.¹⁵⁵

Begitu juga mengenai skim pengeluaran carumannya, KWSP kini menawarkan 17 skim pengeluaran kepada ahlinya berbanding hanya 3 skim pengeluaran di awal penubuhannya. Skim- skim tersebut membabitkan Skim Pengeluaran Persaraan, Skim Pengeluaran Perumahan dan lain-lain skim. Skim-skim tersebut adalah seperti berikut:¹⁵⁶

1) Skim Pengeluaran Persaraan

- Pengeluaran Mencapai umur 55 tahun
- Pengeluaran Mencapai umur 50 tahun
- Pengeluaran Bayaran Berkala
- Pengeluaran Bayaran Bulanan
- Pengeluaran Dividen Tahunan.

2) Skim Pengeluaran Perumahan

- Pengeluaran Membeli Rumah
- Pengeluaran Membina Rumah
- Pengeluaran Mengurangkan atau Menyelesaikan Pinjaman Rumah
- Pengeluaran Mengurangkan atau Menyelesaikan Pinjaman Rumah bagi Membantu Suami atau Isteri.

3) Lain-lain Pengeluaran

- Pengeluaran Pelaburan Simpanan Ahli

¹⁵⁵ *Ibid.*

¹⁵⁶ *Ibid.*

- Pengeluaran Persaraan Pilihan
- Pengeluaran Pendidikan
- Pengeluaran Kesihatan
- Pengeluaran Meninggalkan Negara
- Pengeluaran Kematian
- Pengeluaran Hilang Keupayaan
- Kematian-Bayaran Secara Faraid

Perkembangan terbaru mengenai pengeluaran caruman di KWSP ialah pihak KWSP telah melonggarkan pengeluaran bagi skim perumahan dan skim pendidikan. Ini di mana pencarum kini boleh mengeluarkan wang daripada akaun perumahan (Akaun II) sekali dalam setahun bagi mengurangkan atau menyelesaikan pinjaman perumahan mereka. Manakala bagi pengeluaran pendidikan pula, ahli KWSP kini dibenarkan mengeluarkan simpanan bagi membiayai kos pengajian bermula pada peringkat diploma dan ke atas sama ada untuk dirinya sendiri atau anaknya.¹⁵⁷

KWSP sebagai organisasi yang berorientasikan perkhidmatan berusaha dari semasa ke semasa untuk menyediakan penyebaran maklumat yang berkesan untuk ahlinya. Dengan itu, KWSP telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan perhubungan dan komunikasi dengan ahli. KWSP memulakan komunikasi dengan ahli melalui pendedaran penyata kira-kira tahunannya. Dengan ini, ahli sentiasa dimaklumi mengenai jumlah simpanan dalam akaun mereka dan dapat menyemak bayaran caruman oleh majikan. Hari ini, seiring dengan perkembangan teknologi perhubungan, KWSP telah

¹⁵⁷ Sebelum ini, pencarum hanya dibenarkan mengeluarkan simpanan Akaun II untuk mengurangkan atau menyelesaikan pinjaman perumahan mereka tiga kali setahun. Manakala bagi pengeluaran pendidikan, sebelum ini ahli dibenarkan membuat pengeluaran bagi peringkat diploma untuk diri sendiri dan peringkat ijazah dan ke atas bagi anak mereka.

menyediakan satu lagi perkhidmatan bagi ahli untuk membolehkan mereka menyemak penyata akaun secara *online* iaitu dikenali sebagai perkhidmatan “i- Akaun”. i-Akaun merupakan akaun peribadi ahli atau majikan sama seperti akaun KWSP tetapi akaun ini hanya digunakan di Internet, khasnya melalui portal my EPF.

Dengan mempunyai akaun ini, pengguna boleh mendapatkan beberapa perkhidmatan KWSP secara *online*. Melalui perkhidmatan ini, ahli boleh menyemak penyata kira-kira terkini dan tahun lepas secara *online*, menyemak status dan rekod pengeluaran, memudahkan ahli mengemaskini alamat, mengira had pengeluaran bagi skim pengeluaran dan memudahkan ahli mengakses borang pengeluaran yang siap diisi dengan maklumat ahli. Manakala para majikan boleh dengan menggunakan perkhidmatan i-Akaun ini untuk menyemak item-item ketakuran seperti denda dan dividen, memudahkan mereka mengemaskini alamat, boleh mengakses borang elektronik yang siap diisi dengan butiran majikan, dan perkhidmatan bayaran caruman KWSP melalui internet.¹⁵⁸

Selain itu, dalam usaha KWSP memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggannya, KWSP memperkenalkan perkhidmatan SMS interaktif yang memudahkan ahli mendapat maklumat tertentu mengenai akaun mereka dengan mudah dan cepat. Perkhidmatan ini dinamakan “m-Akaun” yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan. Di mana perkhidmatan ini hanya ditawarkan kepada pemegang i-Akaun sahaja dan ia beroperasi 24 jam sehari. Ahli perlu membuat pendaftaran terlebih dahulu dan pendaftaran adalah percuma. Bayaran bagi SMS yang berjaya adalah RM0.20 sen sahaja. Melalui

¹⁵⁸ Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, *op.cit.*, 10 November 2009.

perkhidmatan m-Akaun ini, ahli boleh mendapat maklumat mengenai profil ahli, penyata akaun semasa dan tahunan serta rekod pengeluaran.¹⁵⁹

Bagi memudahkan dan meningkatkan mutu perkhidmatannya, KWSP juga menyediakan perkhidmatan mesin “e-Kiosk” yang membolehkan ahli yang mempunyai myKad mendapatkan penyata kira-kira secara layan diri. Melalui perkhidmatan ini, ahli boleh mendapatkan penyata mereka dalam tempoh kurang dari dua minit. Mereka boleh memperolehi perkhidmatan ini di semua pejabat KWSP dan di beberapa lokasi terpilih iaitu di beberapa cawangan terpilih AmBank, RHB, RHB Islamic, Institut Jantung Negara, CIMB, CitiBank dan Public Bank.¹⁶⁰

3.3 Bidang Kuasa KWSP di dalam Akta KWSP 1991 (Akta 452)

Akta KWSP dikuatkuasakan pada tahun di mana KWSP menyambut ulang tahunnya yang ke-40 iaitu pada tahun 1991. Akta tersebut dikuatkuasakan pada 1 Jun 1991 bagi menggantikan Akta KWSP 1951 (Pindaan 1982).¹⁶¹ Penggubalan Akta KWSP 1991 ini sekaligus memansuhkan akta KWSP 1951. Di samping itu, penggubalan Akta KWSP 1991 ini juga memberi kelonggaran peraturan pelaburan kepada KWSP dan meluaskan skopnya serta membaiki skim-skim pengeluaran dan mengukuhkan penguatkuasaan.¹⁶² Semua organisasi pentadbiran dan bidangkuasa KWSP diperuntukkan dengan jelas di bawah Akta KWSP 1991 tersebut.

Berdasarkan kepada peruntukan akta tersebut, KWSP sebagai badan berkanun dan pemegang amanah simpanan pekerja akan ditadbir oleh satu Lembaga yang dinamakan

¹⁵⁹ *Ibid.*

¹⁶⁰ *Ibid.*

¹⁶¹ KWSP: Dahulu Kini Esok (2001), *op.cit.*, h. 20.

¹⁶² *Ibid.*

“Lembaga KWSP” yang menjadi pemegang amanah kepada KWSP. Ahli lembaga hendaklah terdiri daripada pengerusi yang merupakan wakil dari Kementerian Kewangan. Manakala Timbalan Pengerusi ialah orang yang memegang jawatan beremolumen di bawah Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri. Seterusnya Pengurus Besar mestilah menjadi seorang ahli *ex-officio*, dan ahli lain yang tidak melebihi lapan belas orang. Di mana ahli masing-masing ialah lima orang merupakan orang yang memegang jawatan beremolumen di bawah Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri, lima orang lagi merupakan majikan yang mencarum kepada KWSP dan bukan orang yang memegang jawatan beremolumen di bawah Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu negeri atau bekerja dengan pihak berkuasa berkanun atau tempatan. Manakala lima yang lain pula merupakan pekerja yang mencarum kepada KWSP, dan selebihnya tiga orang ialah orang yang mempunyai pengalaman dalam bidang kewangan, perniagaan atau pengalaman lain yang relevan.¹⁶³

Pihak Lembaga boleh mewakilkan atau mengupah pihak-pihak berkenaan untuk menjalankan apa-apa urusan atau melakukan apa-apa tindakan bagi menjalankan kuasanya atau melaksanakan tugasnya. Seperti mengupah peguambela dan peguam cara, jurubank dan broker saham.¹⁶⁴ Lembaga juga berkuasa menubuhkan apa-apa jawatankuasa bagi menguruskan hal ehwal pengurusan dan pentadbiran KWSP dan berkuasa mengikut syarat-syarat yang ditetapkan memberi pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pengkhidmatnya.¹⁶⁵

¹⁶³ Akta KWSP, *op.cit.*, Seksyen 4.

¹⁶⁴ *Ibid.*, Seksyen 14 (3).

¹⁶⁵ *Ibid.*, Seksyen 16 dan 17.

Di samping itu, KWSP sebagai satu badan yang banyak terlibat dalam pelaburan akan dibimbing oleh satu Panel Pelaburan yang bertanggungjawab mengenai hal-hal pelaburan KWSP. Di mana ahli Panel tersebut terdiri daripada Pengerusi, Gabenor Bank Negara atau wakilnya, seorang wakil dari Kementerian Kewangan, Pengurus Besar yang menjadi ahli *ex-officio*, dan tiga wakil profesional yang terdiri daripada orang yang mempunyai pengalaman dalam kewangan, perniagaan atau pengalaman lain yang relevan.¹⁶⁶

Seterusnya mengenai bidang kuasa KWSP seperti yang diperuntukan dibawah Akta KWSP 1991. Bagi menjadikan perbincangan mengenai bidang kuasa ini lebih menyeluruh, maka perbincangan akan dibuat dengan menyentuh mengenai aspek fungsi atau peranan KWSP, tanggungjawab KWSP, dan kuasa KWSP. Ini memandangkan, perbincangan mengenai bidang kuasa ini merangkumi semua aspek-aspek tersebut.

Peranan atau fungsi KWSP dapat dilihat dalam peruntukan bahagian 3 dan bahagian 5 Akta KWSP 1991. Berdasarkan peruntukan tersebut, peranan KWSP ialah menerima segala caruman yang dikehendaki dibuat dibawah Akta KWSP.¹⁶⁷ Caruman yang dimaksudkan ialah caruman yang dibayar oleh majikan bagi pihaknya sendiri dan bagi pihak ahli dengan kadar yang telah ditentukan. Ini termasuklah bayaran dividen daripada amaun yang terdapat dalam akaun ahli.¹⁶⁸

Selain itu, KWSP juga akan menerima wang yang diperolehi daripada apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai oleh KWSP, dan bayaran yang diperolehi hasil

¹⁶⁶ *Ibid.*, Seksyen 18 (1) (a) (b) (c) (d) (e).

¹⁶⁷ *Ibid.*, Seksyen 24.

¹⁶⁸ *Ibid.*, Seksyen 50.

daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi atau terletak hak pada Lembaganya. KWSP juga berhak kepada wang atau harta lain yang kena dibayar atau terletakhak kepada Lembaganya di mana harta tersebut berkaitan dengan kuasa dan tugasnya.¹⁶⁹

Manakala mengenai tanggungjawab KWSP pula ialah sepertimana dapat ditafsirkan daripada beberapa peruntukan bahagian 3 dan bahagian 6 Akta KWSP 1991. KWSP bertanggungjawab menyelenggara dan menguruskan wang caruman yang diterimanya mengikut prosedur pengurusan yang ditetapkan seperti KWSP membahagikan wang caruman kepada beberapa akaun.¹⁷⁰ KWSP juga bertanggungjawab membuat pengisytiharan dividen pada atau selepas berakhirnya tahun kewangan iaitu pada 31 Disember setiap tahun. Kadar dividen yang diisytiharkan itu mestilah suatu kadar yang tidak kurang daripada dua setengah peratus setiap tahun.¹⁷¹ Juga menjadi tanggungjawab KWSP untuk membuat bayaran pengeluaran wang caruman ahli dengan beberapa syarat yang ditentukan oleh KWSP. Oleh itu, KWSP telah menyediakan beberapa skim pengeluaran dengan syarat-syarat yang ditetapkan.¹⁷² Tidak ketinggalan, KWSP juga bertanggungjawab membayar dividen kepada simpanan atau caruman akaun ahli KWSP mengikut kadar yang ditetapkan.¹⁷³

Seterusnya mengenai kuasa KWSP seperti yang diperuntukan di bawah Akta KWSP 1991. KWSP melalui Lembaganya mempunyai kuasa untuk melabur wang kepunyaan Kumpulan Wang itu dengan beberapa cara yang ditetapkan. Antaranya ialah

¹⁶⁹ *Ibid.*, Seksyen 24.

¹⁷⁰ *Ibid.*, Seksyen 50(2A).

¹⁷¹ *Ibid.*, Seksyen 27.

¹⁷² *Ibid.*, Seksyen 54.

¹⁷³ *Ibid.*, Seksyen 50 (A) dan 54 (A).


mendepositkan wang di Bank Negara, bank-bank dan institusi kewangan yang berlesen, melaburkan dalam saham-saham dan bon-bon dan boleh juga melabur dalam pelaburan di luar negara.

Selain itu, Lembaga juga boleh menyertai apa-apa program penswastaan, memberi pinjaman kepada syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, memberi pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau kepada ahli KWSP dengan syarat-syarat tertentu. Kuasa pelaburan KWSP diluaskan lagi dengan dibolehkan melabur dalam syarikat-syarikat yang diluluskan dan dalam Sekuriti Kerajaan. Selain itu, Lembaga KWSP juga berkuasa menubuhkan apa-apa perbadanan atau syarikat bagi tujuan melaksanakan pelaburan KWSP.

Berdasarkan kepada perbincangan tersebut, kesimpulan yang boleh dibuat mengenai bidang kuasa KWSP ialah KWSP yang ditadbir oleh satu Lembaga mempunyai bidang kuasa menerima bayaran caruman daripada ahli-ahlinya dan KWSP mempunyai kuasa untuk mentadbir wang caruman tersebut mengikut prosedur pentadbiran yang ditetapkan. Oleh itu, bagi memperoleh keuntungan dan membayar dividen kepada ahlinya, KWSP diberi kuasa untuk melaburkan wang caruman tersebut melalui beberapa instrumen pelaburan yang telah diperuntukkan oleh Aktanya. Dengan bidang kuasa yang diperuntukkan kepadanya, KWSP dapat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya untuk menyediakan faedah persaraan kepada kaum pekerja.

3.4 Organisasi KWSP

KWSP seperti institusi lain juga mempunyai organisasinya yang tersendiri dalam menjalankan pentadbirannya. Organisasi KWSP sepertimana ditunjukkan dalam carta di bawah.¹⁷⁴



¹⁷⁴ Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, *op.cit.*, 18 Mac 2007.

3.5 Misi dan Visi KWSP

KWSP yang mempunyai visi untuk menjadi sebuah organisasi keselamatan sosial yang terkemuka di dunia dan agensi kerajaan yang terbaik di Malaysia¹⁷⁵ mempunyai misi 4 penjuru iaitu:¹⁷⁶

- i) Misi KWSP bagi ahlinya ialah menyediakan faedah persaraan bagi semua ahli melalui pengurusan simpanan mereka secara cekap dan boleh dipercayai.
- ii) Misi KWSP bagi majikan ialah komited untuk menyediakan sistem yang efisien dan mudah bagi memastikan para majikan memenuhi tanggungjawab undang-undang serta kewajipan moral mereka untuk mencarum kepada KWSP bagi pihak pekerja mereka.
- iii) Misi KWSP bagi negara Malaysia ialah komited terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara melalui pelaburan yang cermat.
- iv) Misi KWSP bagi anggotanya ialah menyediakan persekitaran kerja yang selesa dan boleh mewujudkan motivasi, menggalakkan penyertaan serta mendorong mereka mencapai kecemerlangan.

3.6 Piagam Pelanggan KWSP

KWSP sebagai syarikat yang berorientasikan perkhidmatan mempunyai Piagam Pelanggan kepada pelanggan atau ahlinya. Piagam pelanggannya yang mengambilkira jenis perkhidmatan dan masa serta kualiti perkhidmatan adalah seperti berikut:¹⁷⁷

- i) Perkhidmatan Surat-Menyurat :

¹⁷⁵ *Ibid.*, 10 November 2009.

¹⁷⁶ *Ibid.*

¹⁷⁷ *Ibid.*

KWSP akan mengakui penerimaan surat dalam tempoh 2 hari bekerja dan akan menjawab surat tersebut dalam tempoh tidak melebihi 2 minggu.

ii) Perkhidmatan Melalui Telefon:

KWSP akan menjawab panggilan telefon dalam tempoh 5 kali deringan.

iii) Perkhidmatan Memproses Permohonan Pengeluaran Ahli:

KWSP akan memproses permohonan pengeluaran persaraan bagi skim pengeluaran 50 atau 55 tahun yang lengkap dalam tempoh tidak melebihi 8 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima dan bagi permohonan pengeluaran lain yang lengkap dalam tempoh tidak melebihi 21 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima.

iv) Perkhidmatan Pendaftaran Ahli dan Majikan:

KWSP akan mendaftarkan ahli dan majikan dalam tempoh 1 hari bekerja selepas menerima borang permohonan.

v) Perkhidmatan Menghantar Penyata Kira-Kira Ahli:

KWSP akan menghantar Penyata Kira-Kira Tahunan Ahli kepada ahli yang masih mencarum dalam tempoh 30 hari dari tarikh dividen diisytiharkan dan Penyata Akaun Setengah Tahun antara bulan Ogos hingga September dan akan menghantar Penyata Kira-Kira Tahunan Ahli kepada ahli yang tidak lagi mencarum sekali dalam tempoh 3 tahun dengan syarat KWSP dimaklumi mengenai alamat terkini ahli tersebut.

vi) Masa Menunggu Bagi Mendapatkan Perkhidmatan di Kaunter:

KWSP akan membekalkan Penyata Kira-Kira dalam masa 3 minit, melayani ahli dalam masa 10 minit , dan akan melayani majikan dalam masa 5 minit.

vii) Bayaran Caruman:

KWSP akan mengkreditkan bayaran caruman ke dalam akaun ahli dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh terima bayaran.

viii) Meresitkan Bayaran Caruman:

KWSP akan meresitkan semua bayaran yang diterima melalui pos dalam tempoh 2 hari dari tarikh terima.

3.7 Penamaan di KWSP

KWSP yang berperanan sebagai pemegang amanah kumpulan wang amat menggalakkan ahlinya meletakkan penama bagi caruman dan simpanan mereka. Ini kerana secara umumnya pihak KWSP berpandangan bahawa pengurusan pengeluaran caruman dan simpanan yang ada penamaan lebih mudah dan cepat. Peruntukan dan prosedur berkenaan penamaan diperuntukan di bawah Peraturan-Peraturan KWSP¹⁷⁸ dan Kaedah-Kaedah KWSP¹⁷⁹. Peraturan 6 (1) memberikan kuasa kepada ahli KWSP yang berumur 18 tahun ke atas untuk menamakan sesiapa yang akan menerima wang caruman dan

¹⁷⁸ Peraturan-Peraturan KWSP 2001, *op.cit.*

¹⁷⁹ Kaedah-Kaedah KWSP 1999, *op.cit.*

simpanannya selepas kematiannya.¹⁸⁰ Kaedah 34 (1) memperuntukkan prosedur membuat penamaan iaitu:¹⁸¹

Setiap penamaan mestilah dibuat secara bertulis dalam borang KWSP 4 dan hendaklah ditandatangani oleh ahli dihadapan seorang saksi dan tandatangan ahli itu hendaklah diakusaksi oleh saksi itu.

Manakala jika ahli ingin membuat penamaan yang kedua dan seterusnya, ahli mestilah menggunakan borang KWSP 4 yang baru.¹⁸²

Ahli KWSP yang ingin membuat penamaan boleh melantik sama ada seorang atau lebih dari seorang penama. Di samping itu, ahli juga boleh untuk menentukan bahagian atau jumlah amaun bagi salah seorang atau beberapa orang penama tersebut.¹⁸³ Sebaliknya, jika ahli tersebut tidak menentukan bahagian amaun tersebut, maka KWSP akan membuat bayaran secara sama rata dalam kes ahli menamakan lebih dari seorang penama.¹⁸⁴

Selain kuasa membuat penamaan, ahli juga mempunyai hak atau kuasa untuk membatalkan penamaan atau menukar penamaan yang telah dibuat. Penamaan boleh terbatal atau dibatalkan dengan tiga cara iaitu apabila penama meninggal dunia sebelum ahli,¹⁸⁵ melalui ahli membatalkan penamaan yang telah dibuat dengan mengisi borang KWSP 4A,¹⁸⁶ serta penamaan juga akan terbatal jika ahli membuat penamaan yang terbaru

¹⁸⁰ Peraturan-Peraturan KWSP 2001, *op.cit.*

¹⁸¹ Kaedah 34 (1), Kaedah-Kaedah KWSP 1999, *op.cit.*

¹⁸² *Ibid.*, Kaedah 34 (2).

¹⁸³ *Ibid.*, Peraturan 6 (2).

¹⁸⁴ *Ibid.*

¹⁸⁵ *Ibid.*, peraturan 7 (1) (a).

¹⁸⁶ *Ibid.*, peraturan 7 (1) (b).

dengan mengisi borang KWSP 4.¹⁸⁷ Ini jelas menunjukkan bahawa penamaan hanya akan batal dengan 3 cara tersebut sahaja. Oleh itu, penamaan tidak terbatal dengan apa-apa wasiat atau apa-apa perbuatan, peristiwa atau cara lain.¹⁸⁸

Manakala dalam keadaan jika terdapat lebih dari seorang penama dan ahli telah menetapkan jumlah amaun setiap seorang daripada mereka. Kemudian salah seorang daripada mereka meninggal dunia terlebih dahulu daripada ahli, tetapi ahli tidak membuat apa-apa penamaan yang kemudian untuk menggantikan penama yang telah meninggal dunia itu. Maka amaun yang telah ditetapkan kepada penama yang meninggal dunia tersebut, akan kembali menjadi harta pusaka ahli.¹⁸⁹ Oleh itu, di KWSP terdapat prosedur dan peraturan mengenai pentadbiran caruman dan simpanan yang ada penama dan juga yang tiada penama. Peraturan tersebut secara khasnya diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan KWSP 2001.¹⁹⁰ Seterusnya prosedur dan pentadbiran caruman dan simpanan yang tiada penamaan akan diulas dalam bab yang berikutnya.

¹⁸⁷ *Ibid.*, peraturan 7 (1) (c).

¹⁸⁸ *Ibid.*, peraturan 7 (2).

¹⁸⁹ *Ibid.*, peraturan 7 (3).

¹⁹⁰ Peraturan-Peraturan KWSP 2001, *op.cit.*



BAB KEEMPAT

BAB KEEMPAT

PEMAKAIAN PERATURAN-PERATURAN KWSP 2001 DALAM TUNTUTAN DAN AGIHAN HARTA TANPA PENAMAAN DI KWSP KUALA LUMPUR

4.1 Pendahuluan

Pentadbiran caruman dan simpanan KWSP yang ada penamaan dan tiada penamaan yang dilaksanakan di KWSP adalah tertakluk kepada Akta KWSP 1991.¹⁹¹ Ini termasuklah Kaedah-Kaedah KWSP 1991¹⁹² dan juga Peraturan-Peraturan KWSP 2001.¹⁹³ Oleh itu bab ini akan meneliti aplikasi pentadbiran, prosedur tuntutan dan agihan caruman dan simpanan KWSP tanpa penamaan yang dilaksanakan di KWSP dengan menggunakan Peraturan-Peraturan KWSP 2001. Kepentingan penelitian ini dibuat memandangkan suatu prosedur dan pentadbiran yang dilaksanakan sedikit sebanyak akan memberi kesan sama ada positif atau negatif kepada undang-undang substantif. Perbincangan dari aspek tuntutan caruman dan simpanan tanpa penamaan lebih cenderung melibatkan peruntukan Kaedah-Kaedah KWSP 1991, manakala perbincangan mengenai agihan caruman dan simpanan tersebut barulah lebih cenderung merujuk kepada Peraturan-Peraturan KWSP 2001.

4.2 Prosedur Tuntutan Caruman dan Simpanan Tanpa Penamaan

4.2.1 Orang yang Layak Membuat Tuntutan Pengeluaran

Bagi tujuan membuat tuntutan ini, pihak atau orang-orang yang berhak dan layak menuntut caruman dan simpanan si mati mesti mengambil tindakan mereka sendiri untuk mengemukakan permohonan pengeluaran apabila ahli meninggal dunia. Pihak KWSP

¹⁹¹ Akta KWSP, *op.cit.*

¹⁹² Kaedah-Kaedah KWSP, *op.cit.*

¹⁹³ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*

tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan atau meminta mereka mengemukakan permohonan pengeluaran tersebut. Ini kerana pihak KWSP tidak mengetahui mengenai kematian ahli tersebut. Oleh itu KWSP tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan atau meminta pihak-pihak waris si mati membuat permohonan pengeluaran.¹⁹⁴

Peraturan 8, Peraturan-Peraturan KWSP 2001 memperuntukkan secara umum mengenai pihak-pihak yang layak dan berhak membuat permohonan pengeluaran dan menerima caruman dan simpanan si mati yang tidak membuat penamaan. Peraturan 8 (1) (a) (i) (ii) tersebut menyatakan¹⁹⁵:

- ” (a) Jika amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu tidak melebihi..... Lembaga boleh membayar kesemua atau mana-mana bahagian amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu tanpa memerlukan Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian-
- (i) Kepada orang yang pada pandangan Lembaga berhak dan berkemungkinan besar diberi Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian; atau
 - (ii) Kepada orang yang pada pendapat Lembaga berhak secara benefisial kepada harta pusaka ahli yang mati itu;”

Peraturan 8¹⁹⁶ tersebut juga dalam subseksyen b (i) dan (ii) juga menyebut perkara yang sama iaitu:

- ” (b) Jika amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu lebih daripada dua puluh ribu ringgit, Lembaga boleh membayar.....kepada orang yang disebut dalam subperenggan (a) (i) atau (ii)
- (i) Dua ribu lima ratus ringgit hendaklah di bayar....orang yang disebut dalam subperenggan (a) (i) atau (ii).....;

¹⁹⁴ Encik Mohd Taib Ismail, *op.cit.*, 19 Januari 2006.

¹⁹⁵ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*

¹⁹⁶ *Ibid.*

- (ii) Baki bayaran itu.....kepada orang yang disebut dalam subperenggan (a) (i) atau (ii);

Peruntukan umum di atas diperincikan lagi dalam Risalah Kematian yang disediakan oleh KWSP.¹⁹⁷ Secara umumnya prosedur tuntutan harta tanpa penamaan ini memakai prosedur harta pusaka. Ini memandangkan harta tanpa penamaan ini dikira sebagai harta pusaka. Dengan itu, pihak yang mempunyai keutamaan yang berhak membuat tuntutan apabila ahli KWSP mati tidak membuat penamaan ialah mereka yang berhak kepada harta pusaka si mati terutamanya waris terdekat atau Pentadbir Pusaka¹⁹⁸ bagi harta pusaka si mati. Tuntutan yang dibuat mesti disertakan dengan mana-mana satu daripada SKM, Surat Probet, atau Perintah Pembahagian mengikut keperluan¹⁹⁹. Seterusnya pihak yang layak membuat tuntutan caruman dan simpanan tanpa penamaan dikategorikan berdasarkan sama ada ahli yang meninggal dunia itu sudah berkahwin atau belum berkahwin.

4.2.1.1 Si Mati Telah Berkahwin

Bagi ahli yang sudah berkahwin pihak-pihak yang layak membuat tuntutan pengeluaran caruman dan simpanan tanpa penamaan adalah mengikut keutamaan. Susunan keutamaan pihak-pihak tersebut adalah mengikut keutamaan mereka sebagai benefisiari kepada harta pusaka si mati.²⁰⁰ Senarai keutamaan tersebut adalah seperti berikut:

1) Balu atau duda ahli

¹⁹⁷ Risalah KWSP “Pengeluaran Kematian”, *op.cit.*

¹⁹⁸ Pentadbir Pusaka ialah seseorang yang kepadanya Surat Kuasa Mentadbir atau Surat Probet atau Perintah Pembahagian diberi sama ada seorang atau lebih dari seorang.

¹⁹⁹ Surat Kuasa Mentadbir Pusaka yang dikeluarkan oleh Mahkamah Sivil atau Pejabat Tanah. Surat Probet dan Surat Kuasa Mentadbir dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Sivil jika si mati meninggalkan harta bernilai RM600,000.00 ke atas. Surat Probet jika si mati tinggalkan wasiat ke atas keseluruhan hartanya (bagi bukan Islam) dan Surat Kuasa Mentadbir dengan Wasiat Berkembar jika si mati meninggalkan wasiat bagi sebahagian hartanya. Manakala Perintah Pembahagian bagi kes si mati yang meninggalkan harta RM600,000.00 ke bawah (Harta Pusaka Kecil) dan dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Galian.

²⁰⁰ Encik Mohd Taib Ismail, *op.cit.*, 19 Januari 2006; Risalah KWSP “Pengeluaran Kematian”, *op.cit.*

Jika si mati meninggal dunia dengan meninggalkan duda atau balu, maka mereka yang merupakan waris *qarābah sabābiyyah* dengan si mati adalah pihak pertama yang layak membuat permohonan pengeluaran atau yang layak menerima caruman dan simpanan si mati selepas Pentadbir Pusaka. Ini juga sepertimana yang diamalkan dalam penentuan Pentadbir Pusaka bagi harta pusaka iaitu pihak pertama yang layak memohon SKM adalah balu atau duda si mati.²⁰¹

Dalam konteks amalannya di KWSP, ia dapat dilihat dalam fail kes yang bernombor P- 04137012 – (A) 06, P- 14386003 (A) 06, P-01379594-(A) 04, di mana dalam kes-kes tersebut si mati meninggal dunia dengan meninggalkan balu. Oleh itu tuntutan pengeluaran dibuat oleh balu dan diluluskan oleh KWSP setelah semua prosedur pengeluaran dilengkapkan oleh pemohon. Pengeluaran caruman dan simpanan dibuat di bawah kod 2 iaitu selepas dari dua bulan dari tarikh kematian si mati tanpa mengemukakan SKM kerana amaun caruman dan simpanan kurang daripada RM20,000.00. Manakala jika si mati meninggalkan suami atau duda, maka KWSP akan membuat bayaran caruman dan simpanan kepada duda tersebut. Ini misalnya dapat dilihat dalam fail P-15561136/A/06, P-11652566-(A)-06 iaitu KWSP meluluskan permohonan pengeluaran caruman dan simpanan kepada duda si mati selepas segala prosedur pengeluaran dilengkapkan oleh pemohon.

Keutamaan balu atau duda sebagai pihak yang layak membuat tuntutan pengeluaran caruman dan simpanan dibuktikan apabila KWSP menolak permohonan yang dibuat oleh selain daripada dua pihak tersebut dalam keadaan mereka masih ada. Ini

²⁰¹ Mohd Zamro Muda *et al.* (2006), h. 197.

misalnya dalam kes fail yang bernombor P-12823093(A) 06 di mana KWSP tidak meluluskan permohonan pengeluaran yang dibuat oleh ibu si mati kerana berdasarkan maklumat yang diisi oleh pemohon dalam borang pengeluaran kematian, KWSP mendapati si mati masih ada meninggalkan balu. Oleh itu KWSP menghantar surat kepada pemohon dan meminta beliau memaklumkan kepada balu agar mengemukakan permohonan pengeluaran. Apabila balu membuat permohonan pengeluaran, maka KWSP meluluskannya kepada balu dengan disertakan "surat makluman" yang menyatakan bahawa beliau hanya sebagai pentadbir dan harus membahagikan wang yang diterimanya kepada waris lain yang berhak. Akaun caruman dan simpanan si mati dalam kes ini kurang daripada RM20,000.00.

Namun begitu, terdapat beberapa pengecualian di mana dalam keadaan-keadaan tertentu pihak KWSP akan membuat bayaran kepada anak atau kepada sesiapa yang berhak sekalipun balu atau duda masih hidup. Misalnya berlaku kes apabila duda atau balu ahli tidak dapat dikesan. Contohnya kes fail yang bernombor P- 12124160 (A) 06 di mana KWSP membuat bayaran kepada anak si mati sedangkan ayahnya atau duda masih hidup. Ini kerana pemohon mengemukakan surat yang menyatakan bahawa ayahnya tidak dapat dikesan. Kes seperti ini juga dapat dilihat dalam kes di fail yang bernombor P- 11981858/A/06 iaitu membabitkan duda tidak dapat dikesan dan KWSP membuat bayaran caruman dan simpanan si mati kepada anaknya. Manakala dalam fail P- 02962680 (A) 06 pula duda telah menghilangkan diri sejak ahli meninggal dunia, maka pengeluaran caruman dan simpanan dibuat oleh anak sulung kerana beliau yang menanggung pelajaran dan perbelanjaan adik-adiknya.

Antara keadaan lain ialah apabila duda atau balu tidak mahu membuat tuntutan pengeluaran. Misalnya dalam kes fail P- 12475262 (A) 06 di mana duda si mati enggan mengemukakan permohonan pengeluaran. Oleh itu KWSP membuat bayaran kepada ibu si mati apabila menerima permohonan pengeluaran daripada beliau. Di samping itu, KWSP juga akan meluluskan permohonan pengeluaran yang dibuat oleh selain daripada balu atau duda ahli jika berlaku kes di mana dokumen yang perlu dikemukakan oleh duda atau balu tidak lengkap atau tidak menepati prosedur yang ditetapkan oleh KWSP dan balu atau duda tersebut memberi kebenaran kepada pihak lain untuk membuat permohonan pengeluaran.

Ini misalnya dalam kes fail P-6034091 (A) 06 apabila balu si mati menghantar surat kepada KWSP yang membenarkan anaknya membuat pengeluaran caruman dan simpanan kerana beliau tidak dapat mengemukakan Sijil Perkahwinan atas sebab-sebab tertentu. Manakala dalam kes P-10026169 (A) 06 pula KWSP meluluskan permohonan pengeluaran yang dibuat oleh anak si mati sekalipun balu si mati masih hidup kerana balu tidak dapat mengemukakan Sijil Perkahwinan atas alasan perkahwinannya dengan si mati dilakukan di Thailand dan oleh kerana perkahwinannya telah lama maka tiada Sijil Perkahwinan. Memandangkan permohonan anak tersebut lengkap, maka pihak KWSP meluluskan permohonan tersebut.

2) Anak-anak atau penjaga mereka

Permohonan yang dibuat oleh anak atau anak-anak si mati yang diluluskan oleh KWSP adalah jika KWSP tidak menerima permohonan daripada balu atau duda si mati atau dalam erti kata lain apabila balu atau duda hilang kelayakan untuk membuat permohonan misalnya si mati janda atau duda atau si mati telah bercerai. Oleh itu

kelayakan membuat permohonan berpindah kepada anak atau anak-anak si mati atau penjaga mereka. Ini sepertimana diaplikasikan dalam kes fail yang bernombor P- 05473945 (A) 06. Si mati dalam kes ini meninggalkan dua orang anak dan permohonan pengeluaran dibuat oleh anak pertama kerana si mati telah bercerai dengan isterinya semasa hidup. Oleh itu KWSP membuat bayaran secara sama rata kepada kedua-dua anak si mati.

Manakala dalam kes fail P-02026382(A) 06 pula permohonan juga dibuat oleh anak si mati kerana duda si mati telah meninggal dunia dan amaun caruman dan simpanan kurang daripada RM20,000.00. Permohonan dibuat dengan dikemukakan sijil kematian duda. Ini juga berlaku dalam kes fail P-00884987(A) 04. Si mati telah bercerai dengan isterinya, maka bayaran caruman dan simpanan dibuat kepada salah seorang anak dengan persetujuan anak yang lain. Di samping itu, terdapat juga keadaan seperti yang telah dijelaskan sebelum ini di mana KWSP meluluskan permohonan pengeluaran yang dibuat oleh anak dalam keadaan balu atau duda tidak mahu mengemukakan permohonan, dokumen yang diperlukan tidak lengkap, balu atau duda tidak dapat dikesan dan lain-lain situasi.

Selain anak-anak yang berhak membuat permohonan pengeluaran, penjaga mereka juga mempunyai kelayakan untuk membuat permohonan pengeluaran caruman dan simpanan. Ini dalam kes jika anak masih di bawah umur dan berada dalam jagaan penjaganya. Prosedur permohonan yang perlu dilalui oleh penjaga adalah prosedur yang sama yang digunakan oleh pemohon yang lain. Walau bagaimanapun, penjaga yang ingin membuat permohonan pengeluaran perlu membuat rayuan kepada KWSP untuk tujuan tersebut.

Namun begitu, jika terdapat lebih dari seorang penjaga anak-anak si mati dan kesemua mereka membuat rayuan untuk mengeluarkan caruman dan simpanan si mati, maka dalam keadaan begini KWSP tidak akan meluluskan semua permohonan tersebut sebaliknya KWSP akan meminta mereka berurusan dengan Amanah Raya Berhad (ARB) di mana ARB akan bertindak sebagai pentadbir. Tetapi jika penjaga-penjaga tersebut masih berkeras untuk menjadi pentadbir kepada wang tersebut, pihak KWSP akan meminta mereka mengemukakan SKM sekalipun amaun caruman dan simpanan kurang daripada RM20,000.00. Ini bertujuan untuk mengelakkan berlaku penyelewengan wang caruman dan simpanan tersebut. Walau bagaimanapun, jika penjaga anak-anak si mati mengemukakan Perintah Jagaan Anak atau hadhanah kepada KWSP, maka KWSP akan menerimapakai perintah tersebut dalam membuat bayaran caruman dan simpanan tanpa perlu membuat siasatan lagi bagi permohonan tersebut.

Contoh kes penjaga anak-anak si mati layak menerima bayaran caruman dan simpanan dapat dilihat dalam kes fail yang bernombor P- 14675006/A/06 di mana permohonan pengeluaran caruman dan simpanan dibuat oleh bekas balu. Beliau mengemukakan surat rayuan kepada KWSP yang menyatakan bahawa dia adalah penjaga anak-anak si mati dan memohon untuk membuat pengeluaran caruman dan simpanan si mati. Pemohon juga mengemukakan Sijil Perceraian dan Sijil Kelahiran anak-anak tersebut sebagai bukti. Dengan itu, setelah dilengkapkan semua prosedur pengeluaran, KWSP membuat bayaran kepada bekas balu tersebut sebagai penjaga kepada anak-anak si mati. KWSP juga menyertakan surat peringatan kepada pemohon yang menyatakan bahawa beliau hanya penjaga dan bertanggungjawab membahagikan wang caruman dan simpanan

yang diterimanya kepada ahli waris yang lain.²⁰² Ini kerana pihak KWSP akan membuat bayaran kesemua amaun yang berada dalam akaun si mati kepada penjaga tersebut dan beliau bertindak sebagai pentadbir kepada wang caruman dan simpanan yang diterimanya.

Dalam keadaan tertentu, KWSP akan menjalankan siasatan mengenai keesahan maklumat yang dinyatakan oleh penjaga. Misalnya diaplikasikan dalam kes fail yang bernombor P-12971944 (A) 05/06. Dalam kes ini, pemohon iaitu ibu si mati mengemukakan permohonan untuk mengeluarkan caruman dan simpanan si mati di atas kapasitinya sebagai penjaga kepada anak-anak si mati. Oleh itu, untuk memastikan fakta tersebut, pihak KWSP menjalankan siasatan dengan mengunjungi kediaman pemohon untuk mendapatkan maklumat. Antara perkara yang diambil kira oleh pihak KWSP ialah hubungan pemohon dengan kanak-kanak, pendapatan bulanan pemohon dan anggaran perbelanjaan kanak-kanak tersebut untuk satu bulan. Siasatan ini dijalankan sendiri oleh cawangan KWSP di tempat tinggal pemohon. Kemudian laporan siasatan tersebut akan dihantar ke pejabat KWSP di Petaling Jaya untuk dibuat penilaian sebelum permohonan pemohon diluluskan.

3) Bapa dan/atau ibu ahli

Seterusnya jika si mati tidak meninggalkan balu atau duda, atau anak-anak, atau pihak-pihak tersebut tidak membuat permohonan pengeluaran dalam tempoh yang lama selepas ahli atau si mati meninggal dunia, maka orang yang layak untuk membuat permohonan pengeluaran adalah bapa atau ibu ahli. Ini bertepatan dengan susunan pihak waris kerana mengikut sistem perwarisan harta pusaka dalam Islam, ibu dan bapa

²⁰² Prosedur yang sama juga diaplikasikan dalam beberapa fail yang lain misalnya fail yang bernombor P – 11231572 (A) 06, P – 05568509 (A) 06.

merupakan waris terdekat si mati selepas balu atau duda dan anak-anak. Ibu dan bapa merupakan waris *aṣḥāb al-furūd*.²⁰³

5) Adik-beradik ahli

Apabila semua pihak yang dinyatakan di atas tidak ada atau hilang kelayakan untuk mengemukakan permohonan pengeluaran kematian, maka kelayakan membuat permohonan pengeluaran berpindah kepada adik beradik si mati iaitu kakak atau abang atau adik si mati. Jika si mati meninggalkan ramai adik-beradik, KWSP akan membuat bayaran kepada sesiapa yang mengemukakan permohonan pengeluaran terlebih dahulu dari kalangan mereka. Permohonan tersebut mestilah lengkap iaitu pemohon mengemukakan semua dokumen yang diperlukan pemohon boleh atau mampu menjadi pentadbir kepada wang yang diterimanya. Misalnya pemohon adalah seorang yang waras dan sihat. Apabila semua syarat tersebut dipenuhi maka KWSP akan meluluskan permohonan pengeluaran yang dibuat olehnya. Dalam meluluskan permohonan tersebut KWSP tidak mengambil kira kedudukan di antara adik-beradik tersebut, jantina, atau status kewangan mereka. Sebaliknya ia mengambil kira semua adik-beradik tersebut berhak menerima wang caruman dan simpanan tersebut. Oleh itu, KWSP mengambil pendekatan mengutamakan pihak yang mengemukakan permohonan pengeluaran terlebih dahulu.

6) Sesiapa yang pada pandangan KWSP sebagai orang yang berhak menerima SKM dalam harta pusaka si mati atau benefisiari pusaka si mati.

²⁰³ Waris *aṣḥāb al-furūd* ialah waris-waris yang mendapat bahagian yang tetap dalam harta pusaka di mana bahagian-bahagian tersebut telah ditetapkan oleh al-Qurān, al-Sunnah dan Ijmā'. Waris *aṣḥāb al-furūd* terdiri daripada 12 golongan. Ibu dan bapa termasuk dalam kategori waris jenis ini. Lihat Mohd Zamro Muda *et al.* (2006), *op.cit.*, h. 38.

Seterusnya kelayakan membuat permohonan pengeluaran caruman dan simpanan tanpa penamaan selepas semua pihak-pihak yang telah dinyatakan sebelum ini ialah mana-mana pihak yang dijangka akan mendapat SKM bagi menguruskan harta pusaka si mati atau benefisiari yang berhak menerima harta pusaka si mati. Ini berdasarkan peruntukan Peraturan 8 (a) (i) (ii)²⁰⁴ yang memperuntukkan:

- ” (a) Jika amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu tidak melebihi..... Lembaga boleh membayar kesemua atau mana-mana bahagian amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu tanpa memerlukan Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian-
- (i) Kepada orang yang pada pandangan Lembaga berhak dan berkemungkinan besar diberi Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian; atau
 - (ii) Kepada orang yang pada pendapat Lembaga berhak secara benefisial kepada harta pusaka ahli yang mati itu;”

Dalam konteks ini KWSP tidak mengutamakan status penerima caruman dan simpanan sebagai pentadbir pusaka semata-mata tetapi KWSP lebih mengutamakan status benefisiari kepada penerima caruman dan simpanan. Ini bermakna KWSP lebih mengutamakan benefisiari untuk menerima caruman dan simpanan si mati berbanding pihak yang bukan benefisiari tetapi hanya sebagai pentadbir semata-mata.

4.2.1.2 Si Mati Belum Berkahwin

Manakala bagi ahli yang belum berkahwin terdapat perbezaan dalam senarai keutamaan orang yang layak menerima caruman dan simpanan KWSP yang tiada penamaan ini. Susunan keutamaan dibuat berdasarkan sistem pusaka Islam. Pihak yang layak membuat tuntutan selepas pentadbir pusaka si mati adalah mengikut keutamaan berikut:

²⁰⁴ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*

1) Bapa dan/atau ibu ahli

Apabila ahli belum berkahwin dan meninggal dunia tanpa membuat penamaan, jika tuntutan pengeluaran tidak dibuat oleh pentadbir pusaka ahli atau pentadbir pusaka belum dilantik, maka ibu atau bapa si mati adalah orang yang paling hampir dan layak membuat pengeluaran caruman dan simpanan. Ini sepertimana dapat dilihat dalam fail yang bernombor P- 12127045 (A) 06 di mana si mati belum berkahwin dan permohonan pengeluaran dikemukakan oleh bapa si mati. Pengeluaran di buat di bawah kod 2 iaitu amaun caruman dan simpanan kurang daripada RM20,000.00. Ini juga dapat dilihat dalam fail yang bernombor P- 02789822 (A) 06. Dalam kes ini KWSP membuat bayaran kepada ibu si mati kerana si mati belum berkahwin dan amaun caruman dan simpanan juga kurang daripada RM20,000.00.

Keutamaan yang diberikan kepada ibu atau bapa untuk menerima dan mentadbir caruman dan simpanan si mati yang belum berkahwin atau bujang dapat dilihat apabila KWSP tidak meluluskan permohonan yang dibuat oleh kakak si mati untuk menjadi pentadbir kepada wang caruman dan simpanan adiknya yang belum berkahwin. Ini kerana ibu dan bapa si mati masih hidup. KWSP seterusnya meminta pemohon untuk memaklumkan kepada ibu atau bapa ahli supaya mengemukakan permohonan pengeluaran.²⁰⁵ Prosedur yang sama juga diaplikasikan dalam fail yang bernombor P- 0524835 (A) 06 di mana si mati meninggalkan caruman dan simpanan yang melebihi RM20,000.00 dan si mati masih bujang. Permohonan pengeluaran dibuat oleh salah

²⁰⁵ Ini dilaksanakan dalam fail yang bernombor P- 12289019 – (A) 06.

seorang adik beradik si mati tetapi ia tidak diluluskan kerana si mati masih mempunyai ibu dan bapa.

Manakala jika ibu dan bapa si mati telah bercerai, KWSP akan membuat bayaran kepada pihak pertama yang mengemukakan permohonan pengeluaran dan KWSP mendapati pihak tersebut layak menjadi pentadbir atau wasi kepada wang caruman tersebut. Namun begitu, jika KWSP menerima permohonan pengeluaran daripada ibu dan bapa si mati secara serentak, pihak KWSP akan membahagikan wang caruman dan simpanan si mati secara sama rata kepada pemohon-pemohon. Tetapi jika pemohon-pemohon tidak bersetuju, pihak KWSP akan meminta pemohon mendapatkan mana-mana satu daripada dokumen pentadbiran pusaka. Ini merupakan penyelesaian yang akan diambil oleh KWSP bagi menyelesaikan konflik seperti ini.

2) Adik-beradik ahli

Jika si mati masih bujang dan meninggal dunia tanpa membuat penamaan, manakala ibu bapanya juga telah meninggal dunia atau terdapat beberapa faktor lain yang menyebabkan KWSP boleh membayar caruman dan simpanan kepada selain daripada ibu atau bapa misalnya ibu atau bapa tidak dapat dikesan, tidak mahu membuat permohonan pengeluaran dan sebagainya. Maka pihak yang layak membuat tuntutan pengeluaran caruman dan simpanannya adalah adik-beradik si mati. Ini misalnya dapat dilihat dalam kes fail-fail yang bernombor P- 1039012 (A) 06, P- 04105662 (A) 06, dan P- 16198363 (A) 06. Fakta kes bagi ketiga-tiga fail tersebut adalah sama iaitu si mati belum berkahwin dan ibu bapanya juga telah meninggal dunia. Dalam situasi ini, pihak yang membuat permohonan

pengeluaran caruman dan simpanannya adalah terdiri daripada salah seorang adik-beradik beliau.

3) Sesiapa yang pada pandangan KWSP sebagai orang yang berhak menerima simpanan tersebut.

Perbincangan sepertimana yang telah dibuat dalam subtopik 4.2.1.1, di bawah nombor 6.

4.2.2 Dokumen yang Perlu Dikemukakan

Setiap permohonan pengeluaran caruman dan simpanan tanpa penamaan mestilah menggunakan borang yang telah ditetapkan iaitu borang KWSP 9KM (AHL). Permohonan tersebut perlulah disertakan dengan dokumen-dokumen yang berkaitan untuk tujuan pembayaran, pembuktian kematian dan pembuktian hubungan pemohon dengan si mati. Bagi tujuan pengeluaran kematian, pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen asal dan salinan Kad Pengenalannya atau Kad Pengenal Awam atau Kad Tentera atau Kad Pengenal Polis dan Surat Pengesahan Majikan yang menyatakan nombor polis dan nombor Kad Pengenal Awam itu adalah merujuk kepada orang yang sama. Selain itu, perlu disertakan juga salinan buku bank atau penyata akaun simpanan pemohon bagi tujuan pembayaran. Dokumen yang perlu dikemukakan oleh pemohon semasa mengemukakan permohonan pengeluaran kematian terbahagi kepada dua kategori. Kategori pertama ialah dokumen untuk membuktikan kematian. Manakala kategori kedua ialah dokumen bagi membuktikan hubungan.

4.2.2.1 Dokumen Pembuktian Kematian

Bagi tujuan pembuktian kematian ahli, pemohon dikehendaki mengemukakan mana-mana daripada dokumen berikut:

- a) Surat Probet atau Surat Kuasa Mentadbir mengikut Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97)
- b) Perintah Pembahagian yang dikeluarkan mengikut Akta Harta Pesaka Kecil (pembahagian) 1955 (Akta 98)
- c) Sekiranya dokumen-dokumen tersebut tidak dapat dikemukakan, pemohon boleh mengemukakan Sijil Kematian atau dalam kes Sijil Kematian tidak ada, cabutan sijil tersebut.²⁰⁶

Manakala jika si mati meninggal dunia diluar negara kecuali di Republik Singapura, bukti kematian yang perlu dikemukakan mestilah sijil kematian yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang relevan atau apa-apa dokumen lain yang boleh membuktikan kematian si mati atau ahli. Sijil atau dokumen tersebut hendaklah disahkan secara bertulis oleh mana-mana kedutaan, Pesuruhjaya Tinggi, Konsulat, Notari awam atau lain –lain wakil negara tempat si mati meninggal dunia. Selain itu, pengesahan tersebut juga boleh dibuat oleh Pejabat Konsulat Malaysia di negara yang si mati meninggal dunia. Walau bagaimanapun, pihak KWSP boleh dengan menggunakan budibicara mutlaknya menerima apa-apa dokumen lain yang difikirkan sesuai sebagai bukti kematian.²⁰⁷

Manakala jika ahli hilang atau tidak dapat dikesan selama 7 tahun, maka KWSP boleh meminta pemohon mengemukakan Perintah Anggaran Kematian yang dikeluarkan oleh Mahkamah di Malaysia, atau Mahkamah di Republik Singapura dan juga boleh menerima Perintah dari Mahkamah Undang-undang negara-negara lain sebagai bukti kematian ahli yang tidak didengari perkhabarannya selama tujuh tahun atau lebih oleh

²⁰⁶ Kaedah-Kaedah KWSP, *op.cit.*, Kaedah 37 (1) (a) (b) (c).

²⁰⁷ *Ibid.*, Kaedah 37 (2).

orang-orang yang sepatutnya di mana dia jika hidup pasti akan diketahui perkhabarannya.²⁰⁸

4.2.2.2 Dokumen Pembuktian Hubungan

Berkenaan dengan dokumen bagi pembuktian hubungan, ia tidak diperuntukkan secara spesifik dalam akta,²⁰⁹ kaedah²¹⁰ atau peraturan²¹¹ KWSP, sebaliknya ini dapat dirujuk kepada Risalah Pengeluaran Kematian yang disediakan oleh KWSP.²¹² Berdasarkan kepada risalah tersebut, pemohon dikehendaki mengemukakan beberapa dokumen untuk membuktikan hubungan pemohon dengan si mati. Dokumen-dokumen tersebut ialah:

1) Sijil Perkahwinan

Sijil Perkahwinan perlu dikemukakan jika permohonan pengeluaran dibuat oleh balu atau duda si mati bagi tujuan membuktikan perkahwinannya dengan si mati. Sijil Perkahwinan tersebut mestilah sijil yang sah yang dikeluarkan oleh Pendaftar Pejabat Agama. Ini misalnya digunapakai dalam kes di fail yang bernombor P- 15561136- (A) 06, P- 15633059 (A) 06, P-15561136 / A / 06 di mana permohonan dibuat oleh duda si mati dengan mengemukakan Sijil Perkahwinan bersama borang dan dokumen-dokumen lain.

2) Sijil Perceraian

Sijil Perceraian perlu dikemukakan oleh pemohon yang mendakwa si mati telah bercerai dan memohon pengeluaran caruman dan simpanan si mati sama ada beliau adalah anak, adik-beradik, ibu atau bapa atau sesiapa sahaja yang memohon pengeluaran tersebut. Ini bagi membolehkan pihak KWSP membuat bayaran kepada pihak yang layak selepas balu atau duda. Sijil Perceraian tersebut juga mestilah Sijil Perceraian yang dikeluarkan

²⁰⁸ *Ibid.*, Kaedah 38 (1).

²⁰⁹ Akta KWSP, *op.cit.*

²¹⁰ Kaedah-Kaedah KWSP, *op.cit.*

²¹¹ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*

²¹² Risalah KWSP "Pengeluaran Kematian", *op.cit.* ; Encik Illias Haji Hassan, *op.cit.*

oleh Pendaftar Pejabat Agama. Ini misalnya dapat dilihat dalam fail yang bernombor P-10544139 (A) 06. Tuntutan pengeluaran caruman dan simpanan dalam kes ini dibuat oleh ibu si mati yang mendakwa bahawa si mati telah bercerai dan beliau mengemukakan sijil perceraian si mati. Begitu juga dalam kes di mana permohonan pengeluaran dibuat oleh bekas balu sebagai penjaga anak-anak si mati, pemohon juga dikehendaki mengemukakan Sijil Perceraian.²¹³

3) Sijil Kelahiran Anak

Dalam keadaan permohonan dibuat oleh balu atau duda si mati tetapi tidak dapat mengemukakan Sijil Perkahwinan untuk membuktikan hubungan, pemohon juga boleh mengemukakan Sijil Kelahiran Anak yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara sebagai bukti hubungan. Sijil tersebut juga perlu dikemukakan dalam keadaan-keadaan tertentu yang lain. Ini akan dibincangkan di dalam perbincangan yang seterusnya.

4) Sijil Kelahiran si mati atau Sijil Kelahiran pemohon

Dokumen ini mestilah dikemukakan jika pemohon adalah ibu atau bapa si mati, anak si mati, atau pemohon adalah dikalangan adik-beradik si mati. Ini misalnya diaplikasikan dalam kes di fail yang bernombor P- 02540936 (A) 06. Pemohon merupakan adik si mati dan beliau mengemukakan Sijil Kelahirannya dan Sijil Kelahiran si mati bagi membuktikan hubungannya dengan si mati di samping dokumen-dokumen lain yang berkenaan.²¹⁴

4.3 Prosedur Agihan Harta tanpa Penamaan

4.3.1 Agihan Caruman dan Simpanan Kepada Pentadbir Pusaka Si Mati

²¹³ Misalnya kes bagi fail yang bernombor P- 05105238/A/06 dan P- 11231572 (A) 06.

²¹⁴ Misal bagi kes permohonan pengeluaran yang dikemukakan oleh ibu atau bapa si mati ialah fail yang bernombor P- 12127045 (A) 06. Manakala pemohon dari kalangan anak-anak pula misalnya dapat diteliti dalam fail yang bernombor P-03083240 (A) 06 dan P- 02834293 – (A) 06.

Peraturan mengenai pembayaran atau agihan caruman dan simpanan yang tidak dinamakan dalam kes kematian ahli diperuntukkan di bawah peraturan 8.²¹⁵ Berdasarkan kepada peraturan 8 tersebut, bersesuaian dengan status caruman dan simpanan KWSP yang tiada penamaan iaitu sebagai harta pusaka, maka secara umumnya pihak KWSP akan membayar semua simpanan tanpa penamaan kepada sesiapa yang mengemukakan mana-mana satu daripada SKM, atau Surat Probet atau Perintah Pembahagian. Dalam erti kata lain pembayaran caruman dan simpanan akan dibuat kepada pentadbir pusaka ahli sama ada pentadbir pusaka tersebut individu atau perbadanan. Ini sepertimana diperuntukkan dalam peraturan 8 (1)²¹⁶ yang menyebut:

” Jika seseorang ahli mati tanpa membuat penamaan, Lembaga hendaklah membayar apa-apa amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu kepada pemohon yang mengemukakan Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian mengikut mana-mana yang berkenaan.....”

Dalam konteks individu, iaitu tuntutan pengeluaran dibuat oleh pentadbir harta pusaka si mati atau Pegawai Pentadbir Pusaka²¹⁷ yang dilantik dan diberi SKM oleh Mahkamah Tinggi Sivil untuk mentadbir harta pusaka si mati. Ini misalnya dapat dilihat dalam fail yang bernombor P- 12902423 – A – 06 di mana permohonan pengeluaran caruman dan simpanan si mati dibuat oleh pentadbir pusaka ahli dengan dikemukakan SKM yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi. Ini juga dilaksanakan dalam kes fail yang bernombor P – 13204574 – (A) 06 dan fail P- 11043783 – (A) 06 di mana amaun caruman dan simpanan si mati kurang daripada RM20,000.00 dan pengeluaran dibuat oleh pentadbir pusaka si mati yang mengemukakan Perintah Pembahagian. Manakala dalam kes di fail

²¹⁵ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*

²¹⁶ *Ibid.*

²¹⁷ Untuk keterangan lanjut mengenai Pegawai Pentadbir Pusaka sila lihat seksyen 78-84, Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97).

yang bernombor P- 02325792 – (A) 04/05/06 pula, caruman dan simpanannya melebihi RM20,000.00 dan tuntutan dibuat oleh Pentadbir Pusaka ahli dengan dikemukakan Perintah Pembahagian. Pengeluaran yang dibuat oleh Pentadbir Pusaka dikategorikan sebagai pengeluaran jenis kod 3 iaitu pengeluaran yang dibuat dengan menggunakan SKM atau Surat Probet atau Perintah Pembahagian.

Manakala dalam konteks tuntutan pengeluaran dibuat oleh perbadanan yang bertindak sebagai pentadbir pusaka, berdasarkan kepada fail-fail yang diteliti, didapati kebanyakannya daripada Amanah Raya Berhad (ARB). Pihak ARB sama seperti pemohon individu perlu mengikut prosedur yang biasa iaitu dengan mengisi borang yang sama iaitu borang KWSP 9KM (AHL). Ini misalnya dapat diteliti dalam fail yang bernombor P- 10974578 (A) 06, P- 11841036 (A) 06. ARB mengemukakan permohonan pengeluaran caruman dan simpanan sebagai pentadbir pusaka si mati di mana amaun caruman dan simpanan si mati melebihi RM20,000.00. Maka KWSP membuat pembayaran semua amaun tersebut kepada ARB untuk ditadbirkan. Manakala dalam fail P- 61267006 – A – 06, P- 1211948316 (A) 02/04/06 pula amaun caruman dan simpanan kurang daripada RM20,000.00 dan juga ditadbir oleh ARB yang mengeluarkan caruman dan simpanan tersebut.

KWSP menerima pemberian salah satu daripada dokumen pentadbiran pusaka tersebut mengikut mana-mana yang berkenaan yang dikeluarkan dalam urusan harta pusaka si mati sebagai bukti yang mencukupi bagi membolehkan pihaknya membuat pembayaran caruman dan simpanan KWSP yang tidak membuat penamaan kepada orang yang mendapat atau diberikan mana-mana daripada dokumen pentadbiran pusaka tersebut atau

dalam erti kata lain kepada pentadbir pusaka si mati adalah berdasarkan kepada peruntukan berikut:²¹⁸

“Pemberian Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian yang diberikan atau yang mempunyai kuatkuasa seolah-olah diberikan, yang berkaitan dengan harta pusaka persendirian ahli yang mati itu yang terdiri daripada amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu....., atau salinan yang diperakui, hendaklah menjadi bukti yang mencukupi kepada Lembaga untuk membayar amaun itu kepada orang yang kepadanya pemberian itu dibuat”

Namun begitu jika selepas dua bulan dari tarikh kematian si mati, KWSP tidak menerima mana-mana daripada SKm atau Surat Probet atau Perintah Pembahagian untuk tujuan permohonan pengeluaran caruman dan simpanan tanpa penamaan, maka KWSP akan membuat agihan atau bayaran caruman dan simpanan dalam tiga bentuk. Bentuk-bentuk agihan tersebut dibuat berdasarkan amaun simpanan ahli. Tiga bentuk agihan tersebut ialah, yang pertama agihan bagi amaun tidak melebihi RM2,500.00, yang kedua ialah agihan bagi amaun melebihi RM2,500.00 dan kurang RM20,000.00, dan yang ketiga ialah agihan bagi amaun melebihi RM20,000.00. Ketiga-tiga bentuk tersebut akan di kupas dalam perbincangan seterusnya.

4.3.2 Pembayaran bagi amaun tidak melebihi RM2,500.00

Bagi kes amaun caruman dan simpanan si mati tidak melebihi RM2,500.00, pihak KWSP akan membuat bayaran serta-merta semua jumlah tersebut apabila menerima permohonan pengeluaran dan setelah semua prosedur pengeluaran dilengkapkan oleh pemohon. Permohonan bagi kategori amaun tersebut boleh dibuat tanpa perlu mengemukakan mana-mana daripada dokumen pentadbiran pusaka. Pengeluaran di

²¹⁸ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*, Peraturan 8 (2).

peringkat ini dikategorikan oleh KWSP sebagai pengeluaran jenis kod 1 iaitu pengeluaran dengan bayaran segera yang dibuat sebelum dua bulan dari tarikh kematian ahli. Pengeluaran bayaran pendahuluan yang diluluskan oleh pihak KWSP tersebut adalah mengikut peruntukan yang diperuntukkan dalam peraturan 8 (1) (b) (i)²¹⁹ iaitu:

” dua ribu lima ratus ringgit hendaklah dibayar apabila permohonan diterima dalam Borang KWSP 9 (AHL).....”

Ini sepertimana terdapat dalam fail yang bernombor P-02789822 (A) 06 di mana amaun caruman si mati bagi kes tersebut kurang daripada RM2,500.00 dan permohonan pengeluaran dibuat oleh ibu si mati kerana si mati belum berkahwin. Maka pihak KWSP membayar semua wang caruman dan simpanan kepada pemohon secara sekaligus. Prosedur yang sama juga diaplikasikan dalam fail yang bernombor P – 17307305 (A) 06. Amaun caruman dan simpanan si mati dalam kes ini kurang daripada RM2,500.00. Maka KWSP telah membuat bayaran kepada pemohon iaitu bapa si mati kerana si mati merupakan seorang duda.

4.3.3 Pembayaran bagi amaun melebihi RM2,500.00 dan kurang daripada RM20,000.00

Jika jumlah amaun dalam kredit si mati melebihi RM2,500.00 dan kurang daripada RM20,000.00, KWSP akan membuat bayaran pendahuluan sebanyak RM2,500.00 (kod 1) apabila menerima permohonan pengeluaran yang lengkap dan pemohon adalah orang yang layak serta permohonan tersebut diterima dalam tempoh dua bulan daripada tarikh kematian ahli.

²¹⁹ Ibid., Peraturan 8 (1).

Manakala baki semua caruman dan simpanan si mati akan dibayar kepada orang yang sama selepas dua bulan daripada tarikh kematian si mati dan semua jenis pengeluaran yang dibuat selepas daripada dua bulan tarikh kematian akan dikodkan sebagai pengeluaran jenis kod 2. Pemohon yang menerima bayaran caruman dan simpanan kali pertama tersebut tidak perlu mengemukakan permohonan baru, sebaliknya KWSP akan membuat bayaran kali kedua iaitu baki amaun caruman dan simpanan selepas pengeluaran jumlah yang pertama iaitu sebanyak RM2,500.00 secara automatik kepada beliau. Namun begitu, jika pihak lain membuat permohonan pengeluaran baki caruman dan simpanan tersebut, maka pemohon tersebut mestilah membuktikan bahawa pihak yang menerima bayaran pendahuluan tersebut mempunyai sebab tidak boleh menerima dan menguruskan baki caruman dan simpanan tersebut. Misalnya pihak yang menerima bayaran pendahuluan tersebut gila, dipenjarakan, atau meninggal dunia dan seumpamanya.

Pengeluaran kategori ini dapat dilihat misalnya dalam fail yang bernombor P – 02360591 (A) 06 di mana wang caruman dan simpanan si mati kurang daripada RM20,000.00 dan tuntutan pengeluaran di buat oleh anak si mati selepas dua bulan dari tarikh kematian ahli. Maka KWSP membuat pembayaran kepadanya di bawah jenis pengeluaran kod 2 iaitu bayaran baki caruman dan simpanan yang tidak melebihi RM20,000.00 dan pembayaran dibuat selepas dua bulan dari tarikh kematian. Prosedur yang sama juga dapat dilihat dalam fail yang bernombor P – 03823202 (A) 06 di mana amaun caruman dan simpanan si mati juga kurang daripada RM20,000.00. Tuntutan pengeluaran dibuat selepas dua bulan dari tarikh kematian, maka pihak KWSP dalam kes ini telah membahagikan wang caruman dan simpanan kepada balu dan semua anak-anak si

mati secara sama rata tanpa perlu dikemukakan mana-mana satu daripada dokumen pentadbiran pusaka.

Walau bagaimanapun, jika tarikh permohonan pengeluaran kod 1 atau bayaran pendahuluan (RM2,500.00) hampir dengan tempoh dua bulan dari tarikh kematian ahli, KWSP akan menanggungkan bayaran pendahuluan tersebut sehingga melepasi tempoh dua bulan. Kemudian KWSP akan membayar semua caruman dan simpanan secara sekaligus kepada pemohon.²²⁰ Ini kerana pengeluaran bagi kedua-dua kod tersebut iaitu kod 1 dan kod 2 tidak memerlukan pemohon untuk mengemukakan mana-mana daripada dokumen pentadbiran pusaka. Pengeluaran kedua-dua kod tersebut dibuat berdasarkan kepada peruntukan peraturan 8 (1) (a) yang memperuntukkan:

” Jika amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu tidak melebihi dua puluh ribu ringgit, dan jika tiada Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian mengikut man-mana yang berkenaan dikemukakan dalam tempoh dua bulan dari tarikh kematian itu, Lembaga boleh membayar kesemua atau mana-mana bahagian amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu tanpa memerlukan Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian...”

4.3.4 Pembayaran bagi amaun melebihi RM20,000.00

Kaedah bayaran caruman dan simpanan yang melebihi RM20,000.00 ialah KWSP boleh membayar tidak lebih daripada RM20,000.00 kepada orang yang disebutkan dalam perbincangan sebelum ini tanpa perlu mengemukakan mana-mana daripada dokumen pentadbiran pusaka. KWSP akan membenarkan pengeluaran jumlah yang tidak melebihi RM20,000.00 melalui kod 1 dan kod 2 seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Seterusnya pemohon mesti mengemukakan mana-mana daripada SKM atau Surat Probet

²²⁰ Encik Taib bin Ismail, *op.cit.*, 6 Disember 2007.

atau Perintah Pembahagian untuk mengeluarkan baki yang selebihnya. Ini berdasarkan peruntukan peraturan 8 (1) (b) (iii):²²¹

- ” (b) Jika amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu lebih daripada dua puluh ribu ringgit, Lembaga boleh, tertakluk kepada kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta, membayar tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit daripada amaun yang berada pada kredit ahli yang mati....seperti berikut-
- (i) dua ribu lima ratus ringgit hendaklah dibayar apabila permohonan diterima...
 - (ii) baki bayaran itu setelah ditolak bayaran dalam subperenggan (b) (i) hendaklah dibayar dalam tempoh dua bulan dari tarikh kematian...
 - (iii) baki amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu hendaklah dibayar apabila pemberian Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah pembahagian dikemukakan.”

Prosedur ini dapat dilihat dalam kes fail yang bernombor P – 01247010 – A- 06 di mana bayaran caruman dan simpanan berjumlah RM20,000.00 dibayar kepada balu si mati di bawah jenis pengeluaran kod 2 iaitu pembayaran dibuat selepas tempoh dua bulan dari tarikh kematian. Oleh kerana amaun caruman dan simpanan si mati melebihi RM20,000.00, maka baki caruman dan simpanan si mati dibayar kepada pentadbir pusaka si mati yang mengemukakan Perintah Pembahagian.

²²¹ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*



BAB KELIMA

BAB KELIMA

ISU – ISU DALAM TUNTUTAN DAN AGIHAN HARTA TANPA PENAMAAN DI KWSP KUALA LUMPUR

5.1 Isu-isu dalam Tuntutan Harta tanpa Penamaan

5.1.1 Kesilapan Teknikal dan Perbezaan Data dalam Dokumen-dokumen

Tidak boleh dinafikan kadangkala boleh berlaku beberapa kesilapan teknikal yang membabitkan perbezaan data asal dengan data yang tercatat dalam dokumen yang dikemukakan oleh pemohon yang memohon pengeluaran caruman dan simpanan si mati. Misalnya no. kad pengenalan yang tercatat dalam Sijil Perkahwinan, Sijil Kematian atau Sijil Kelahiran berbeza misalnya lebih atau kurang satu digit, kesilapan ejaan nama dan seumpamanya dengan data yang sebenar.

Dalam konteks pengeluaran caruman dan simpanan KWSP, isu ini merupakan isu yang agak penting untuk diteliti terutamanya dalam kes pengeluaran kematian kerana ia melibatkan suatu bayaran kepada pihak ketiga. Ini kerana perbezaan data dalam aspek pengeluaran caruman dan simpanan ahli yang meninggal dunia juga memberi kesan kepada pentadbiran caruman dan simpanan tersebut kelak. Maka perlu diteliti tindakan yang diambil oleh KWSP terhadap perbezaan atau kesilapan tersebut sama ada ia dianggap sebagai kesilapan teknikal semata-mata tanpa diambil tindakan susulan atau KWSP mempunyai beberapa tindakan alternatif lain. Tambahan pula Peraturan-Peraturan KWSP²²² yang memperuntukkan mengenai pengeluaran pentadbiran caruman dan

²²² *Ibid.*

simpanan KWSP juga tidak menyebut berkenaan perkara ini. Begitu juga peruntukan Akta KWSP²²³ dan Kaedah-Kaedah KWSP²²⁴ tidak memperuntukkan perkara tersebut.

Jika dilihat kepada kes-kes fail, di dapati terdapat beberapa kes di mana KWSP menganggap perbezaan data tersebut sebagai kesilapan teknikal semata-mata tanpa mengambil tindakan susulan. Ini misalnya dapat diteliti dalam fail kes P- 02360591 (A) 06 di mana nama si mati dalam Sijil Kelahiran pemohon berbeza dengan namanya yang sebenar yang tercatat pada kad pengenalan. Tetapi no. kad pengenalan dan alamat ahli yang tercatat dalam Sijil Kelahiran pemohon sama dengan no. kad pengenalan dan alamat terakhir dalam Sijil Kematian si mati. Oleh itu, KWSP menganggap perbezaan data tersebut sebagai kesilapan teknikal dan dengan mengambil kira persamaan no.kad pengenalan dan alamat tersebut pihak KWSP meluluskan permohonan pengeluaran pemohon iaitu anak si mati.

Manakala dalam kes fail P-02923399 (A) 06, permohonan pengeluaran dikemukakan oleh kakak tiri si mati kerana si mati masih bujang dan kedua ibu bapanya telah meninggal dunia. Terdapat perbezaan nama bapa dalam Sijil Kelahiran si mati. Walau bagaimanapun KWSP membayar wang caruman dan simpanan si mati kepada pemohon kerana KWSP tidak menerima permohonan selain daripada permohonan pemohon. Begitu juga dalam kes P-02616626 (A) 06, ahli belum berkahwin dan permohonan pengeluaran caruman dan simpanan dibuat oleh ibu. Didapati terdapat perbezaan di antara no. kad pengenalan pemohon dengan no.kad pengenalannya dalam Sijil Kelahiran si mati. Namun

²²³ Akta KWSP, *op.cit.*

²²⁴ Kaedah-Kaedah KWSP, *op.cit.*

KWSP menganggap perbezaan itu sebagai kesilapan teknikal dan meluluskan permohonan pengeluaran tersebut.

Namun begitu, ada juga kes di mana KWSP mengambil tindakan susulan seperti meminta pemohon mengemukakan dokumen tambahan atau KWSP mendapatkan maklumat mengenai data yang berbeza tersebut daripada pihak yang berkaitan. Antara dokumen tambahan yang diminta ialah Sijil Kelahiran anak. Ini misalnya dapat dilihat dalam ke fail P-15561136 – (A) 06, KWSP meminta pemohon iaitu duda mengemukakan Sijil Kelahiran anak sebagai bukti sokongan kerana no.kad pengenalan pemohon dalam Sijil Perkahwinan berbeza dengan no. kad pengenalan yang sebenar. Pemohon mengatakan bahawa ia adalah kerana tersalah tulis. Ini juga berlaku dalam kes fail P-15633059 (A) 06 di mana pemohon dikehendaki mengemukakan Sijil Kelahiran anak kerana terdapat perbezaan pada no. kad pengenalan si mati dalam Sijil Perkahwinan yang dikemukakan oleh pemohon di mana no.kad pengenalan tersebut adalah no.kad pengenalan Singapura. Manakala dalam Sijil Kelahiran anak terdapat kedua-dua no. kad pengenalan Malaysia dan Singapura. KWSP meluluskan permohonan tersebut berdasarkan Sijil Kelahiran anak tersebut.

Selain itu, KWSP juga akan mengambil tindakan susulan bagi mendapatkan maklumat berikutnya jika berlaku perbezaan data iaitu KWSP akan meminta pengesahan Jabatan Pendaftaran Negara. Ini misalnya dapat dilihat dalam fail P-05399057/A/06 di mana no. kad pengenalan si mati yang tercatat dalam Sijil Kematian berbeza dengan no. kad pengenalannya yang sebenar. KWSP mendapatkan maklumat mengenai no. kad pengenalan yang tercatat dalam Sijil Kematian tersebut dan pihak JPN memberi maklum

balas bahawa no. kad pengenalan tersebut tidak merujuk kepada sesiapa. Oleh itu, KWSP membuat bayaran kepada pemohon dengan menganggap perbezaan no. kad pengenalan tersebut hanyalah sebagai kesilapan teknikal semata-mata.

Tindakan yang sama juga diambil oleh KWSP dalam fail P-16554011(A) 06, P-15907206(A)05 dan fail P-15892447(A) 05. KWSP dalam tiga kes tersebut mengambil tindakan dengan mendapatkan maklumat lanjut daripada JPN apabila terdapat perbezaan data iaitu no. kad pengenalan si mati dalam Sijil Perkahwinan yang dikemukakan oleh pemohon berbeza dengan yang sebenar. Di samping itu, KWSP juga menerima surat pengesahan yang dibuat oleh penghulu yang menjelaskan perbezaan data dalam suatu dokumen. Misalnya dalam kes fail P-00487885-(A)04 di mana permohonan pengeluaran dibuat oleh anak si mati kerana balu telah meninggal dunia dengan disertakan Sijil Kematian si mati dan balu serta Sijil Kelahiran pemohon. Walau bagaimanapun nama balu dalam Sijil Kelahiran pemohon berbeza dengan namanya yang dicatat dalam Sijil Kematian. Oleh itu, pemohon telah mendapatkan surat pengesahan daripada penghulu yang menyatakan bahawa kedua-dua nama tersebut adalah mewakili orang yang sama.

Ia memang diakui bahawa tindakan tersebut merupakan tindakan yang praktikal dan boleh diterimapakai. Ini kerana mahkamah juga mengaplikasikan kaedah yang sama. Ini misalnya di Mahkamah Tinggi Syariah negeri Selangor, dalam kes Razalli bin Zakaria lwn Rafeah dan Maimunah²²⁵. Kes ini merupakan kes permohonan untuk mengesahkan waris si mati. Walau bagaimanapun, isu perbezaan data ini dibangkitkan oleh pihak penentang iaitu yang pertama perbezaan nama si mati yang dibincang kepada pemohon iaitu Zakria dengan

²²⁵ (1998) 12 JH 113.

nama si mati yang dieja diruang bapa iaitu Zakaria. Manakala kesilapan teknikal yang kedua yang dibangkitkan ialah perbezaan nama ayah si mati (datuk pemohon) iaitu dalam Sijil Kematian Zakaria, Mohd Sharif dan dalam Sijil Kelahiran Zakaria, Mad Sharif. Mahkamah dalam menjawab kesilapan teknikal yang pertama menyatakan bahawa perbezaan itu hanya sebagai kesilapan teknikal yang lumrah berlaku dalam surat rasmi dan nama di dalam kad pengenalan. Manakala dalam kesilapan yang kedua mahkamah menghujahkan bahawa perbezaan tersebut tidak menjejaskan nama yang asal kerana kedua-dua nama tersebut adalah ringkasan kepada nama Mohamad.²²⁶

Walau bagaimanapun di KWSP terdapat banyak kategori kesilapan teknikal yang membabitkan pengeluaran kematian. Oleh itu kaedah yang digunapakai oleh KWSP dalam menyelesaikan perkara tersebut berbeza-beza sekalipun keadaan kes yang sama. Misalnya seperti yang dibincangkan di atas di mana kes kesilapan pada no. kad pengenalan, terdapat kes KWSP hanya menganggap sebagai kesilapan teknikal, dan terdapat kes KWSP membuat tindakan susulan dengan meminta pemohon mengemukakan dokumen tambahan atau KWSP mendapatkan maklumat tambahan dari institusi berkaitan. Ketidakconsistenan tindakan yang diambil oleh KWSP dalam kes terdapat perbezaan data antara dokumen-dokumen tersebut hanya berdasarkan budi bicara KWSP sahaja. Ini kerana tiada peraturan mahupun peruntukan atau kaedah yang digubal sama ada dalam Peraturan-Peraturan KWSP²²⁷, atau Aktanya²²⁸ atau Kaedah-Kaedahnya²²⁹ bagi membolehkan pihak pentadbiran di KWSP membuat rujukan dalam menyelesaikan masalah seperti ini.

²²⁶ Untuk kes kesilapan teknikal di Mahkamah Sivil yang mempunyai fakta seakan sama, lihat kes Perkara Harta Pusaka Shaikh Mohamed bin Abdul Rahman bin Hazim (1974) 1 MLJ 184, (1982) 1B MLJ 18.

²²⁷ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*

²²⁸ Akta KWSP, *op.cit.*

²²⁹ Kaedah-Kaedah KWSP, *op.cit.*

Sekalipun isu kesilapan teknikal ini dianggap isu biasa yang berlaku dalam mana-mana prosedur, tetapi ia mempunyai potensi menyebabkan berlakunya isu-isu berbangkit lain seperti penipuan data atau maklumat. Terutamanya membabitkan kesilapan no. kad pengenalan pemohon atau kad pengenalan si mati. Jika dilihat kepada contoh-contoh fail yang telah dibincangkan didapati terdapat kes kesilapan no. kad pengenalan yang tidak dibuat tindakan susulan oleh KWSP sebaliknya ia dianggap sebagai kesilapan teknikal sahaja. Oleh itu perlu diadakan satu mekanisma atau peraturan yang jelas yang boleh dirujuk oleh pihak yang terlibat dalam menguruskan hal ehwal pengeluaran caruman dan simpanan di KWSP. Ini kerana jika dengan hanya menggunakan budi bicara KWSP sahaja, maka pihak KWSP boleh jika tidak menyiasat apabila berlaku kes perbezaan data yang ketara dalam dokumen yang dikemukakan untuk membuat pengeluaran kematian.

5.1.2 Kelemahan Dokumentasi atau Prosedur Pengeluaran

Perbincangan subtopik ini secara khasnya tidak melibatkan peruntukan dalam Peraturan-peraturan KWSP 2001. Sebaliknya ia melibatkan peruntukan di dalam Risalah Pengeluaran Kematian yang dikeluarkan oleh KWSP.²³⁰ Ini kerana perkara berkaitan dokumen-dokumen dan prosedur pengeluaran caruman dan simpanan KWSP selain diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah KWSP²³¹ dan Peraturan-peraturannya²³², juga diperuntukkan di dalam Risalah Pengeluaran Kematian. Namun begitu, pengkaji berpendapat perbincangan berkenaan perkara ini perlu dibuat sekalipun ia tidak melibatkan

²³⁰ Risalah KWSP “Pengeluaran Kematian”, *op.cit.*

²³¹ Kaedah-Kaedah KWSP, *op.cit.*

²³² Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*

peruntukan Peraturan-peraturan KWSP secara langsung tetapi ia melibatkan isu berbangkit dalam urusan tuntutan caruman dan simpanan KWSP yang tiada penamaan.

Kelemahan dokumentasi ialah di mana dokumen-dokumen yang ditetapkan oleh KWSP untuk dikemukakan apabila pemohon mengemukakan permohonan pengeluaran kematian tidak mampu untuk mengurangkan risiko berlaku penipuan dalam urusan pengeluaran dan pentadbiran caruman dan simpanan KWSP yang tiada penama. Perbincangan subtopik ini memfokuskan mengenai dokumen pembuktian hubungan yang dikemukakan oleh pemohon untuk memohon pengeluaran caruman dan simpanan. Berdasarkan aplikasi di KWSP, sepertimana yang telah dibincangkan dalam bab 4 sebelum ini, apabila balu atau duda memohon untuk mengeluarkan caruman dan simpanan pasangannya, beliau perlu mengemukakan beberapa dokumen untuk membuktikan hubungannya dengan si mati. Pihak balu atau duda perlu mengemukakan Sijil Perkahwinan dan Sijil Kelahiran anak-anak (jika ada) bagi membolehkan bayaran caruman dan simpanan dibuat kepada beliau.²³³ Walau bagaimanapun dokumen tersebut belum memadai untuk menjamin KWSP membuat bayaran kepada pihak yang betul kerana seringkali berlaku penipuan maklumat.

Ini sepertimana berlaku dalam kes penipuan identiti oleh warga Indonesia Norizam Ahmad yang menggunakan identiti Mohd Syarizal Wahab di mana caruman dan simpanan KWSP beliau termasuk di dalam kategori caruman dan simpanan yang tiada penama²³⁴. Penipuan identiti ini melibatkan pengeluaran caruman dan simpanan KWSP Mohd Syarizal Wahab yang dilakukan oleh balu Norizam Ahmad iaitu Norizah Hamzah. Penipuan identiti yang membawa kepada penipuan pengeluaran caruman dan simpanan KWSP berlaku

²³³ Risalah KWSP "Pengeluaran Kematian", *op.cit.*; En. Illias Haji Hassan, *op.cit.*

²³⁴ Encik Mohd Taib Ismail, *op.cit.*, 6 Disember 2007.

sekali pun pihak KWSP telah mematuhi segala prosedur pengeluaran kematian yang ditetapkan. Ini kerana berdasarkan prosedur pengeluaran kematian yang digariskan di KWSP, balu atau duda hanya mengemukakan Sijil Perkahwinan bagi membolehkan pihak KWSP meluluskan bayaran pengeluaran. Sebaliknya risiko penipuan ini boleh dikurangkan jika KWSP turut memasukkan keperluan mengemukakan maklumat ibu dan bapa atau ibu atau bapa si mati misalnya Sijil Kelahiran mereka apabila balu atau duda mengemukakan permohonan pengeluaran caruman dan simpanan pasangan mereka.

Seterusnya mengenai penerimaan Sijil Faraid²³⁵ sebagai dokumen yang membolehkan pemohon mengeluarkan caruman dan simpanan si mati. Penerimaan Sijil Faraid semata-mata dalam urusan pengeluaran ini perlu dilihat dengan lebih teliti. Ini kerana terdapat risiko berlakunya pertindihan permohonan Sijil Faraid oleh waris-waris yang mungkin berdomisil di negeri-negeri yang berbeza dimana rujukan dibuat kepada Undang-undang Pentadbiran Agama Islam negeri tersebut.

Walau bagaimanapun ini berbeza dengan prosedur permohonan Perintah Pembahagian dan SKM yang dipohon di Pejabat Tanah dan Mahkamah Sivil di mana terdapat mekanisma bagi memastikan tiada tuntutan bertindih di seluruh negara sama ada di antara Pejabat Tanah dan Mahkamah atau sesama Pejabat Tanah dan Mahkamah itu sendiri.²³⁶ Selain itu, permohonan mendapatkan Perintah Pembahagian dan SKM perlu melalui peringkat perbicaraan sebelum perintah-perintah tersebut dikeluarkan. Tambahan pula, Sijil Faraid tidak memberi kuasa kepada penerimanya untuk mentadbir atau

²³⁵ Berdasarkan Arahan Amalan No.1, Tahun 2007, JKSM 100-24/5 Jld. 4 (15), 29 Jamadilawal, 1428 H/ 15 Jun 2007 M, Sijil Faraid telah dijadikan Perintah Faraid.

²³⁶ *Ibid*, h. 269-270.

membahagikan wang yang diterimanya kerana kuasa itu terletak pada Pentadbir Pusaka. Oleh itu, signifikan penerimaan Sijil Faraid dalam mengeluarkan caruman dan simpanan KWSP yang tiada penamaan kurang jelas dan boleh mengundang isu-isu berbangkit lain.

5.2 Isu-isu Agihan Harta Tanpa Penamaan

5.2.1 Mekanisma Penentuan Orang Yang Layak Menerima Caruman dan Simpanan Si mati

KWSP merupakan pemegang amanah kepada wang caruman dan simpanan ahlinya.²³⁷ Oleh itu, ia tertakluk kepada peraturan dan tanggungjawab yang mesti diikuti sebagai pemegang amanah. Dalam konteks melaksanakan tanggungjawabnya untuk menentukan pihak yang layak menerima caruman dan simpanan si mati, kriteria yang dilihat oleh KWSP sama ada menilai dari segi taraf pendidikan, kehidupan sosial dan seumpamanya perlu diteliti. Ini penting khasnya bagi amaun caruman dan simpanan yang tidak memerlukan pemohon mengemukakan mana-mana daripada dokumen pentadbiran pusaka untuk membuat pengeluaran.

Ini kerana pemohon yang menerima caruman dan simpanan si mati bukan sahaja sebagai benefisiari malah perlu bertindak sebagai pentadbir kepada wang yang diterimanya. Justeru itu adalah penting untuk KWSP mempunyai satu kaedah yang dirujuk untuk menentukan pihak yang layak menjadi Pentadbir Pusaka. Ini kerana KWSP sebagai pemegang amanah kepada caruman dan simpanan si mati bertanggungjawab memilih orang yang tepat dan layak memikul tanggungjawab itu bagi memastikan keselamatan caruman dan simpanan si mati. Tanggungjawab ini bukan sahaja diperuntukkan di dalam undang-

²³⁷ Akta KWSP, *op.cit.*, Seksyen 25 memperuntukkan “Lembaga hendaklah menjadi pemegang amanah kepada kumpulan wang”.

undang pemegang amanah yang terpakai di Malaysia²³⁸ malah al-Quran juga ada menyatakan perkara tersebut. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T di dalam surah al-Nisā',:

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَمًا
وَأَرْزُقُوهُمْ فِيهَا وَاكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا ﴿٥﴾

Maksudnya: Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalinya, harta (mereka yang ada dalam kekuasaanmu) yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan. Berilah mereka belanja dan pakaian (dari hasil harta itu) dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik.

Surah Al-Nisā' (4) : 5

وَابْتَلُوا الَّتِي تَمَىٰ حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ فَإِنَّ آنَسْتُمْ مِنْهُمْ
رُشْدًا فَادْفَعُوا إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ ۖ وَلَا تَأْكُلُوهَا إِرَافًا وَبِدَارًا أَن
يَكْبُرُوا ۚ وَمَن كَانَ غَنِيًّا فَلْيَسْتَعْفِفْ ۖ وَمَن كَانَ فَقِيرًا فَلْيَأْكُلْ
بِالْمَعْرُوفِ ۚ فَإِذَا دَفَعْتُمْ إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ فَأَشْهِدُوا عَلَيْهِمْ ۚ وَكَفَىٰ
بِاللَّهِ حَسِيبًا ﴿٦﴾

²³⁸ Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208) memperuntukan mengenai pelantikan pemegang amanah, kewajipan, takat kuasa pelaburan, jualannya serta kuasa mahkamah dalam hal pemegang amanah; Lihat juga Mary George (1999), *Malaysian Trust Law*. Pelanduk Publication, h. 67.

Maksudnya: Dan ujilah anak yatim itu sampai mereka cukup umur untuk kawin. Kemudian jika menurut pendapatmu mereka telah cerdas (pandai memelihara harta), maka serahkanlah kepada mereka harta-hartanya. Dan janganlah kamu makan harta anak yatim lebih dari batas kepatutan dan (janganlah kamu) tergesa-gesa (membelanjakannya) sebelum mereka dewasa. Barang siapa (di antara pemelihara itu) mampu, maka hendaklah ia menahan diri (dari memakan harta anak yatim itu) dan barangsiapa yang miskin, maka bolehlah ia makan harta itu menurut yang patut. Kemudian apabila kamu menyerahkan harta kepada mereka, maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi (tentang penyerahan itu) bagi mereka. Dan cukuplah Allah sebagai Pengawas (atas persaksian itu).

Surah Al-Nisā' (4) : 6

Ayat ke 5 surah al-Nisa' tersebut dengan jelas melarang para pemegang amanah harta kanak-kanak yang belum matang dari memberikan harta miliknya kepadanya untuk diuruskan. Manakala ayat ke 6 pula memerintahkan supaya pemegang amanah harta anak yatim tersebut hanya menyerahkan harta mereka selepas dapat dipastikan bahawa kanak-kanak tersebut pandai dan matang dalam menguruskan harta mereka. Kedua-dua ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa Pemegang Amanah mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menjaga kepentingan suatu harta yang diamanahkan kepadanya supaya harta tersebut tidak hilang atau dimudaratkan. Oleh itu, adalah menjadi salah satu tanggungjawab KWSP sebagai pemegang amanah untuk menentukan orang yang sesuai dan layak untuk menjadi pentadbir kepada caruman dan simpanan si mati.

Pihak-pihak yang layak membuat permohonan pengeluaran caruman dan simpanan si mati dan sekaligus menjadi pentadbir kepada caruman dan simpanan tersebut telah diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan KWSP 2001. Peraturan 8 memperuntukkan

secara umum mengenai pihak-pihak tersebut. Peraturan 8 (1) (a) (i) (ii) Peraturan-peraturan KWSP 2001 yang menyebut:

” Jika seseorang ahli mati tanpa membuat penamaan, Lembaga hendaklah membayar apa-apa amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu kepada pemohon yang mengemukakan Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau perintah Pembahagian.....

(a) Jika amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu tidak melebihi..... Lembaga boleh membayar kesemua atau mana-mana bahagian amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu tanpa memerlukan Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian-

(i) Kepada orang yang pada pandangan Lembaga berhak dan berkemungkinan besar diberi Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian; atau

(ii) Kepada orang yang pada pendapat Lembaga berhak secara benefisial kepada harta pusaka ahli yang mati itu;”

Walau bagaimanapun pihak-pihak tersebut tidak dinyatakan secara spesifik di dalam Peraturan tersebut sebaliknya ia diperincikan dalam Risalah Pengeluaran Kematian yang dibuat untuk memudahkan pentadbiran dan sebagai panduan kepada orang ramai.²³⁹ Oleh itu peruntukan umum peraturan 8 tersebut perlu dibaca bersama dengan Risalah Pengeluaran Kematian. Implikasinya, senarai pihak-pihak tersebut tidaklah mengikat KWSP untuk mematuhi. Oleh yang demikian, jika permohonan pengeluaran dibuat oleh lebih dari seorang pemohon yang mempunyai kedudukan yang sama misalnya permohonan daripada adik-beradik, anak-anak, balu-balunya atau ibu dan bapa si mati atau dalam kes pemohon bukan Islam, maka pihak KWSP menggunakan pendekatan dengan mengambilkira atau meluluskan permohonan pihak yang mengemukakan permohonan pengeluaran caruman dan simpanan terlebih dahulu.²⁴⁰

²³⁹ Risalah KWSP “Pengeluaran Kematian”, *op.cit.*

²⁴⁰ En. Illias Haji Hassan, *op.cit.* ; Lihat juga perbincangan fail-fail kes di mana KWSP menggunakan budi bicara dalam bab 4.

Berdasarkan kepada perbincangan bab 4 sebelum ini dapat dilihat bahawa terdapat kes di mana pihak KWSP dalam kes-kes dan keadaan-keadaan tertentu tidak mengikut senarai keutamaan yang dicatat dalam Risalah Pengeluaran tersebut. Ini dibuat dengan menggunakan budi bicara KWSP kerana KWSP tidak mempunyai satu kaedah yang standard dalam menentukan kriteria pihak yang layak menerima wang caruman dan simpanan yang sekaligus menjadi pentadbir kepada wang tersebut. Manakala Peraturan-Peraturan KWSP 2001 pula tidak memperuntukkan peruntukan khas mengenai budi bicara KWSP untuk melantik penerima caruman dan simpanan si mati atau sekurang-kurangnya prinsip umum yang boleh dirujuk dan sekaligus boleh dijadikan hujah oleh KWSP dalam menggunakan budi bicara untuk melantik penerima caruman dan simpanan si mati yang tiada penamaan .

Ini kerana KWSP dalam banyak keadaan menggunakan budi bicaranya tetapi budi bicara tersebut tidak diperuntukkan oleh Aktanya²⁴¹ secara khusus mahupun Peraturan-Peraturannya. Walau bagaimanapun tindakan pihak KWSP yang menggunakan budi bicara dalam menyelesaikan permohonan pengeluaran yang kompleks menunjukkan KWSP seboleh mungkin menjalankan tanggungjawabnya sebagai pemegang amanah sekalipun KWSP tidak akan dipertanggungjawabkan di atas apa-apa penyalahgunaan wang caruman dan simpanan yang telah di bayar.²⁴²

²⁴¹ Akta KWSP, *op.cit.*

²⁴² Kaedah-Kaedah KWSP, *op.cit.*, Kaedah 47 (6) memperuntukkan “ lembaga hendaklah tidak bertanggungjawab bagi penyalahgunaan oleh mana-mana orang bagi mana-mana jumlah yang dibayar pada sesuatu waran mengikut kaedah ini.

Sebaliknya jika dilihat dari segi praktikal panduan yang digunakan oleh Mahkamah Sivil untuk menentukan orang yang akan diberi SKM, Mahkamah secara umumnya boleh memberi SKM kepada sesiapa yang difikirkan oleh mahkamah sesuai untuk mentadbir harta pusaka itu atau dalam erti kata lain ia bergantung kepada budi bicara Mahkamah. Walau bagaimanapun tetap dinyatakan pihak-pihak yang diberi keutamaan untuk menerima SKM jika tiada wasi bagi harta pusaka tersebut. Ini diperuntukan di bawah seksyen 16, Akta 97 yang menyebut:²⁴³

”.....maka surat kuasa pentadbir dengan wasiat terlampir bolehlah diberi kepada mana-mana orang atau orang-orang yang difikirkan oleh Mahkamah paling sesuai untuk mentadbirkan harta pusaka itu:

Dengan syarat bahawa hak keutamaan kepada pemberian itu hendaklah dipunyai oleh orang-orang berikut mengikut susunan yang berikut:

- (i) penerima legasi universal atau residuari;
- (ii) wakil diri kepada penerima legasi universal atau residuari yang telah mati;
- (iii) mana-mana orang atau orang-orang, iaitu benefisiari-benefisiari di bawah wasiat itu, yang sepatutnya berhak kepada pemberian surat kuasa pentadbir jika si mati telah mati tidak berwasiat;
- (iv) penerima legasi yang mempunyai kepentingan benefisial; dan
- (v) pemiutang bagi si mati.

Manakala Seksyen 30²⁴⁴ memperuntukkan budi bicara yang luas kepada mahkamah dalam melantik Pentadbir Pusaka. Seksyen 30 memperuntukkan:

” Budi bicara Mahkamah mengenai orang-orang yang akan diberi pentadbiran.

Dalam memberi pentadbiran, Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada hak-hak semua orang yang berkepentingan dalam harta pusaka orang yang telah mati.....”

²⁴³ Akta Probet dan Pentadbiran, *op.cit.*

²⁴⁴ *Ibid.*

Dengan syarat bahawa, jika si mati itu mati tak berwasiat langsung akan harta pusakanya, pentadbiran hendaklah, jika permohonan dibuat bagi maksud itu, diberi kepada seseorang atau lebih daripada mereka yang mempunyai kepentingan dalam harta pusaka residuari bagi si mati itu, melainkan jika oleh sebab harta pusaka itu tak solven atau oleh sebab keadaan-keadaan khas yang lain Mahkamah fikirkan bermanfaat untuk pentadbiran diberi kepada seseorang lain.”

Peruntukan tersebut memberi kuasa kepada mahkamah untuk menggunakan budi bicaranya dalam menentukan Pentadbir Pusaka di mana Mahkamah perlu mengambil kira hak-hak orang yang berkepentingan dalam harta pusaka si mati dan Mahkamah boleh, jika perlu memberi SKM kepada orang lain.²⁴⁵

Contoh aplikasi peruntukan ini dalam dilihat dalam kes *In The Estate of Ngau Ken Lock (Deceased) (Ngau Voon Kiat, Petitioner)*²⁴⁶ apabila mahkamah menegaskan bahawa mahkamah boleh menjangkau pihak yang sepatutnya mengikut turutan berhak mendapat SKM. Hakim Mahkamah Tinggi Temerloh, Ramly Ali menegaskan bahawa seksyen 30 memberi mahkamah kuasa yang luas untuk menentukan pentadbir pusaka. Seksyen 30 juga memberi kuasa kepada mahkamah untuk menjangkau pihak yang sepatutnya

²⁴⁵ Antara contoh lain undang-undang yang memperuntukkan dengan jelas pihak-pihak yang layak menerima wang polisi sekaligus menjadi pentadbir kepada wang yang diterimanya apabila pemegang polisi meninggal dunia tanpa membuat penamaan ialah Akta Insurans 1996 (Akta 553). Seksyen 169 (2) memperuntukkan: "Tertakluk kepada subseksyen (1), penanggung insurans berlesen boleh membayar kepada suami atau isteri pemunya polisi, anak atau ibu bapa mengikut aturan keutamaan tersebut dan jika terdapat lebih daripada seorang suami atau isteri, anak atau ibu bapa, dalam bahagian yang sama kepada setiap orang dalam kelas tersebut....."; Manakala dalam konteks budi bicara pula, contoh lain adalah Kaedah 45 Kaedah-kaedah KWSP 1991 menyebut " Dalam keadaan yang difikirkan suaimanfaat atau dikehendaki untuk berbuat sedemikian, Lembaga boleh menurut budibicaranya mengubah prosidur bagi pengeluaran yang ditetapkan oleh Kaedah-kaedah ini dan tidak menggunakan mana-mana atau kesemua kehendak yang terkandung, dan boleh mengubah cara pembayaran yang ditetapkan dan menguatkuasakan pembayaran mengikut apa-apa dokumen sebagaimana yang difikirkan sesuai".

²⁴⁶ (2002) 4MLJ 74.

mendapat SKM dan memberi SKM kepada pihak lain kerana mengambilkira kepentingan ahli waris yang lain.

Kes ini merupakan kes permohonan untuk mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir *de bonis non*.²⁴⁷ Kes ini membabitkan perebutan untuk mendapatkan SKM *de bonis non* di antara anak kelima (pempetisyen) dan anak keempat si mati (pemohon). Mahkamah selepas menimbangkan beberapa perkara, dengan menghujahkan seksyen 30 telah melantik pempetisyen sebagai Pentadbir Pusaka si mati tanpa mengira pemohon lebih tua daripada pempetisyen dari segi umurnya.

Peruntukan seksyen 16 dan 30²⁴⁸ dan kes tersebut jelas menunjukkan bahawa Mahkamah sekalipun menggunakan budibicaranya untuk melantik Pentadbir Pusaka, tetapi Mahkamah masih mempunyai panduan umum iaitu yang diperuntukkan dalam seksyen 16 dan 30 tersebut²⁴⁹. Di samping itu, mahkamah juga mengambilkira pendapat adik-beradik yang lain mengenai pemohon yang memohon untuk mendapatkan SKM. Tetapi dalam amalan di KWSP, KWSP menerima permohonan pengeluaran caruman dan simpanan tanpa penamaan terutamanya bagi amaun yang kurang daripada RM 20,000.00, KWSP akan meluluskan permohonan tersebut jika permohonan itu lengkap. Pihak KWSP tidak terikat untuk meminta persetujuan adik-beradik terdekat yang lain. Tambahan pula, bukan dalam semua kes KWSP meminta persetujuan mereka dan jika KWSP meminta persetujuan mereka sekalipun ia tidak memerlukan semua daripada mereka, memadai dengan majoriti daripada mereka sahaja. Oleh itu, KWSP melantik pentadbir caruman dan

²⁴⁷ *de bonis non* bermaksud harta yang tidak ditadbir.

²⁴⁸ Akta Probet dan Pentadbiran, *op.cit.*

²⁴⁹ *Ibid.*

simpanan bagi amaun yang tidak memerlukan SKM hanya berdasarkan permohonan yang dibuat semata-mata.

Rentetan isu peruntukan budi bicara tersebut, timbul isu berbangkit lain iaitu apabila berlaku perebutan atau pertelingkahan di kalangan waris-waris untuk menjadi penerima caruman dan simpanan si mati, maka KWSP tiada kuasa atau hujjah yang kuat untuk membuat atau mempertahankan keputusan yang dibuat olehnya. Oleh itu, apabila terdapat 2 permohonan serentak, KWSP mengambil tindakan membahagikan wang caruman dan simpanan si mati secara sama rata di antara pemohon-pemohon jika mereka bersetuju dan meminta pemohon-pemohon mengemukakan SKM jika mereka masih bertelingkah untuk menjadi penerima caruman dan simpanan si mati²⁵⁰.

Situasi ini akan memberi impak kepada pentadbiran caruman dan simpanan si mati yang akan dibincangkan dalam subtajuk 5.2.2 iaitu mengenai pelantikan beberapa pentadbir pusaka. Ini berbeza jika ia berlaku di Mahkamah, Mahkamah boleh menggunakan kuasa budi bicara yang diperuntukkan di bawah seksyen 30, Akta Probe dan Pentadbiran 1959 tersebut dalam menyelesaikan situasi-situasi yang kompleks misalnya para waris berebut untuk mendapatkan SKM seperti dalam kes *Yapp Kee Par v Molly Yap & Ors*²⁵¹, dan kes perebutan di antara wasi dan waris si mati seperti dalam kes *HSBC (M) Trustee Bhd v Kong Kim Hoh & Ors*²⁵², serta lain-lain keadaan.

²⁵⁰ En. Illias Haji Hassan, *op.cit.*

²⁵¹ (1996) 4 MLJ 219

²⁵² (1999) 3 MLJ 383

5.2.2 Pelantikan Beberapa Pentadbir Pusaka

Berdasarkan fakta bahawa caruman dan simpanan KWSP tanpa penamaan adalah harta pusaka,²⁵³ maka pemohon yang memohon untuk mengeluarkannya selain bertindak sebagai benefisiari juga merupakan pentadbir kepada wang caruman dan simpanan tersebut. Walau bagaimanapun memandangkan Peraturan-Peraturan KWSP²⁵⁴ mengenai agihan wang caruman dan simpanan tersebut serta amalannya di KWSP di mana permohonan pengeluaran caruman dan simpanan tanpa penamaan adalah terbuka kepada ahli waris untuk membuat permohonan. Sekalipun KWSP telah menyenaraikan pihak-pihak yang layak membuat permohonan mengikut keutamaan waris-waris, tetapi terdapat keadaan di mana KWSP menerima permohonan lebih dari satu permohonan dalam satu masa. Ini misalnya permohonan dibuat oleh balu si mati dan ibu atau bapa si mati. Ini dapat dilihat dalam fail P-11028085(A) 06 di mana caruman dan simpanan si mati kurang daripada RM20,000.00 dan permohonan pengeluaran yang pertama dibuat bapa si mati, tetapi KWSP tidak meluluskan permohonan tersebut dan meminta pemohon memaklumkan kepada balu supaya membuat permohonan pengeluaran. Apabila isteri membuat permohonan pengeluaran maka pihak KWSP meluluskan kedua-dua permohonan tersebut iaitu permohonan bapa dan balu dengan dibayar sama rata kepada kedua-kedua pemohon.

²⁵³ Ini berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Muzakarah Fatwa Kebangsaan yang menyatakan antara lain bahawa wang KWSP dan yang disimpan adalah pusaka yang mesti dibahagikan menurut hukum faraid; Narizan Abdul Rahman (2006), *op.cit.*, h. 212. Oleh itu, kenyataan umum “wang KWSP “ di dalam fatwa tersebut ia menunjukkan bahawa caruman KWSP sama ada yang ada penama atau tiada penama merupakan harta pusaka si mati.

²⁵⁴ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*

Terdapat juga keadaan di mana permohonan pengeluaran dibuat oleh ibu dan bapa si mati kerana si mati masih bujang ketika meninggal dunia. Dalam kes seperti ini juga KWSP membahagikan wang caruman dan simpanan secara sama rata kepada pemohon-pemohon. Ini misalnya diaplikasikan dalam fail P- 11497045/A/06 di mana amaun dalam kredit si mati tidak melebihi RM 20,000.00 dan permohonan pengeluaran yang pertama dibuat oleh bapa si mati, kemudian KWSP menerima permohonan yang kedua daripada ibu si mati. Ini kerana ibu dan bapa si mati telah bercerai. KWSP dalam kes ini telah membahagikan caruman dan simpanan si mati secara sama rata kepada kedua-dua pemohon.

Berdasarkan perbincangan ini, di dapati pengeluaran caruman dan simpanan KWSP yang tiada penamaan bagi amaun yang tidak memerlukan pemohon SKM iaitu amaun kurang daripada RM20,000.00, KWSP boleh membuat bayaran caruman dan simpanan kepada lebih dari seorang pemohon. Penerima-penerima caruman dan simpanan tersebut adalah bertindak sebagai pentadbir kepada wang tersebut. Manakala jika si mati masih mempunyai harta lain, maka mahkamah juga akan melantik pentadbir pusaka bagi harta pusakanya. Keadaan ini akan menyebabkan wujud lebih dari 2 orang pentadbir pusaka. Tambahan pula, pentadbir pusaka yang dilantik oleh mahkamah biasanya lebih dari seorang. Ini kerana berdasarkan peruntukan seksyen 4 (1) Akta Probet dan Pentadbiran Mahkamah boleh melantik maksimum 4 orang Pentadbir Pusaka.²⁵⁵

Oleh itu, jika pihak KWSP meluluskan bayaran kepada lebih dari seorang pemohon, maka akan terdapat lebih kurang 4 orang pentadbir pusaka si mati. Sekalipun pentadbir

²⁵⁵ Akta Probet dan Pentadbiran, *op.cit.*

dalam konteks penerima caruman dan simpanan KWSP hanya sebagai pentadbir bagi wang tersebut, tetapi situasi ini secara tidak langsung akan memberi impak negatif kepada pentadbiran harta pusaka si mati. Ketidakteraturan pentadbiran ini akan mengganggu pentadbiran harta si mati yang lain. Selain itu, situasi ini akan menjadi lebih kritikal jika penerima bayaran pendahuluan sebanyak RM2,500.00 dan baki amaun tersebut bukan orang yang sama. Ini akan menyebabkan bertambahnya bilangan pentadbir pusaka si mati. Ini sudah pasti akan menyebabkan proses pentadbiran pusaka menjadi lebih kompleks dan sukar diselaraskan.²⁵⁶

5.2.3 Perbezaan Agama Si Mati Dengan Pemohon

Berdasarkan amalan di KWSP dan peruntukan umum peraturan 8 (a) (i) (ii)²⁵⁷ yang memperuntukkan mengenai pihak-pihak yang layak membuat permohonan pengeluaran caruman dan simpanan yang tiada penamaan iaitu pentadbir pusaka atau orang yang pada pandangan Lembaga berhak dan berkemungkinan besar diberi SKM atau benefisiari. Seterusnya peruntukan peraturan 8 tersebut diperincikan di dalam Risalah Pengeluaran Kematian iaitu pentadbir pusaka, balu atau duda, anak-anak atau penjaga mereka, ibu atau bapa, dan saudara kandung si mati yang layak memohon pengeluaran caruman dan simpanan si mati.

Walau bagaimanapun peruntukan umum tersebut tidak menyebut dengan nyata mengenai status agama pihak pemohon caruman dan simpanan si mati yang beragama

²⁵⁶ KWSP membuat bayaran menggunakan 2 kaedah. Kaedah yang pertama ialah KWSP akan meminta pentadbir-pentadbir tersebut membuka “akaun bersama”, kemudian KWSP akan membuat bayaran terus ke dalam akaun tersebut. Kaedah yang kedua ialah KWSP membuat bayaran melalui waran atau cek. Nama-nama pentadbir akan dimasukkan dalam cek tersebut.

²⁵⁷ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*

Islam. Namun begitu, mengikut aplikasi di KWSP, pihak KWSP tidak akan meluluskan permohonan pengeluaran caruman dan simpanan yang dibuat oleh waris bukan Islam.²⁵⁸ Ini misalnya boleh berlaku apabila ahli yang pada asalnya bukan beragama Islam telah memeluk Islam dan waris-waris beliau yang bukan Islam mengemukakan permohonan pengeluaran caruman dan simpanannya. KWSP dalam usaha tidak meluluskan pengeluaran caruman dan simpanan tersebut hanyalah bersandarkan kepada kuasa budi bicaranya sahaja.²⁵⁹

Sekalipun tindakan ini boleh dikatakan sebagai tindakan yang wajar dalam usaha melaksanakan prinsip undang-undang Islam dalam konteks tersebut, tetapi ia memerlukan satu peruntukan yang lebih kukuh dalam memberi kuasa kepada KWSP bagi menangani hal seperti ini. Ini kerana KWSP tidak boleh selama-lamanya bergantung kepada budi bicaranya semata-mata apabila menghadapi situasi ini. Tambahan pula KWSP merupakan badan berkanun yang tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan dan aktanya. Oleh itu, pihak KWSP yang terikat dengan dua undang-undang tersebut boleh jika mengikut praktikal asalnya membuat bayaran caruman dan simpanan si mati kepada waris si mati yang membuat tuntutan pengeluaran sekalipun waris yang menuntut bukan beragama Islam. Manakala KWSP selepas melepaskan bayaran kepada pemohon ia tidak akan bertanggung lagi terhadap caruman dan simpanan tersebut. Oleh itu, jika terdapat waris si mati lain yang beragama Islam tidak berpuashati, pilihan yang ada hanyalah melalui saluran Mahkamah.

²⁵⁸ En. Illias Haji Hassan, *op.cit.*

²⁵⁹ *Ibid.*

Manakala di Mahkamah pula, sekalipun mahkamah menggunakan prinsip undang-undang Islam iaitu ahli waris bukan Islam tidak boleh mewarisi atau menjadi pentadbir harta orang Islam tetapi mahkamah tiada kuasa untuk membatalkan keputusan yang dibuat oleh KWSP. Ini kerana KWSP membuat keputusan berdasarkan peruntukan yang sah. Situasi ini berbeza jika Mahkamah sendiri yang membuat keputusan memberikan SKM pusaka orang Islam kepada bukan Islam, di mana Mahkamah boleh membatalkan keputusannya kerana ia diberi kuasa oleh seksyen 34²⁶⁰ yang membenarkan mahkamah membatalkan atau meminda Probet atau SKM atas apa-apa sebab yang mencukupi.

Ini misalnya dapat dilihat dalam kes Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan lwn Lim Ee Seng & Satu Lagi.²⁶¹ Mahkamah dalam kes ini yang menggunakan prinsip kes Timah bte Abdullah²⁶² telah membatalkan SKM yang dikeluarkan kepada defendan iaitu balu dan anak si mati kerana si mati telah memeluk Islam dan defendan-defendan bukan Islam. Tetapi dalam konteks caruman dan simpanan KWSP, mahkamah tiada kuasa membatalkan keputusan yang dibuat oleh KWSP. Ini kerana KWSP membuat keputusan berdasarkan kuasa yang diberikan oleh Aktanya yang sah.

Timbul juga persoalan, jika ahli waris yang tidak berpuashati ingin membawa perkara itu ke mahkamah, peruntukan manakah yang memberi kuasa kepada mereka untuk mengambil tindakan tersebut. Ini kerana Akta KWSP tidak memperuntukkan kuasa kepada ahli waris yang tidak berpuas hati dengan keputusan KWSP untuk membawa perkara itu ke mahkamah. Begitu juga jika dilihat dari konteks Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208),

²⁶⁰ Akta Probet dan Pentadbiran, *op.cit.*

²⁶¹ [2000] 2 MLJ 572.

²⁶² (1941) MLJ 51.

juga tidak memperuntukkan kuasa kepada mahkamah untuk membatalkan keputusan yang telah di buat oleh Pemegang Amanah. Oleh itu, dilihat seperti tiada penyelesaian yang konkrit bagi situasi perbezaan agama di antara pemohon dengan si mati.

5.2.4 Penerima Caruman dan Simpanan Tidak Mengagihkan Wang Caruman dan Simpanan Kepada Ahli Waris Yang Berhak

Mengikut undang-undang dan amalan di KWSP, jelas bahawa KWSP dalam konteks peranannya terhadap wang caruman dan simpanan ahlinya adalah sebagai Pemegang Amanah. Manakala penerima caruman dan simpanan yang menerima wang tersebut apabila ahli KWSP meninggal dunia tanpa membuat penamaan adalah bertindak bukan sahaja sebagai benefisiari malah sebagai pentadbir kepada wang tersebut. Beliau perlu mentadbir wang tersebut dengan mengagihkannya kepada ahli waris si mati lain yang berhak mengikut undang-undang Islam. Namun begitu, kadangkala terdapat keadaan di mana penerima wang caruman dan simpanan tidak menjalankan tanggungjawabnya dengan betul apabila beliau membolot semua wang yang diterimanya. Ini boleh berlaku sekalipun pihak KWSP telah memaklumkan kepada penerima mengenai tanggungjawabnya sama ada memaklumkan melalui surat rasmi atau secara lisan.

Ini misalnya berlaku dalam kes P-11858864 (A) 06, amaun caruman dan simpanan dalam kes ini kurang daripada RM20,000.00. KWSP meluluskan bayaran caruman dan simpanan kepada anak sulung si mati sebagai pentadbir di mana kelulusan pembayaran tersebut dibuat tanpa meminta persetujuan daripada anak-anak si mati yang lain. Di

samping itu, pihak KWSP juga menyertakan bersama kelulusan itu, surat makluman yang menyatakan bahawa penerima tersebut hanya sebagai pentadbir kepada wang yang diterimanya dan beliau perlulah mengagihkannya kepada ahli waris lain yang berhak. Tetapi KWSP kemudiannya menerima aduan daripada anak-anak si mati yang lain bahawa penerima tersebut tidak mengagihkan wang tersebut kepada mereka. Apabila berlaku keadaan ini, pihak KWSP sebagai Pemegang Amanah tidak dapat mengambil sebarang tindakan terhadap penerima caruman dan simpanan tersebut. Ini kerana KWSP tidak diberi kuasa oleh Aktanya untuk mengambil sebarang tindakan apabila berlaku kes penerima caruman dan simpanan tanpa penamaan tidak mentadbir wang yang diterimanya dengan betul.

Sebaliknya, konteks ini berbeza dengan kes caruman dan simpanan yang ada penama. Ini kerana jika penama yang menerima caruman dan simpanan si mati tidak menjalankan tanggungjawabnya sebagai wasi, beliau boleh di kenakan penalti oleh KWSP sendiri. Penalti am tersebut diperuntukkan di bawah seksyen 60²⁶³ yang memperuntukkan:

” Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan atau kaedah yang dibuat di bawahnya adalah melakukan sesuatu kesalahan dan jika tiada penalti khas diperuntukkan dengan nyata dalam Akta ini atau peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya itu, apabila disabitkan, boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau kedua-duanya.”

²⁶³ Akta KWSP, *op.cit.*

Berdasarkan peruntukan seksyen 60 tersebut, Penama tersebut boleh dikenakan penalti kerana melanggar peraturan 9 (2)²⁶⁴ yang menyebut bahawa penama bagi orang Islam bukanlah semata-mata sebagai benefisiari sebaliknya beliau juga adalah wasi yang perlu membahagikan wang yang diterimanya mengikut undang-undang Islam. Walau bagaimanapun, ini tidak berlaku kepada penerima wang caruman dan simpanan yang tiada penamaan jika penerima tersebut tidak menjalankan tanggungjawabnya sebagai pentadbir kepada wang caruman dan simpanan tersebut. Ini kerana tanggungjawabnya tidak diperuntukkan di dalam Akta, peraturan, atau kaedah sebagaimana tanggungjawab penama dalam kes caruman dan simpanan yang ada penama. Oleh itu, beliau tidak boleh dikenakan penalti di bawah seksyen 60²⁶⁵ jika beliau tidak mengagihkan wang yang diterimanya kepada ahli waris lain yang berhak. Sebaliknya KWSP hanya boleh menasihati waris-waris yang membuat aduan supaya mereka mengambil tindakan di Mahkamah yang berkenaan.²⁶⁶

Inisiatif yang diambil oleh KWSP dengan memberikan surat makluman kepada penerima yang menyatakan tanggungjawabnya untuk mentadbir wang yang diterimanya patut diberi pujian sekalipun perkara itu tidak diperuntukkan dalam undang-undang atau peraturan-peraturannya. Namun begitu, surat makluman itu hanyalah surat biasa yang tiada kesan dari segi undang-undang. Oleh itu penerima tersebut tidak terikat untuk mematuhi kehendak surat tersebut. Maka apabila berlaku penipuan dalam agihan caruman dan simpanan tersebut, KWSP sebagai pemegang amanah tiada kuasa untuk mengambil

²⁶⁴ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*

²⁶⁵ Akta KWSP, *op.cit.*

²⁶⁶ En. Illias Haji Hassan, *op.cit.*

tindakan terhadap pesalah. Sebaliknya ahli waris yang lain perlu ke Mahkamah untuk menuntut hak mereka.

Rentetan dari itu, timbul persoalan di bawah peruntukan manakah penerima caruman dan simpanan yang tidak menjalankan tanggungjawabnya itu akan di dakwa. Adakah beliau akan didakwa di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 kerana melakukan pecah amanah atau di bawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959 kerana melakukan kesalahan sebagai pentadbir pusaka. Ketidakpastian ini boleh menyebabkan penerima caruman dan simpanan tersebut akhirnya terlepas tanpa diadili dengan sepatutnya.



BAB KEENAM

BAB KEENAM

RUMUSAN DAN CADANGAN

Berdasarkan penemuan kajian, maka dapat dirumuskan bahawa caruman dan simpanan KWSP sama ada yang ada penama atau tiada penama merupakan harta. Seterusnya berdasarkan keterangan syarak dan beberapa peruntukan undang-undang mengenai caruman dan simpanan KWSP yang tiada penama, ia jelas menunjukkan bahawa caruman dan simpanan tersebut merupakan harta pusaka si mati. Oleh itu, jika diteliti beberapa undang-undang kepada institusi yang terlibat dalam pentadbiran harta ini, misalnya Akta Insurans 1996 (Akta 553) dan Akta Koperasi 1993 (Akta 502) peruntukan pentadbirannya adalah mengikut undang-undang pusaka di Malaysia.

Perkara berkaitan tuntutan dan agihan caruman dan simpanan KWSP yang tiada penamaan diperuntukkan di bawah Peraturan 8, Peraturan-Peraturan KWSP.²⁶⁷ Walau bagaimanapun, ia perlu dibaca bersama peruntukan Akta 452²⁶⁸ dan Kaedah-kaedah KWSP²⁶⁹ serta beberapa Risalah Pengeluaran yang disediakan oleh KWSP untuk rujukan orang awam. Berdasarkan peruntukan peraturan 8 tersebut, pihak yang paling layak membuat tuntutan pengeluaran adalah Pentadbir Pusaka si mati. Ini sejajar dengan konsep caruman dan simpanan tersebut yang merupakan harta pusaka si mati. Namun begitu, jika tiada Pentadbir Pusaka dilantik, maka waris terdekat layak membuat tuntutan atau permohonan pengeluaran. Walau bagaimanapun, jika si mati tidak meninggalkan waris terdekat, maka waris yang jauh seperti bapa saudara boleh mengemukakan permohonan

²⁶⁷ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*

²⁶⁸ Akta KWSP, *op.cit.*

²⁶⁹ Kaedah-Kaedah KWSP, *op.cit.*

pengeluaran. Tetapi dalam meluluskan permohonan tersebut, ia bergantung kepada budi bicara KWSP dengan mengambil kira faktor keselamatan caruman dan simpanan si mati. Seperti prosedur biasa, KWSP juga telah menetapkan beberapa dokumen yang perlu disediakan oleh pemohon semasa mengemukakan permohonan pengeluaran. Dokumen tersebut bertujuan membuktikan kematian dan hubungan.

Mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan KWSP 2001 dan perlaksanaannya di KWSP, prosedur pengeluaran caruman dan simpanan yang tiada penamaan secara umumnya adalah dengan mengemukakan mana-mana satu daripada SKM, atau Surat Probet atau Perintah Pembahagian. Walau bagaimanapun, jika dokumen tersebut tidak dikemukakan selepas 2 bulan dari tempoh kematian si mati, maka prosedur pengeluaran adalah berdasarkan amaun caruman dan simpanan si mati atau ahli. Setakat ini diperuntukkan tiga kategori amaun iaitu amaun caruman dan simpanan kurang daripada RM2,500, amaun caruman dan simpanan melebihi RM2,500 dan kurang daripada RM20,000.00, dan amaun caruman dan simpanan melebihi RM20,000.00. Setiap kategori amaun tersebut telah ditentukan prosedur pengeluarannya.

Bagi amaun pertama, KWSP akan membuat bayaran serta merta kepada pemohon apabila semua syarat-syarat dan semua prosedur dipenuhi. Bayaran ini dikodkan sebagai pengeluaran kod 1. Manakala bagi amaun kedua, bayaran akan dibuat secara 2 peringkat iaitu peringkat menggunakan bayaran kod 1, kemudian baki caruman dan simpanan akan dibayar selepas 2 bulan kepada orang yang sama. Bayaran ini dikodkan sebagai pengeluaran kod 2. Seterusnya bagi amaun ketiga, bayaran tidak melebihi RM 20,000.00

akan dibuat melalui kod 1 dan kod 2, manakala untuk pengeluaran baki caruman dan simpanan pemohon perlu mengemukakan SKM atau Probet atau Perintah Pembahagian. Bayaran ini akan dikodkan sebagai pengeluaran kod 3.

Meneliti dapatan kajian, didapati pihak KWSP dalam keadaan biasa akan mengikut sepenuhnya prosedur yang diperuntukan di bawah Peraturan²⁷⁰, Kaedah²⁷¹ dan Aktanya²⁷². Walau bagaimanapun, dalam keadaan-keadaan tertentu pihak KWSP perlu menggunakan budi bicara dalam menguruskan urusan pengeluaran caruman dan simpanan si mati. Ini bertujuan untuk melancarkan pengurusan serta mengelakkan penyelewengan caruman dan simpanan yang akhirnya akan memudaratkan harta peninggalan si mati dan waris-warisnya yang berhak. Biasanya KWSP akan menggunakan budi bicaranya dalam kes-kes seperti permohonan pengeluaran dikemukakan oleh pemohon atau waris si mati yang tidak beragama Islam, permohonan pengeluaran dikemukakan oleh selain daripada waris terdekat si mati misalnya penjaga anak-anak si mati, bapa saudara si mati. Budi bicara juga digunakan jika pihak waris yang layak membuat tuntutan pengeluaran mengikut senarai keutamaan tidak dapat dikesan atau tidak dapat melengkapkan dokumen yang dikehendaki.

Melalui penggunaan budi bicaranya, pihak KWSP akan meminta pemohon mengemukakan dokumen tambahan bagi menyokong permohonan, KWSP akan menjalankan sisatan khasnya dalam kes permohonan dikemukakan oleh penjaga anak si mati, KWSP akan meminta persetujuan adik beradik si mati jika permohonan pengeluaran dikemukakan oleh salah seorang adik beradik si mati. KWSP tidak meluluskan

²⁷⁰ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*

²⁷¹ Kaedah-Kaedah KWSP, *op.cit.*

²⁷² Akta KWSP, *op.cit.*

permohonan sekalipun pemohon dapat melengkapkan semua prosedur. Ini biasanya dalam kes KWSP menerima aduan mengenai tingkah laku pemohon yang tidak menepati ciri-ciri tingkah laku seorang pentadbir kepada sesuatu harta. Misalnya pemohon seorang kaki judi, pelacur dan seumpamanya sifat-sifat yang secara tidak langsung menghilangkan kelayakannya untuk menjadi pentadbir caruman dan simpanan si mati.

Kajian mendapati KWSP berjaya dan berusaha menjalankan tanggungjawabnya sebagai pemegang amanah kepada caruman dan simpanan si mati dengan penuh komited. Ini dapat dilihat, di mana KWSP seboleh mungkin berusaha memilih pihak yang layak untuk menyerahkan amanahnya iaitu caruman dan simpanan si mati bagi memastikan amanah tersebut sampai kepada orang yang berhak menerimanya iaitu waris si mati. Namun begitu, masih terdapat beberapa kekangan atau isu-isu yang perlu diatasi segera bagi melancarkan pengurusan pengeluaran caruman dan simpanan si mati dan mengelakkan masalah-masalah berbangkit lain timbul kelak.

Isu-isu tersebut ialah ekoran tindakan KWSP yang tidak konsisten dalam menangani masalah kesilapan teknikal dan perbezaan data dalam dokumen-dokumen pembuktian hubungan atau kematian. Ini berlaku sekalipun dalam situasi yang sama tetapi bagi kes yang berlainan. Masalah ini berlaku disebabkan KWSP tidak ada peraturan bertulis mengenai tindakan yang perlu diambil apabila berlaku situasi sedemikian. Selain itu, isu dokumen pembuktian hubungan yang ditetapkan oleh KWSP yang perlu dikemukakan oleh pemohon semasa membuat permohonan pengeluaran tidak mencukupi untuk mengurangkan risiko berlaku penipuan pengeluaran juga berbangkit. Ini

membabitkan Sijil Perkahwinan dan Sijil Kelahiran Anak dan Sijil Farāid yang perlu dikemukakan oleh pemohon. Dokumen-dokumen tersebut belum memadai untuk menjamin ketelusan maklumat yang diperlukan bagi membolehkan pengeluaran caruman dan simpanan kepada pemohon.

Tidak ketinggalan, terdapat juga isu berbangkit berkaitan agihan caruman dan simpanan. Ini di mana tidak terdapat satu mekanisma yang boleh dirujuk oleh pihak KWSP dalam menentukan pihak yang layak menerima caruman dan simpanan si mati dalam situasi terdapat lebih dari seorang pemohon yang mempunyai kedudukan yang sama misalnya permohonan daripada adik-beradik, anak-anak, balu-balu atau ibu dan bapa si mati. Selain itu, berbangkit juga isu perlantikan lebih dari dua orang pentadbir harta pusaka si mati. Ini berlaku apabila KWSP meluluskan permohonan pengeluaran caruman dan simpanan kepada lebih dari seorang pemohon. Ini biasanya berlaku dalam kes permohonan dibuat oleh balu-balu si mati dan dalam kes KWSP membahagikan caruman dan simpanan secara sama rata di kalangan pemohon-pemohon.

Seterusnya, isu ketiadaan peruntukan mengenai status agama pemohon dalam Peraturan-Peraturan KWSP 2001 juga perlu diatasi segera. Ini kerana sekalipun didapati pihak KWSP menggunakan budi bicaranya dengan tidak meluluskan permohonan pengeluaran yang dikemukakan oleh pemohon yang berlainan agama dengan si mati, tetapi situasi ini memerlukan penyelesaian yang lebih jitu dalam menjamin kemaslahatan caruman dan simpanan si mati. Di samping itu, timbul juga isu kekangan perundangan dalam menangani keadaan penerima caruman dan simpanan yang secara automatik menjadi

wasi atau pentadbir tidak melaksanakan tanggungjawabnya untuk mengagihkan wang yang diterimanya kepada waris lain yang berhak.

Namun begitu, KWSP dalam usaha menjalankan tanggungjawabnya sebagai pemegang amanah telah mengambil beberapa inisiatif yang difikirkan patut dan perlu untuk menjaga kemaslahatan caruman dan simpanan si mati terutamanya dalam keadaan pengeluaran tidak menggunakan SKM. Inisiatif tersebut termasuk tindakan KWSP menasihati penerima caruman dan simpanan secara bertulis supaya mengagihkan wang yang diterimanya kepada ahli waris yang berhak, tindakan KWSP mengadakan siasatan dalam beberapa kes permohonan pengeluaran dikemukakan oleh penjaga kepada anak si mati. Selain itu, KWSP juga dengan menggunakan budi bicaranya akan meminta persetujuan anak-anak si mati dalam kes permohonan pengeluaran dikemukakan oleh salah seorang daripada anak si mati.

Ini jelas menunjukkan kesediaan KWSP mengambil tindakan dalam memastikan urusan tuntutan dan agihan caruman dan simpanan tanpa penamaan berjalan dengan lancar dan terjamin. Oleh itu, dicadangkan supaya dibuat beberapa pindaan dalam beberapa perkara iaitu:

1. Memperkemaskan lagi Peraturan-Peraturan KWSP²⁷³ dengan mengadakan peruntukan mengenai status agama penerima caruman dan simpanan si mati. Peruntukan yang menyatakan bahawa jika ahli yang beragama Islam mati, tanpa membuat penamaan, lembaga hanya boleh membuat bayaran kepada pemohon yang beragama Islam dan beliau bertindak bukan semata-mata sebagai benefisiari, malah sebagai pentadbir bagi wang yang diterimanya perlu diadakan dengan kadar yang segera.

²⁷³ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*

2. Membuat pindaan dengan segera mungkin kepada Akta 452²⁷⁴ atau Peraturan-Peraturannya²⁷⁵ dengan mengadakan peruntukan yang menyatakan bahawa penerima caruman dan simpanan tanpa penamaan bukan hanya semata-mata sebagai benefisiari tetapi juga bertindak sebagai wasi yang perlu mengagihkan wang caruman yang diterimanya kepada ahli waris yang berhak. Tambahan pula dalam konteks caruman dan simpanan yang ada penamaan di bawah Peraturan 9 (2) diperuntukkan bahawa penama yang beragama Islam bertindak sebagai wasi bukan semata-mata benefisiari. Selain itu, bandingan terdekat boleh dilihat kepada Akta Insurans²⁷⁶ yang ada membuat peruntukan berkenaan bagi kes wang polisi si mati yang tiada penama. Seksyen 171 memperuntukkan:

” Seseorang yang kepadanya wang polisi boleh dibayar di bawah seksyen 169 hendaklah menerima wang polisi itu sebagai wasi dan bukan semata-mata sebagai seorang benefisiari dan hendaklah membahagikan wang polisi itu dalam perjalanan pentadbiran harta pusaka simati menurut terma suatu wasiat simati dan jika tidak ada apa-apa wasiat, menurut undang-undang yang terpakai kepada pentadbiran, pembahagian dan pelupusan harta pusaknya kerana ketiadaan wasiatnya”

3. Memasukkan juga peruntukan mengenai penalti yang akan dikenakan jika penerima caruman dan simpanan atau wasi tidak melaksanakan tanggungjawabnya atau dengan lebih khusus wasi tidak mengagihkan wang yang diterimanya kepada ahli waris yang berhak. Ini boleh diperuntukkan bahawa wasi yang tidak melaksanakan tanggungjawabnya boleh dikenakan penalti dibawah seksyen 60²⁷⁷, iaitu penalti am bagi mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Akta atau Peraturan

²⁷⁴ Akta KWSP, *op.cit.*

²⁷⁵ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*

²⁷⁶ Akta Insurans, *op.cit.*

²⁷⁷ Akta KWSP, *op.cit.*

atau kaedah. Peruntukan penalti ini perlu di masukkan bersama-sama peruntukan yang menyatakan mengenai tanggungjawab wasi tersebut. Ini perlu agar peruntukan tersebut lebih kemas dan mudah untuk dikuatkuasakan.

4. Bagi memudahkan urusan pentadbiran harta pusaka si mati termasuk juga wang caruman dan simpanan KWSP si mati, maka dicadangkan supaya peraturan 8 (b) (i)²⁷⁸ yang memperuntukan mengenai bayaran caruman dan simpanan yang berjumlah tidak melebihi RM2,500.00 (Pengeluaran jenis kod 1) hanya terpakai bagi kes amaun caruman dan simpanan si mati tidak melebihi RM2,500.00 sahaja dan tidak terpakai bagi kes amaun caruman dan simpanan yang melebihi RM2,500.00. Ini perlu bagi mengelakkan berlaku situasi di mana terdapat lebih dari 3 orang pentadbir harta pusaka si mati.
5. Berdasarkan penemuan kajian didapati terdapat kes KWSP akan membayar secara sama rata apabila terdapat dua permohonan serentak dan pemohon-pemohon mempunyai keutamaan yang sama dan mereka bersetuju. Misalnya pemohon-pemohon adalah balu atau anak-anak si mati.²⁷⁹ Rentetan itu, dicadangkan supaya bayaran caruman dan simpanan bagi kod 2 iaitu amaun caruman dan simpanan tidak melebihi RM20,000.00 di mana pengeluarannya tidak memerlukan pemohon mengemukakan SKM²⁸⁰ hanya dibuat kepada seorang penerima atau wasi sahaja. Jika berlaku pertelingkahan di antara pemohon-pemohon, maka dicadangkan pihak KWSP meminta mereka mengemukakan SKM. Selain untuk memudahkan pengurusan pengeluaran ini juga bertujuan melancarkan pentadbiran harta pusaka si mati.

²⁷⁸ Peraturan-Peraturan KWSP, *op.cit.*

²⁷⁹ Lihat perbincangan isu ini dalam bab 4.

²⁸⁰ Bayaran caruman dan simpanan si mati akan dibuat tanpa memerlukan SKM selepas dua bulan dari tarikh kematian si mati.

6. Perbincangan sebelum ini menunjukkan balu atau duda yang mengemukakan permohonan pengeluaran caruman dan simpanan perlu mengemukakan Sijil Nikah dan Sijil Lahir anak bagi tujuan membuktikan hubungan. Namun begitu, kedua-dua dokumen hubungan tersebut masih belum mencukupi dalam memastikan kesahan maklumat yang diperlukan. Misalnya dalam kes penipuan identiti Allahyarham Norizam Ahmad yang menggunakan identiti Mohd Syarizal Wahab. Ini di mana balu kepada Allahyarham Norizam Ahmad juga tidak tahu mengenai penipuan yang dilakukan oleh suaminya. Oleh itu, dicadangkan supaya balu atau duda yang mengemukakan permohonan pengeluaran kematian khususnya bagi caruman dan simpanan yang tiada penamaan, perlu juga mengemukakan Sijil Kelahiran atau Sijil Perkahwinan atau Sijil Kematian ibu dan bapa si mati. Ini bertujuan selain mengukuhkan maklumat juga boleh mengurangkan risiko berlaku penipuan dan masalah-masalah berbangkit lain dalam tuntutan dan agihan caruman dan simpanan tanpa penamaan ini.



BIBLIOGRAFI

BIBLIOGRAFI

KAMUS

Al-Mu‘jam al-Wasi‘ (1972), 2 j , c. 2. T.T.P, T.P.

Daniel Greenberg (2000), *Stroud’s Judicial Dictionary of Words and Phrases*, j. 2, c. 6. London: Sweet & Maxwell.

J E Penner (2001), *Mozley & Whiteley’s Law Dictionary*, c. 12. Butterworths.

Kamus Dewan (2000), edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

BUKU

‘Abdul Karīm Zaydān (1976), *al-Madkhal li Dirāsah al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*. Baghdad: Maktab al-Quds.

‘Abdul Raḥman al-Jazīrī (1979), *Kitāb al-Fiqh A’la al-Madhāhib al-Arba’ah*, 3 j. Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā.

Abdul Rashid Haji Abdul Latiff (1986), *Wasiat dalam Islam: Pengertian dan Kedudukannya di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Ibrahim (Prof.) (1976), *The Distribution of Estates According to Shafii Law*, Singapore: Malayan Law Journal. Pte. Ltd.

Aḥmad Muḥammad ‘Ali Dāwud (1977), *al-Ḥuqūq al-Muta‘alliqah bi al-Tarikah bayna al-Fiqh wa al-Qanūn: al-Tajhīz wa al-Duyūn wa al-Wasāyā wa al-Mawāriṭh wa Taqsīmatihī*. Maktabah al-Thaqāfah li al-Nashri wa al-Tauzī‘.

Badrān Abū al-‘Ayny Badrān (t.t), *Tarīkh al-Fiqh al-Islāmī wa Nazariyyah al-Milkiyyah wa al-‘Uqūd*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah.

Earl Babbie (1998), *The Practice of Social Research*. Wadsworth Publishing Company.
Ibnu 'Ābidīn (1966), *Hāshiyah Rad al-Muḥtār*, 4 j, c. 2. Mesir: Muṣṭafa al-Bābi al-Ḥalabī wa Awlādihī.

Ibnu Qudāmah (1981), *al-Mughnī*, 5 j. Riyāḍ: Maktabah al-Riyāḍ al-Ḥadīthah.

Michael Quinn Patton (1990), *Qualitative Evaluation and Research Methods*. California: Sage Publication.

Mohd. Ridzuan Awang (1988), *Undang-undang dan Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Al-Rahmaniah.

_____, (1994), *Undang-undang Tanah Islam : Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Zamro Muda dan Mohd. Ridzuan Awang (2006), *Undang-undang Pusaka Islam: Perlaksanaannya di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muḥammad Muṣṭafa Shalabī (1967), *Aḥkam al-Mawāriṭh bayna al-Fiqh wa al-Qanūn*. Iskandariah: al- Maktab al-Miṣrī al-Hadīth li al-Ṭābā`ah wa al-Nashri.

Muḥammad Salām Madkūr (1955), *al-Fiqh al-Islāmī: al-Madkhal wa al-Amwāl wa al-Huqūq wa al-Milkīyah wa al-'Uqūd*, c.2. Kaherah: Maktabah 'Abdullah Wahbah.

Muḥammad Sharbini al-Khāṭib (1958), *Mughni al-Muḥtāj ila Ma'arifah Ma'ānī Alfaz al-Minhāj*, 3 j. Mesir : Sharikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafa al-Bābi al-Ḥalabi wa Awlādihī.

Muṣṭafa Aḥmad Al-Zarqā' (1965), *al-Madkhal ila Nazariyah al-Iltizām al-'Ammah fi al-Fiqh al-Islāmī*, 3 j, c. 6. Damsyiq: Maṭba'ah Ṭorbin, h. 114-15.

Muṣṭafa al-Khin et.al (2000), *al-Fiqh al-Manhajī 'ala Madhāhib al-Imām al-Syāfi'*, 2 j. Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Othman Ishak (1981), *Fatwa dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.

Othman Lebar (2006), *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*, Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Pawancheek Marican (2008), *Islamic Inheritance Laws in Malaysia*, c. 2. Selangor: Lexis Nexis.

Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Prentice Hall.

Sheikh Abdulah bin Muhammad Basmeih (1996), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, c. 13. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Shihabuddin al-Qalyubi *et.al* (t.t), *Hāshiyah Qalyubī wa ‘Umayrah ‘ala Sharah Jalālluddīn al-Muḥallā ‘ala Minhāj al-Ṭalibīn li Sheikh Mahyuddīn al-Nawawī*, 3 j. Mesir, Dār al-Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabīyyah.

Siti Mashitoh Mahamood (2006), *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia: Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Siti Zalikhah Md. Noor (1996), *Pemilikan Harta dalam Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tan Yock Lin (1993), *Conflict Issues in Family and Succession Law*. Buterworths.

Therese L. Baker (1999), *Doing Social Research*. McGraw-Hill.

Wahbah al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 4 j, c. 3. Damsyiq: Dār al-Fikr.

Zaynuddīn ‘Abdul ‘Azīz bin Zaynuddīn (1995), *Hāshiyah h ‘T’ānāh al-Ṭalibīn*, j. 3. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiah.

ARTIKEL

Abdul Kadir Hj. Muhammad, “Harta Penama Bukan Harta Pemberian dan Wasiat”, *Jurnal Syariah*, Jilid 5, Bil. 2, 1997, hh. 161-165.

Abdul Monir Yaacob (1998) “Perkembangan Institusi Mufti di Malaysia” dalam Abdul Monir Yaacob et al. (eds.), *Mufti dan Fatwa di Negara-negara Asean*, c.1. Percetakan Yayasan Islam Terengganu, hh. 113-144.

Ahmad Hidayat Buang (2005), “Perkembangan dan Isu-isu Undang-undang Pusaka dan Wasiat di Malaysia”, dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hh. 105-115.

Ahmad Ibrahim (1988), “Harta Penama”, dalam Mohd. Ridzuan Awang (ed.), *Undang-undang dan Pentadbiran Harta Pusaka Orang-orang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : al-Rahmaniah, hh. 105-115.

Iznan Ishak, “Tuntutan Harta Pusaka: Tinjauan Ringkas, *Kanun*, Jilid 6, bil. 2, 1994, hh. 26-32.

Kamarul Zaman Haji Habib (1988), “Sistem Pengurusan dan Pembahagian Pusaka, Khususnya Pembahagian Harta Pusaka Kecil”, dalam Mohd Ridzuan Awang (ed.), *Undang-undang dan Pentadbiran Harta Pusaka Orang-orang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: al-Rahmaniah, hh. 117-132.

Mahmood Saedon A. Othman (1991), “Konsep Pemilikan Harta Dalam Islam”, dalam Ahmad Ibrahim, *Al-Ahkam: Undang-undang Harta Dalam Islam*, 3 j. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 1-18.

Md. Nurdin Hj. Ngadimon, (1995), “Konsep Harta (Mal) Menurut Teori Fiqh Islam: Satu Ulasan”, *Monograf Syariah*, Bil. 3, Mei, 1995, hh. 56-65.

Mohd Ridzuan Awang (1988), “ Undang-undang Mengenai Pentadbiran dan Pengurusan Harta Orang Islam di Malaysia: Satu Pengenalan” dalam Mohd Ridzuan Awang (ed.), *Undang-undang dan Pentadbiran Harta Pusaka Orang-orang Islam di Malaysia*. Selangor: al-Rahmaniah, hh. 1-28.

Narizan Abdul Rahman (2006), "Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam:Tinjauan Kepada Harta Penama" dalam Siti Mashitoh Mahamood, *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia: Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran*. Penerbit Universiti Malaya, hh. 209-223.
Pawancheek Marican, *The Legal Effect of Nominations by Muslims*, (1997) 2 *MLJ*, hh. cxxxviii – cxlvii.

Salleh Buang (2006), "Pembentukan Harta Amanah Mengikut Undang-undang di Malaysia: Sejauh Manakah Undang-undang Islam Terpakai?" dalam Siti Mashitoh Mahamood, *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia: Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran*. Penerbit Universiti Malaya, hh. 51-65.

Shukeri Mohamad, "Maqasid al-Syariah dalam Pengurusan Harta", *Monograf Syariah*, 1996, hh. 1-25.

Wan Muhamed bin Hj. Wan Mustapha, *Undang-undang yang Bersangkutan Dengan Pentadbiran Harta di Malaysia Sebagai Kajian Untuk Diselaraskan Dengan Undang-undang Islam*, (1982) *MLJ*.

_____, "Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam", dalam Mohd Ridzuan Awang (ed.), *Undang-undang dan Pentadbiran Harta Pusaka Orang-orang Islam di Malaysia*. Selangor: al-Rahmaniah, hh. 151-167.

BAHAN RASMI INSTITUSI

KWSP: *Dahulu Kini Esok* (2001), terbitan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sempena sambutan ulangtahun ke-50 KWSP pada 1 Oktober 2001.

LAMAN WEB

<http://www.kwsp.gov.my>

AKHBAR

Berita Harian, Oktober 3, 2006:4 “Pernikahan Norizah sah: Mufti”.

Berita Harian, Oktober 3, 2006:4 “Wang KWSP perlu dipulang”.

Berita Harian, Oktober 4, 2006:4 “Saya maafkan tetapi mahu penjelasan”.

Berita Harian, Oktober 4, 2006:4 “Lelaki guna identiti Syarizal dikenal pasti”.

Berita Harian Oktober 5, 2006:4 “Norizah kesal mentua sorok identiti suami” .

Berita Harian, Ogos 29, 2007: “2.07 juta belum namakan pewaris”.

TEMUBUAL

Encik Illias Haji Hassan, Timbalan Pengurus, Jabatan Pengeluaran (HUB), KWSP.
Temubual pada 19 Mei 2007.

Encik Mohd Taib Ismail, Pengurus Bahagian Pengeluaran Kematian & Penamaan, KWSP.
Temubual pada 19 Januari 2006.

Encik Mohd Taib Ismail, Pengurus Bahagian Pengeluaran Kematian & Penamaan, KWSP.
Temubual pada 6 Disember 2007.